



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y. B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (Kepala Batas) [Ruangan 14547]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14547]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 14594]

Jawatankuasa—

Jadual—

**Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12 dan
B. 13 [Ruangan 14595]**

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 14595]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AHLEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.I. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu),
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., **PPC** (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. IP. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat),
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TIJAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar),
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kola Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok),
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P, (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.I. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

„ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

„ TUAN RADIN MALLEH (Padas).

„ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).

„ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

„ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

„ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

„ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

„ TUAN WONG WING ON (Kampar).

„ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

„ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

„ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

„ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

„ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

„ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen;

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 27hb November, 1991***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI—KEBENARAN**

Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi (Kepala Batas)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kepala Batas dari 25hb November hingga 15hb Disember, 1991.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****GURU TERLATIH SEKOLAH
TAMIL—KEKURANGAN**

1. Dr T. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) memandangkan terdapat kekurangan guru terlatih di sekolah-

sekolah Tamil, mungkingkah Kursus Dalam Cuti (KDC) dimulakan bagi guru-guru sandaran, terutamanya bagi mereka yang telah menjangkau umur 30 tahun; dan

(b) memandangkan Kerajaan akan memulakan kira-kira 2000 kelas persekolahan di sekolah-sekolah rendah pada hujung tahun ini, berapa peratuskah daripada7nya ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil. Bagaimanakah guru-guru prasekolah bagi sekolah-sekolah Tamil dilatih.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, umuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk meneruskan Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada guru-guru di Semenanjung Malaysia. Namun demikian, KDC ini masih dijalankan di Sabah dan Sarawak. Keperluan guru-guru terlatih sentiasa diawasi oleh Kementerian Pendidikan. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyediakan keperluan tenaga guru yang bukan sahaja berlaku di SRJK(T).

(b) Program Pendidikan Prasekolah akan dilaksanakan pada tahun 1992 di 1,044 buah sekolah rendah. Pemilihan sekolah-sekolah rendah bagi memulakan program ini tidak berdasarkan

kepada jenis sekolah tetapi berdasarkan kepada kriteria berikut:

- (i) di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan miskin di bandar di mana difikirkan perlu.
- (ii) di sekolah yang ada kemudahan bilik darjah yang boleh digunakan untuk tujuan ini.

Sebagai langkah pertama, program ini akan diadakan di sekolah-sekolah yang telah mempunyai kemudahan-kemudahan tertentu untuk dijadikan sebagai pusat pendidikan prasekolah.

Semua guru ini telah diberi latihan yang sama yang membolehkan mereka menjalankan aktiviti bimbingan dan asuhan di mana-mana pusat pendidikan prasekolah anjuran Kementerian Pendidikan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa sejauh manakah kekurangan guru di sekolah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina), sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) dan berapa kekosongan yang perlu diisikan pada setakat ini?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sendiri, kekurangan tenaga guru ini dialami oleh semua aliran sekolah iaitu sekolah kebangsaan, SRJK (C) dan SRJK (T). Sebagai suatu gambaran terhadap kekurangan tenaga di sekolah-sekolah ini, jumlah guru-guru sandaran di sekolah kebangsaan adalah 6,000 pada tahun ini; di SRJK (C) 3,500 dan di SRJK (T) 1,500. Ini menunjukkan bahawa kita masih menghadapi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah di semua aliran dan Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut termasuk menambahkan lagi calon-calon yang akan dipilih untuk

dimasukkan ke maktab perguruan dan memberikan kelonggaran yang tertentu untuk membolehkan lebih ramai guru sandaran dipilih sebagai calon untuk mendapat latihan di maktab perguruan.

Tuan Saidin bin Adam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan guru ini kita sudah dengar sejak berpuluh-puluh tahun dahulu. Kemudian, jawapan yang kita dapat dengar daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri bahawa Kursus Dalam Cuti tidak diadakan lagi kecuali di Sabah dan Sarawak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa di Selangor sahaja, untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil), sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina), sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan Selangor sahaja—kekurangan lebih 1,500 guru. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Kementerian Pendidikan bercadang supaya guru-guru sementara ini diberikan kursus hujung minggu, macam di zaman sebelum Perang dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Perang dahulu. (*Ketawa*)

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merasakan bahawa era 1990an ini dari segi latihan dan dari segi strategi yang kita harus laksanakan untuk menyelesaikan masalah-masalah kekurangan guru ini mestilah kita mengikut strategi yang sesuai dengan keperluan dekad 1990an ini. Jadi, kita telah melaksanakan program-program tertentu untuk mengatasi masalah tersebut termasuklah menambah lebih ramai lagi calon yang akan dimasukkan ke maktab perguruan dan kita telah memberikan kelonggaran tertentu termasuk menaikkan had umur untuk guru sandaran supaya lebih ramai guru sandaran tersebut boleh dimasukkan ke maktab perguruan.

Ingin saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, kekurangan tenaga pengajar di sekolah-sekolah ini mestilah dilihat dari segi keseluruhan iaitu pada masa sekarang apabila kita mendapati suatu keadaan ekonomi kita telah pulih, telah maju, bukan sahaja sekolah-sekolah yang menghadapi kekurangan tenaga pengajar, jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga menghadapinya, termasuklah universiti tempatan dan juga termasuklah pihak swasta sekarang pun menghadapi kekurangan tenaga. Oleh itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memahami masalah ini dari segi keseluruhannya.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SEPANG YANG BARU

2. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kenapakah Sepang dipilih sebagai lapangan terbang antarabangsa; dan
- (b) dari lapangan terbang tersebut adakah lebuh raya-lebuh raya akan dibina bagi menghubungkannya dengan bandar-bandar lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Beberapa buah kawasan telah dikenalpasti untuk tapak pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru. Daripada kawasan-kawasan tersebut, Sepang telah dipilih untuk dijadikan sebagai tapak membina lapangan terbang antarabangsa yang baru atas sebab-sebab berikut:

- (i) kawasan ini mempunyai topografi yang sesuai, iaitu pada keseluruhannya adalah rata dan tidak berbukit bukau;

- (ii) keadaan tanah adalah juga sesuai dan ini menyebabkan kos pembinaan dapat dikurangkan berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain; dan

- (iii) Sepang adalah berdekatan dengan pusat bandar yang terdapat di Lembah Kelang seperti Kuala Lumpur dan Shah Alam, Petaling Jaya dan Kelang, Seremban dan Port Dickson di sebelah Selatan. Kesemua bandar-bandar ini akan menjadi captive market, dengan izin, kepada lapangan terbang antarabangsa yang baru ini kelak.

- (b) Dua lebuh raya utama telah dikenalpasti untuk dibina bagi menghubungi lapangan terbang baru ini kelak, iaitu dari Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban di mana lebuh raya akan dibina dekat pekan Nilai dan Lebuh raya Persekutuan (Kuala Lumpur-Kelang) dekat Shah Alam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah perhubungan ataupun pengangkutan di antara sesuatu lapangan terbang antarabangsa dengan bandar-bandar utama di kawasan sekelilingnya adalah masalah besar. Maka ramai orang yang datang ke Kuala Lumpur sekarang selalu tidak boleh naik kapal terbang sebab kesesakan lalulintas. Adakah Kementerian berkenaan mengkaji contoh-contoh di luar negeri dengan harapan bahawa kita boleh mempelajari daripada pengalaman mereka bagaimana masalah ini boleh diselesaikan?

Yang keduanya, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina landasan keretapi supaya keretapi boleh sampai ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang supaya penum-

pang-penumpang boleh mengelakkan kesesakan lalulintas yang dialami, contohnya, di Federal Highway sekarang ini yang menghubungkan Subang dengan Kuala Lumpur?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya dalam jawapan tadi telah sebutkan iaitu dua lebuhraya utama telah dikenalpasti untuk dibina bagi menghubungkan lapangan terbang antarabangsa baru ini kelak, iaitu dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan juga dari Lebuhraya Persekutuan (Kuala Lumpur-Kelang) iaitu dari Shah Alam. Memang rancangan untuk membina landasan perkhidmatan keretapi sudah difikirkan dan akan dilaksanakan bila sampai masanya.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Saya percaya apabila pengambilan tanah ini dilakukan sedikit-sebanyak ada pekebun-pekebun kecil yang terlibat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan berapa ramaikah pekebun-pekebun kecil yang terlibat dan berapa luasnya?

Yang kedua, apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi pampasan dalam bentuk tanah juga atau ganti tanah kepada pekebun-pekebun kecil yang terlibat tanahnya dari segi pengambilan untuk lapangan terbang ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak ada angka mengenai beberapa ramai pekebun-pekebun kecil yang terlibat dan berapa luas tanah-tanah mereka yang diambil. Mengenai pampasan, semuanya sedang dibincangkan oleh Kementerian dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ruhanie bin, Haji Ahmad tidak hadir)

USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM DASAR PEMBANGUNAN NEGARA

15. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimanakah bentuk dan hala arah dasar pembentukan komuniti usahawan bumiputera di dalam Dasar Pembangunan Negara sehingga ke tahun 2020.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 (RPJP2), tumpuan utama Kerajaan adalah membangunkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Penekanan kepada pembangunan mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian adalah bertujuan supaya pada satu masa kelak masyarakat bumiputera bukan sahaja dapat meningkatkan pegangan ekuiti dalam sektor korporat malahan mampu menguruskan kekayaan negara dan seterusnya meningkatkan kekayaan tersebut. Dalam hal ini, Kerajaan mempunyai pandangan bahawa bentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian yang akan diwujudkan kelak adalah perlu mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (i) Usahawan, pengusaha industri serta peniaga yang inovatif, kreatif, berdaya-maju dan berkualiti;
- (ii) Mampu berdikari dan bersaing di pasaran terbuka sama ada di dalam atau di luar negeri; dan

- (iii) Mempunyai tanggungjawab sosial serta amalan nilai dan etika positif.

Bagi mencapai matlamat ini, bantuan dan sokongan hanya akan diberikan kepada usahawan atau bakal usahawan yang mempunyai kriteria kecekapan dalam persaingan dan pengurusan serta berpotensi dan mempunyai rekod perniagaan yang baik. Di samping itu juga, Kerajaan akan mengutamakan latihan pengurusan dan kemahiran bagi memperteguhkan budaya niaga dan keusahawanan di kalangan bumiputera serta pendedahan kepada teknologi canggih. Kerajaan juga menggalakkan penubuhan usahasama yang tulen di antara pengusaha bumiputera dengan bukan bumiputera sebagai landasan untuk memperluaskan pengetahuan dan memperkukuhkan rangkaian perniagaan bumiputera.

Kerajaan percaya dengan langkah-langkah yang diambil, masyarakat bumiputera akan menjadi lebih kukuh dalam perdagangan dan perindustrian serta dapat bersaing dalam pasaran terbuka menjelang tahun 2020.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jaminan diberi oleh Kerajaan agar usahawan bumiputera ini, selaras dengan hasrat kita hendak merealisasikan Dasar Pembangunan Negara ke arah tahun 2020, tidak akan dimonopolikan oleh segolongan usahawan bumiputera sahaja, dan Kerajaan membuka ataupun memberi peluang seluas-luasnya kepada bumiputera lain tidak kira terdapat perbezaan fahaman politik, agama, negeri, daerah dan sebagainya, untuk turut aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh komuniti ini nanti?

Kedua, apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang sekarang ini, terutamanya

dalam agihan skim-skim bantuan kepada usahawan bumiputera kalau kita bandingkan bumiputera di Semenanjung dengan bumiputera di Sarawak di mana perbezaannya amat ketara sekali?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya mampu menyediakan perancangan berasaskan kepada matlamat jangka panjang ini yang telah diasaskan dan diteraskan daripada Dasar Pembangunan Negara yang berteraskan kepada kepimpinan iaitu Wawasan (Vision) 2020. Jadi, ini terpulang kepada penghayatan dan penerimaan serta persediaan yang harus dilakukan oleh masyarakat, khususnya masyarakat bumiputera. Tetapi pendekatan bagi Kerajaan, khususnya Kementerian-kementerian yang berdekatan, adalah memberi tumpuan kepada beberapa aspek conceptual yang asas seperti:

- (i) memberi keutamaan kepada proses pembangunan keusahawanan itu sendiri;
- (ii) pembangunan usahawan individu; dan
- (iii) pembangunan usahawan enterprise atau syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan.

Jadi, ini adalah dijalankan secara serentak dan berintegrasi bukan hanya oleh satu-satu Jabatan tetapi di antara Jabatan-jabatan yang terlibat dan berkaitan.

Berkenaan dengan langkah-langkah yang dikatakan tidak seimbang dan tidak seadil dan sebagainya, itu adalah satu keadaan yang tidak dapat dielakkan disebabkan oleh keadaan dan peluang-peluang. Tetapi perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat sebentar tadi menunjukkan bahawa usaha Kerajaan amat baik iaitu untuk

mewujudkan golongan bumiputera yang mampan, mantap dan lain-lain lagi dan dapat menyesuaikan dengan teknologi canggih. Soalan saya ialah sejauh manakah persediaan di peringkat Kerajaan? Kita dapati bahawa yang hendak menolong untuk mewujudkan bumiputera mampan dan mantap ini ialah pegawai-pegawai Kerajaan, Sejauhmana pegawai-pegawai Kerajaan ini didedahkan kepada perkara-perkara tersebut sebelum mereka ini boleh memupuk kita.

Sebagai contohnya, katalah kita mengimport barangan-barangan terbaru, saya ingat engineers kita pun tidak didedahkan kepada perkara-perkara barangan baru dan dia akan mengambil masa untuk memikirkan bagaimana harus dibuat, kelulusan harus dibuat terutamanya Jabatan Mesin dan Jentera dan sebagainya. Jadi, apakah persediaan di peringkat Kerajaan sendiri.

Yang keduanya kita tahu bahawa di antara perkara yang menyekat pegawai-pegawai Kerajaan membantu bumiputera ini ialah peraturan Kerajaan sendiri, Financial Procedure Act, dengan izin, dan juga Peraturan Perintah Am. Apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Financial Procedure Act dan juga Perintah Am untuk membolehkan pegawai Kerajaan ini didedahkan kepada benda-benda yang baru ini dan dalam masa yang sama mereka dibolehkan untuk menolong kita orang berniaga, kalau dia sendiri tidak tahu tentang perniagaan, selok-selok perniagaan, lepas itu hendak tolong kita - susah. Jadi, akhirnya kita hanya menerima komen yang kita tidak tahu berniaga.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk melahirkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian yang mampan, mampat dan berdaya saing yang tinggi yang besar, sebab itulah

Kerajaan telah memperkenalkan asas kepada Dasar Pembangunan Negara iaitu Wawasan 2020 yang telah disebarikan secara meluas yang mana telah diangkat dan disediakan perancangan dan pelan tindakannya oleh semua Kementerian-kementerian yang ada terkandung di dalam Rancangan Malaysia Keenam yang juga turut mengambil perhatian kepada soal utama iaitu latihan pembangunan tenaga manusia bukan hanya tenaga manusia yang diberi tumpuan iaitu target sasaran tetapi tenaga manusia yang menjadi catalyst, dengan izin, ataupun yang menjadi pembimbing dan akan menjadi pendidik kepada bakal kelahiran usahawan-usahawan yang dimaksudkan.

Dengan yang demikian, Kerajaan memanglah bersedia dengan terwujudnya dan diperuniukkan beberapa peruntukan-peruntukan, umpamanya peruntukan di bawah latihan tenaga manusia dan sekolah-sekolah latihan di bawah PUNB yang menyediakan pelbagai pendekatan dan cara-cara yang lebih dinamik dan lebih realistik untuk berusaha melahirkan secara realistik dengan berkeupayaan membuat ukuran di akhir tahap petaksanaan program atau rancangan ini. Itu adalah dari segi persediaan.

Walau macam mana pun bagi kekurangan-kekurangan yang ada iaitu bagi yang masih belum peka atau tidak menghayati bukan hanya ditumpukan kepada pegawai-pegawai yang jadi pegawai pertengahan ataupun pegawai Kerajaan tetapi semua pihak termasuk juga pemimpin-pemimpin masyarakat yang harus memainkan peranan dan tanggungjawab supaya ianya menjadi suatu yang betul-betul dihayati dan dapat melahirkan masyarakat usahawan perniagaan dan perdagangan yang tulen.

Yang kedua berkenaan dengan peraturan-peraturan, perkara ini kalau berkenaan dengan prosedur dan kewangan itu tidak dapat kita elakkan tetapi Kerajaan juga ada memperkenalkan beberapa insentif-insentif baru

terutamanya di kalangan pegawai Kerajaan yang sudah mula digalakkan untuk memperkenalkan idea-idea yang inovatif dan kreatif selaras dengan perubahan dan perkembangan serta peningkatan ekonomi yang pantas berasaskan kepada pertumbuhan kadar ekonomi. Jadi, ini saya kira dapat diselaraskan mengikuti dengan kemahuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan dikemukakan, ada sedikit pembetulan. Huruf ringkas bagi rumah awam kos rendah ialah RAKR bukannya PAKR. Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 6.

FAEDAH PINJAMAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

6. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan faedah pinjaman yang dikenakan kepada Kerajaan Negeri atau agensi pelaksanaan Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) untuk membolehkan Kerajaan Negeri atau agensi tersebut menghapuskan faedah yang dikenakan kepada pembeli (RAKR).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan faedah pinjaman yang dikenakan kepada Kerajaan Negeri atau agensi pelaksanaan projek-projek rumah awam kos rendah untuk membolehkan Kerajaan Negeri atau agensi tersebut menghapuskan faedah yang dikenakan kepada pembeli. Ini adalah kerana wang yang dipinjamkan itu berpunca daripada pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos faedah

sebanyak kira-kira 8% setahun. Sebaliknya faedah yang dikenakan ke atas pinjaman bagi tujuan pembiayaan projek-projek rumah awam kos rendah hanyalah 4% sahaja. Ini bererti uniuik membantu golongan berpendapatan rendah, Kerajaan Persekutuan memberi subsidi dalam bentuk kadar faedah sebanyak 4% bagi projek rumah awam kos rendah. Jika faedah pinjaman yang dikenakan itu dihapuskan, Kerajaan Persekutuan akan menanggung keseluruhan kos faedah pinjaman yang dianggarkan sebanyak \$105.55 juta setahun.

Walau bagaimanapun, untuk membantu golongan yang mempunyai pendapatan kurang daripada \$500 sebulan yang tidak mampu membeli rumah kos rendah biasa yang berharga \$25,000, Kerajaan telahpun mengambil langkah menghapuskan faedah pinjaman projek skim pertapakan dan kemudahan yang berharga \$10,000 seunit di Semenanjung dan \$13,000 seunit di Sabah dan di Sarawak semasa Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan tahun 1991 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen itu mengatakan ada rumah awam kos rendah biasa bermakna adakah ini menunjukkan bahawa kos hanya di paras \$25,000 seunit ataupun kurang daripadanya. Kalau kurang daripadanya, bolehkah Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar pinjaman itu? Kalau tidak, mengapa?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dari Ipoh kurang jelas, soalnya baik tetapi agak terkeluar sedikit daripada ruang-lingkup soalan ini mengenai kadar faedah pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap.

(Soalan No. 7 Y.B. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdulah.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)

GURU SEMENTARA DAERAH MANJUNG

9. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah guru sementara daripada daerah Sri Manjung telah dipilih untuk latihan sebagai guru-guru tetap dalam tahun 1990 dan 1991.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru sementara dari daerah Manjung yang telah berjaya untuk mengikuti kursus asas perguruan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1990	27 orang
1991	43 orang

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa daerah Sri Manjung mempunyai ramai guru-guru sementara yang teringin mendapat latihan supaya menjadi guru-guru terlatih tetapi mereka tidak diberi peluang walaupun permohonan dibuat pada tiap-tiap tahun. Memandangkan bahawa kekurangan guru-guru tetap telah sampai ke satu tahap yang serius di daerah Sri Manjung, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menambah in-take of, dengan izin, guru-guru sementara dari daerah Sri Manjung untuk latihan

sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru tetap. Kalau tidak, mengapa.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Perlu, memang dalam pemilihan calon-calon untuk memasuki maktab perguruan, kita akan memberi keutamaan kepada guru-guru sandaran atau guru-guru sementara bukan sahaja dari daerah Sri Manjung tetapi juga dari mana-mana negara kita. Sebagai satu gambaran yang menunjukkan bahawa kita telah memberi keutamaan kepada guru sandaran, di negeri Perak pada tahun 1991 jumlah calon yang telah memohon untuk mengikuti kursus perguruan ialah 6,031 orang.

Dari 6,031 orang itu, calon yang berjaya ialah 389. Ini adalah jumlah calon. Dan dari 789 calon ini termasuklah 43 orang guru sandaran dari daerah Manjung. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar guru sandaran dari daerah tersebut telah berjaya kalau kita bandingkan dengan calon-calon terbuka.

DARUL ARQAM— PENGHARGAAN

10. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan se terusnya terhadap Pertubuhan Arqam yang telah di haramkan baru-baru ini, kerana ramai ahli-ahlinya masih terus bergiat secara aktif di dalam pertubuhan tersebut;
- (b) berapa ramaikah jumlah ahli-ahli pertubuhan tersebut; dan
- (c) setelah pertubuhan ini diharamkan berapa ramaikah jumlah ahli pertubuhan ini yang telah diambil tindakan kerana masih bergiat aktif.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada mengharamkan penerbitan buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam karangan Ashaari Muhammad, Kerajaan telah juga membatalkan permit penerbitan, serta menolak permit penerbitan beberapa majalah keluaran pertubuhan itu.

Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan beberapa aktiviti bagi menangkis ajaran tersebut. Antaranya ialah:

- (i) menerbit beberapa buah buku;
- (ii) menerbit majalah/makalah-makalah; dan
- (iii) mengadakan ceramah-ceramah/seminar.

Aktiviti-aktiviti tersebut bertujuan untuk menjelaskan kekeliruan yang timbul serta menjawab tulisan-tulisan yang dikeluarkan oleh gerakan Al-Arqam. Di samping itu juga aktiviti tersebut berlujuan untuk memberi kefahaman kepada orang ramai supaya berhati-hati dengan ajaran dan aktiviti pertubuhan tersebut.

- (b) Jumlah keahlian yang sebenar tidak dapat dipastikan kerana ianya tidak berdaftar di bawah mana-mana undang-undang, Walau bagaimanapun, mengikut dakwaan pemimpin-pemimpin Darul-Arqam, jumlah ahli atau pengikutnya adalah tidak kurang dari 5,000 orang.
- (c) Sehingga kini tiada tindakan undang-undang yang diambil terhadap ahli-ahli Darul-Arqam. Walau bagaimanapun, tindakan tegas akan diambil sekiranya

tindakan para pemimpin dan ahli gerakan tersebut menimbulkan masalah keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan, Sebelum daripada diharamkan, adakah pemimpin-pemimpin jemaah ini pernah dipanggil oleh pihak yang berkenaan mengadakan dialog perbincangan ataupun sebagainya? Jika ada, apakah hasilnya?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam pernah memanggil mereka tetapi wakil mereka yang datang itu terbukti orang yang tidak ada ilmu. Jadi, yang paling payah berdebat/berbincang ialah berbincang dengan orang yang tidak ada ilmu. Apa pun yang kita lerangkan atau tujukan kepada mereka, jawapan yang itu-itu juga berpusing-pusing. Jadi, Bahagian Hal Ehwal Islam ataupun Kerajaan berpendapat, mereka ini telah menjadi harden, dengan izin, dengan ajaran yang diberikan dan tidak mahu berunding dengan pihak yang berkuasa.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa buah negerikah yang telah mengeluarkan fatwa mengharamkan Aurad Muhammadiyah yang diamalkan oleh kumpulan Al-Arqam ini dan kalau boleh sebutkan negeri-negeri mana.

Yang kedua, adakah mereka ini apabila menyebarkan fahaman mereka, mereka ini boleh didakwa atas menyebarkan ajaran sesat, bukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Patwa Kebangsaan yang diwakili

oleh semua negeri bersetuju mengambil keputusan bersama, bahawa ajaran ataupun pegangan yang dibawa oleh Darul Arqam ini adalah salah. Ini bererti bahawa Mufti-mufti ataupun pihak negeri-negeri semuanya bersetuju. Cuma negeri yang mengundang-undangan fatwa itu, iaitu hanya negeri Sabah menggazetkan fatwa itu dengan tujuan untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pengikut-pengikut ataupun pihak yang mengamalkan ajaran Al-Arqam ini.

Dari segi adakah boleh diambil tindakan undang-undang, jawabnya ialah ya, pihak Jabatan Agama Negeri di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak masing-masing boleh mengambil tindakan undang-undang kepadapengamal-pengamal ajaran salah termasuk Al-Arqam ini.

INDUSTRI PERKHIDMATAN INSURANS DAN PERKAPALAN

11. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) usaha Kerajaan bagi mempertingkatkan keupayaan pengusaha-pengusaha industri perkhidmatan terutamanya insurans dan perkapalan;
- (b) berapakah bilangan syarikat perkhidmatan tempatan yang berjaya di peringkat antara-bangsa;
- (c) apakah masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha-pengusaha sektor ini; dan
- (d) apakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian bumiputera dalam bidang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Secara tradisi Malaysia adalah merupakan pengimport utama perkhidmatan dan ini menye-

babkan ianya mengalami defisit imbangan perkhidmatan yang berlarutan. Tahun 1971 sahaja negara mengalami defisit imbangan perkhidmatan sebanyak \$900 juta. Defisit ini telah meningkat lagi kepada \$5.300 juta tahun 1980. Dan dijangka akan meningkat kepada \$10,000 pada tahun 1991. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan bayaran-bayaran perkhidmatan seperti bayaran perkhidmatan perkapalan dan insurans, pelancongan, pelajaran luar negara, bayaran untuk menjelaskan hutang negara dan bayaran pindah keuntungan dan dividen luar negara.

Memandangkan keadaan defisit ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkannya. Ini dibuat melalui usaha mempertingkatkan industri perkhidmatan dalam negara bagi mengurangkan pergantungan kepada sektor perkhidmatan luar negeri.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah menubuhkan, dengan izin, Council of Malaysian Invisible Trade (COMIT) untuk merangka dan memperakukan dasar-dasar dengan tujuan untuk memperkemas dan mempertingkatkan sektor perkhidmatan khususnya di bidang perdagangan, pelancongan dan pelajaran. Di sektor pelancongan misalnya, kita telahpun melancarkan langkah-langkah yang teratur dan bersungguh-sungguh dan telahpun mula memberi kesan yang positif. Di sektor perkapalan pula, beberapa langkah telah juga diambil untuk mempertingkat dan memperbanyakan kapal-kapal syarikat-syarikat tempatan. Umpamanya, Kerajaan telah menyediakan kemudahan pinjaman melalui

bank industri bagi membeli kapal. Di samping itu, kecekapan pengendalian kapal di pelabuhan juga dipeningkatkan dengan memperbanyakkan lagi kemudahan perkhidmatan dan menswastakan kemudahan pengendalian, menyediakan pengendalian perkapalan yang cekap dan tersusun. Kemudahan dan perkhidmatan sokongan seperti pembinaan dan pembaikan kapal, pembuatan kapal, perkhidmatan broker perkapalan dan pengangkutan ke kapal juga akan diperkembangkan dan diperkukuhkan. Serentak dengan itu, latihan di dalam aspek iktisad perdagangan dan pengurusan perkhidmatan perkapalan kepada warganegara Malaysia akan terus dipertingkatkan.

Di sektor insurans, beberapa langkah diambil untuk memperkukuhkan industri tersebut. Langkah yang pertama yang telah diambil ialah memindahkan pejabat Ketua Pengarah Insurans kepada Bank Negara Malaysia untuk memudahkan pengawalan yang berkesan ke atas industri insurans. Di samping, itu Institut Insurans Malaysia telah ditubuhkan untuk memberi latihan utama di bidang insurans. Latihan-latihan dibidang insurans di Pusat Pengajian Tinggi terus dipertingkatkan. Ini adalah bertujuan untuk memberi kepakaran teknikal di dalam industri insurans untuk memenuhi kehendak pelanggan yang semakin canggih.

Dan Akta Insurans 1963 akan dipinda. Penekanan utama pindaan ialah dari segi mempertingkatkan keperluan modal minimum bagi syarikat insurans memperbaiki pengawasan kewangan terhadap operasi syarikat insurans serta

menyediakan garis panduan yang lebih jelas ke atas keperluan pelaburan dan kawalan kos mengurus serta keperluan bagi memperuntukkan khusus tuntutan yang boleh memberi perlindungan yang lebih kepada pengguna.

- (b) MAS dan juga MISC adalah di antara dua industri perkhidmatan Malaysia yang mendapat pengiktirafan di antarabangsa dan ianya juga digolongkan sebagai syarikat yang berdaya saing.
- (c) Untuk memberi secara terperinci masalah-masalah yang dihadapi oleh industri ini, adalah begitu sukar kerana industri perkhidmatan merangkumi berbagai-bagai sektor. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya industri ini mengalami masalah seperti kekurangan kepakaran, keusahawanan dan pengurusan teknikal dan juga mempunyai modal yang rendah. Sambil itu pula, kita perlu mengambil perhatian, saingan yang hebat daripada sumber-sumber luar negara.
- (d) Penglibatan bumiputera di dalam industri perkhidmatan secara amnya berubah mengikut pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Ini dapat dilihat di sektor-sektor kecil pembinaan, kewangan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan serta perdagangan runcit, hotel dan restoran serta perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, di bidang perkhidmatan profesional khususnya akauntan, teknologi maklumat, perdagangan borong, insurans dan sewaan serta pajakan, penyertaan bumiputera masih lagi di tahap yang rendah.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.
Masalah yang dibangkitkan ini adalah

satu masalah yang agak lama dihadapi oleh negara kita. 3 tahun yang lalu di dalam pembentangan Budget 1989 dan 1990, Kerajaan telah mewujudkan insentif-insentif untuk mengeksport daripada negara ini di dalam menggalakkan penggunaan secara CIF, CNF dan pengimport menggunakan FOB. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut bahawa perkara ini menjadi lebih buruk, iaitu 1991 defisit mencecah sehingga \$10,000 juta. Soalan saya, apakah usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan melalui galakan-galakan di dalam CIF dan FOB di dalam eksport dan import barang-barang ini tidak dapat sambutan daripada syarikat-syarikat yang berkenaan yang membuat transaction di antara negara kita dan negara luar. Jika ini tidak merupakan satu usaha yang tidak berjaya, apakah langkah-langkah lain yang pihak Kementrian Kewangan memikr untuk diambil tindakan supaya perkara ekonomi ini tidak menjadi lebih berat kepada tanggungan negara?

Tuan Abdul Ghani bin Othman; Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Masalah ini sering disebut daripada dahulu lagi, oleh yang demikian sesungguhnya ini adalah satu masalah struktur yang memerlukan kepada rancangan dan tindakan jangka masa sederhana dan panjang untuk menyelesaikannya. Apabila kita merujuk kepada sektor insurans yang ada kaitannya dengan amalan membeli secara CIF dan menjual dalam bentuk eksport secara FOB di bidang insurans, maka terbukti di antara masyarakat usahawan dalam bidang insurans ini nampaknya mengikut amalan biasa begitu susah untuk berubah supaya dapat membetulkan keadaan supaya kita dapat mengimport secara FOB dan menjual secara CIF. Maka amalan yang berdasarkan kepada kebiasaan ini perlu diubah.

Oleh yang demikian, maka pihak Kerajaan melalui Ketua Pengarah Jabatan Insurans membuat beberapa

tindakan untuk memastikan bahawa industri insurans itu dapat dirasionalisasikan terlebih dahulu. Di antaranya, mempertingkatkan tahap profesionalisme di kalangan mereka yang terlibat, meluaskan lagi asas modal berbayar supaya dengan cara demikian mereka dapat mempunyai wibawa dan kemampuan yang lebih tinggi lagi. Maka langkah-langkah adalah sehinggakan sampai kepada meminda peruntukan Akta untuk membuat perubahan-perubahan icrsebut. Jadi, seperti saya katakan lebih awal lagi, langkah-langkahnya akan hanya dapat kita manfaatkan dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sejauh manakah peranan Kerajaan dalam menentukan supaya industri perkhidmatan ini dinikmati oleh syarikat-syarikat dalam negeri bagi mengatasi masalah imbalan bayaran. Tadi ada dijawab antara lain ialah masalah kepakaran, masalah keupayaan, professionalism dan seumpamanya. Ia seperti antara ayam dan telur. Saya ingin bertanya syarikat dalaman dari segi industri perkhidmatan ini tidak mungkin mempunyai kepakaran yang dtharapkan, professionalism dan sebagainya kalau mereka tidak diberi peluang-peluang ini, terutamanya syarikat-syarikat bumiputera, peluang-peluang untuk mendapat kerja-kerja dalam industri perkhidmatan ini, tak mungkin

Seorang Ahli DAP: Soalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalanlah ini, bodoh! (*Ketawa*) Oleh itu, dari segi hendak mengatasi masalah ini saya ingin bertanya apakah kita hendak harapkan dari segi kepakaran dan professionalism ini kalau kita tidak memastikan bahawa syarikat-syarikat dalam negeri ini mempunyai peluang-peluang perniagaan dari segi perkhidmatan ini dengan lebih banyak lagi kalau dibanding masa sekarang. Sebab kalau mereka bersaing dengan industri perkhidmatan luar negeri di peringkat antarabangsa, kalau diukur

dari segi submissionnya, sudah barang tentu syarikat-syarikat dalam negeri tidak boleh bersaing dengan mereka ini.

Seorang Ahli DAP: Soalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Inilah soalnya. Soalan saya ada standard, ini hendak tanya tak erti, Tuan Yang di-Pertua. Ini bodoh pula!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai rekod yang baik dalam bidang industri perusahaan utama, selepas itu kita beralih kepada peringkat memajukan sektor perindustrian. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya kita perlu juga memperkukuhkan asas ekonomi kita dengan membangunkan kemampuan kita dalam sektor perkhidmatan pula. Kita tidak rela untuk melihat sektor perkhidmatan dikuasai oleh kepemilikan asing kerana ia merupakan satu sektor yang penting dan mempunyai nilai tambahan yang tinggi di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk memastikan bahawa kepentingan asing tidak menguasainya adalah sebenarnya diberi perhatian yang berat oleh pihak Kerajaan kebelakangan ini. Kita pula tidak mengatakan bahawa kita akan menghadkan kepentingan asing dalam sektor ini, kita memerlukan kemampuan yang paling terbaik daripada mana sumber pun untuk dinikmati oleh ekonomi negara kita. Walaupun begitu, kita mengambil berat tentang peranan kepentingan asing untuk memajukan sektor perkhidmatan ini pada masa-masa yang akan datang.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—PERKHIDMATAN KAUNTER

12. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian

Pengangkutan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan kaunter di Jabatan Pengangkutan Jalan. Adakah langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan perkhidmatan kaunter di negeri-negeri memandangkan pertambahan kenderaan seperti di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang. Bolehkah borang-borang yang banyak yang perlu diisi bagi proses pindahmilik kenderaan dikurangkan, untuk mengelakkan banyak kerenah.

Datin Paduka Hajab Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa berusaha memperbaiki perkhidmatan kaunter. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JPJ ialah:

- (1) Memperkenalkan Sistem 'Q' matic. Di bawah sistem ini, orang ramai yang berurusan dengan JPJ tidak perlu beratur, mereka boleh duduk sambil menunggu giliran nombor masing-masing.
- (2) Memperkenalkan sistem pembaharuan cukai jalan secara kelompok atau 'bulk service', dengan izin. Sistem 'Bulk Service' ini bukan sahaja telah menyenangkan orang ramai tetapi telah juga mengurangkan kesesakan kaunter.
- (3) Memperkenalkan sistem di mana orang awam dibenarkan membaharui cukai jalan 60 hari lebih awal sebelum tarikh cukai jalan baru itu mulaberkuatkuasa. Peraturan baru ini dibuat untuk memberi kemudahan kepada orang awam serta untuk mengurangkan kesesakan di kaunter-kaunter JPJ.
- (4) Membuka Pusat Penerangan serta kaunter mengisi borang secara percuma bagi kemudahan orang ramai.
- (5) Mengedarkan risalah-risalah mengenai prosedur serta dokumen-dokumen yang perlu untuk pendaftaran dan pelesenan kenderaan, pertukaran hak milik

kenderaan, permintaan lesen memandu, pembaharuan lesen memandu dan peraturan ujian memandu telah dikeluarkan untuk panduan orang awam yang berurusan dengan JPJ.

Keenam, mempamerkan carta aliran tiap-tiap aktiviti untuk maklumat dan kemudahan orang awam. Di samping itu, JPJ juga telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan lagi perkhidmatan kaunter iaitu mengeluarkan lesen memandu dalam tempoh sehari, memperkenalkan sistem 'Line Assembly', dengan izin, untuk pendaftaran kenderaan baru dan pertukaran hak milik.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah meluluskan projek pengkomputeran secara 'on-line' di semua Jabatan Pengangkutan Jalan negeri dan cawangan agar perkhidmatan JPJ terutamanya perkhidmatan kaunternya dapat dipercepatkan dan dipertingkatkan lagi. Sistem komputer ini akan dilaksanakan dengan sepenuhnya dalam tempoh kira-kira dua tahun.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat sama ada borang bagi proses pindah milik kenderaan bolsh dikurangkan, saya ingin memaklumkan bahawa dokumen-dokumen yang digunakan merupakan dokumen minima yang diperlukan untuk memastikan tidak ada penyelewengan dilakukan apabila kenderaan ditukar hak milik. Oleh yang demikian, adalah wajar kepentingan orang ramai dijaga untuk mengelakkan penipuan dan penyelewengan sebelum permohonan pertukaran hak milik diluluskan oleh pegawai JPJ.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kesesakan yang berlaku di kaunter-kaunter Kementerian

Pengangkutan, bukan sahaja di tempat-tempat yang besar macam Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Selangor, tetapi juga berlaku di tempat-tempat yang kecil macam di Kuching dan di bandar-bandar di Sarawak, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuatkan satu prosedur iaitu pembaharuan lesen, pembaharuan road tax dan pembaharuan mana-mana dokumen di Jabatan Pengangkutan Jalan dibuat melalui pos sebagaimana yang telah dibuat di negeri-negeri yang maju di Barat?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Sistem-sistem dan cara-cara telahpun saya sebutkan tadi untuk mengurangkan kesesakan sama ada di tempat besar ataupun di tempat kecil. Melalui pos belum lagi difikirkan untuk dilaksanakan kerana kita khuatir bahawa dokumen-dokumen mungkin kehilangan dalam pos. Di samping itu, kita dapati bahawa orang ramai biasanya di saat-saat akhir baru mereka mahu datang ke pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membaharui cukai jalan dan sebagainya. Itulah sebabnya kita buat satu peraturan bahawa dua bulan sebelum cukai jalannya mati dia boleh membaharui cukai jalan itu untuk memberi masa supaya tidak ada kesesakan di akhir bulan atau di awal bulan atau di pertengahan bulan sepertimana biasa berlaku.

Ini berlaku juga di Sarawak. Saya pernah juga melawat Jabatan Pengangkutan Jalan di Sarawak dan mendapati bahawa dua atau tiga hari sebelum akhir bulan itu begitu sibuk, masa lain itu lapang sahaja kerana orang tidak datang hendak membaharui lesen atau cukai jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar satu service khas ataupun proxy service yang diketahui oleh orang-orang awam khasnya bagi tempat-tempat ujian kenderaan JPJ masing-masing. Kalau ada, apakah

pandangan oleh Kementeriannya? Kalau tidak, mengapa Kementerian tidak menjalankan satu siasatan yang selanjutnya?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa dimaksudkan proxy service kerana tidak ada proxy service. Yang ada saya kata tadi itu bulk service, iaitu di mana satu orang boleh membawa lima permohonan untuk kawan-kawannya atau untuk siapa-siapa dan mengambil cukai jalan dan sebagainya, tetapi di tempatujuan tidak adaproxy. Orang yang hendak mendapat lesen itu sendiri mesti hadir dan diuji.

Soalan Yang Berhormat itu tidak kenalah sebab....

Tuan Lau Dak Kee: Terangkan dasarnya sahaja.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tak perlulah terangkan sebab tidak ada. Sebab, kalau saya hendak ambil lesen saya kena datang hadir sendiri. Ada tiga bahagian

Tuan Lau Dak Kee: Saya kata tempat ujian kenderaan—tempat ujian kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Yalah, di tempat ujianlah saya maksudkan tadi ini. Siapa pula pergi sebagai proxy di tempat ujian? Yang pertama, seseorang yang hendak ambil lesen, dia mesti menghadiri ujian bertulis highway code, ujian bertulis dan kemudian dia kena pergi pula ke tempat ujian hendak reverse atau hendak undur dan sebagainya. Kemudian kena pergi round bandar laluan yang ditentukan. Tidak boleh suruh orang lain pula duduk di situ! (*Ketawa*) Jadi kalau orang lain duduk, orang lain itulah yang dapat lesen, bukan orang yang hendak mengambil lesen itu. (*Ketawa*) Jadi,

kalau ada pulalah yang pelik-pelik, biasanya DAP ini adalah pelik-pelik sangat ceritanya, (*Ketawa*) tolonglah buat laporan, beritahu tempat mana, tarikh, masa dan sebagainya (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLETAKAN SENJATA

13. Lt. Kol. (b) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah ahli-ahli PKM yang telah meletakkan senjata yang sekarang ini masih berada di Selatan Thailand mengikut jawatan;
- (b) berapakah jumlah yang memilih dan diterima oleh Kerajaan untuk menetap di Malaysia dan berapakah jumlah yang telah dihantar balik ke Thailand kerana didapati tidak 'sesuai' menetap di Malaysia; dan
- (c) apakah faedah atau keuntungannya kepada negara hasil daripada penerimaan balik orang-orang yang pernah, pada masa yang panjang, menjadi pengkhianat negara dengan menyertai operasi-operasi yang telah mencedera dan mengorbankan begitu ramai anggota pasukan keselamatan serta menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat kira-kira 1,100 orang ahli-ahli PKM yang telah meletak senjatapi dan masih berada di Selatan Thailand sekarang ini. Pihak Polis masih dalam proses

mengenalpasti mereka mengikut jawatan yang dipegang oleh mereka dalam PKM dan juga keanggotaan mereka dalam PKM berdasarkan suku kaum.

- (b) Seramai 13 orang termasuk seorang kanak-kanak telah dibenarkan kembali menetap di Malaysia. Setakat ini tidak seorang pun di kalangan mereka yang telah dihantar balik kerana tidak sesuai menetap di Malaysia.
- (c) Penerimaan balik ahli-ahli PKM itu adalah sebahagian daripada syarat-syarat perjanjian yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan PKM pada 2 hb Disember 1989. Dengan ter meterinya perjanjian tersebut, PKM telah bersetuju untuk menamatkan kegiatan bersenjata mereka selama 41 tahun iaitu sejak bulan Jun 1948. Dengan tamatnya kegiatan bersenjata dari pada PKM, Kerajaan akan dapat menyalur dan menumpukan segala usaha dan sumber kewangannya kepada projek-projek pembangunan sosio-ekonomi untuk faedah penduduk termasuk di wilayah-wilayah sempadan Thailand yang dahulu terancam oleh kegiatan pengganas-pengganas komunis.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana mereka ini telah meninggalkan fahaman komunis dan diterima balik oleh Kerajaan Malaysia, saya hendak tahu apakah ajaran yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Malaysia kepada bekas-bekas anggota parti komunis ini supaya menganuti di Malaysia? Ajaran apa yang dianjurkan oleh Kerajaan, adakah ajaran seperti dibawa oleh UMNO, atau seperti PAS atau seperti DAP? Sila berikan hujah syarie, kenapa ajaran itu dianjurkan oleh Kerajaan? (*Disampuk*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapannya telahpun berulang kali dijawab dalam Dewan ini iaitu kita mengikut syarat-syarat yang telah dimeterikan iaitu apabila mereka balik, mereka mesti setuju untuk memberikan taat setia kepada Raja dan Negara. Juga mereka yang telah balik pada masa ini sedang menjalankan satu proses orientasi dan orientasi itu adalah untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan negara kita sekarang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sesudah mereka ini menjalani orientasi dan sudah ada 13 orang balik ke Malaysia, saya difahamkan mereka selepas ini boleh menyertai mana-mana parti politik bebas. Apakah itu benar dan kalau benar, adakah Chin Peng sudah memohon untuk memasuki DAP dan Rashid Maidin telah memohon untuk memasuki PAS? (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka yang telah balik dan diterima balik selepas orientasi ini, mereka akan bebas hidup seperti biasa dan mereka ini akan dianggap ataupun dari segi kerakyatannya telahpun ditentukan sah bahawa mereka benar-benar adalah dahulunya rakyat negara kita. Apabila mereka mempunyai kerakyatan semula, maka terpulanglah kepada parti-parti politik masing-masing jika sekiranya mereka memenuhikan atau mematuhi syarat di bawah Perlembagaan mana-mana satu parti.

Untuk Chin Peng dan Rashid Maidin, perkara ini tidak timbul pada masa sekarang sebab kedua-dua mereka ini belum diterima balik. Mereka tidak balik lagi. (*Ketawa*)

NEGERI MELAKA— PERUNTUKAN RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

14, Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah jumlah peruntukan yang diminta oleh Negeri Melaka di

bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6); jumlah peruntukan yang diluluskan serta berikan butiran lanjut serta pecahan mengikut bidang dan sektor;

- (b) adakah Muzium UMNO di Negeri Melaka di antara projek yang diluluskan di bawah RM6 dan kalau ia apakah jumlah peruntukan yang diluluskan;
- (c) apakah sebabnya peruntukan diluluskan di bawah bahagian (a) dan (b) di atas; dan
- (d) adakah pihak Kerajaan Pusat bercadang menambah lagt peruntukan kepada Negeri Melaka di bawah RM6 dan kalau tidak mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi perkara;

- (a) Jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Keenam yang telah dipohon dan diluluskan untuk sektor bagi Negeri Melaka adalah seperti berikut:

Sektor	Dipohon (\$ Juta)	Diluluskan (\$ Juta)
Ekonomi	683	550
Sosial	323	259
Keselamatan	125	75
Pentadbiran	41	40
	<hr/> 1,172	<hr/> 924

- (b) Muzium UMNO di Negeri Melaka bukanlah di antara projek-projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.
- (c) Semasa meluluskan peruntukan bagi sesuatu program/projek di bawah (a) beberapa kriteria

diambil kira. Kriteria ini, di antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) dasar-dasar semasa Kerajaan;
 - (ii) sumbangan program/projek kepada matlamat pertumbuhan sektor, negeri dan ekonomi keseluruhannya;
 - (iii) program/projek yang berasaskan sosio ekonomi seperti memberi manfaat kepada sebahagian besar rakyat, membarnti kemiskinan dan meningkat mutu hidup rakyat; dan
 - (iv) keupayaan agensi-agensi pelaksana.
- (d) Berhubung dengan peruntukan tambahan, Kerajaan Pusat boleh menimbangkan permohonan tambahan kepada negeri-negeri di bawah Rancangan Malaysia Keenam, jika ada alasan yang kukuh dan munasabah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada soalan asal bahagian (b). Pihak Yang Berhormat bertanya mengenai dengan peruntukan untuk Muzium UMNO. Jadi saya hendak bertanya adakah DAP membuat permohonan untuk membuat Muzium DAP?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya adakah pihak Kerajaan Pusat telah memberikan peruntukan untuk Muzium UMNO di Negeri Melaka yang dicadangkan dibuat dalam sebuah bangunan Kerajaan dan dibiayai oleh wang Kerajaan Negeri?

Kedua, adakah pihak Kerajaan Pusat mensyaratkan bahawa segala peruntukan yang diluluskan kepada

Negeri Melaka tidak boleh digunakan untuk tujuan politik seperti mendirikan sebuah Muzium UMNO?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan sekali lagi bahawa wang Kerajaan di mana-mana pun sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat tidak boleh digunakan untuk sebarang kegiatan politik termasuklah politik UMNO. Ini saya hendak tegaskan, ini termasuklah Muzium UMNO Negeri Melaka, UMNO tidak akan mengambil wang Kerajaan untuk menubuhkan atau membinanya. Kerajaan telah mengeluarkan syarat dan Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa semua agensi Kerajaan tidak dibenarkan menggunakan wang untuk kegiatan politik apa pun. Agensi-agensi Kerajaan pun tidak dibenarkan menggunakan wang Kerajaan untuk kepentingan peribadi pemimpin politik UMNO. Ini saya hendak tegaskan dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 7, 8, dan 15 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

ORANG-ORANG TUA MISKIN— BANTUAN

3. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

(a) berapa ramai orang-orang tua miskin yang mendapat bantuan bulanan dari Kementerian dan jumlah bantuan tiap-tiap seorang diberikan.

(i) di rumah kebajikan pada tahun 1986—1990;

(ii) tinggal sendirian.

(b) adakah Kementerian bercadang menaikkan bayaran bantuan bulanan kepada mereka; dan

(c) adakah Kementerian bercadang menambah Rumah Kebajikan untuk orang-orang tua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng):

(a) (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, orang-orang tua di rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak layak diberi bantuan kewangan bulanan. Mereka diberi perlindungan dan di antara perkhidmatan percuma yang diberi kepada mereka di rumah-rumah tersebut ialah penjagaan, rawatan perubatan dan perkhidmatan kaunseling. Jumlah penghuni yang telah diberi perlindungan di rumah-rumah orang tua tersebut ialah:

- seramai 2,685 orang tua dalam tahun 1986;

- seramai 2,541 orang tua dalam tahun 1987;

- seramai 2,569 orang tua dalam tahun 1988;

- seramai 2,525 orang tua dalam tahun 1989; dan

- seramai 2,485 orang tua dalam tahun 1990.

(ii) Jumlah orang tua yang lain yang diberi bantuan bulanan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ialah:

- seramai 10,851 orang tua dalam tahun 1986;

- seramai 10,884 orang tua dalam tahun 1987;

- seramai 8,462 orang tua dalam tahun 1988; dan

- seramai 9,324 orang tua dalam tahun 1989; dan
 - seramai 10,262 orang tua dalam tahun 1990.
- (b) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang ada cadangan dan telahpun mengambil lindakn untuk menaikkan kadar bantuan bulanan.
- (c) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan membina dua buah lagi rumah orang tua di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI JOHOR—SINGAPURA

4. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri menyalakan adakah Kerajaan Pusat akan melantik seorang yang bertaraf Menteri untuk mengawasi pelaksanaan program-program pembangunan ekonomi Johor—Singapura yang dikenali sebagai 'Nusa Tiga' supaya berjalan dengan lancar, pesat serta selaras dengan aspirasi dasar pembangunan nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memutuskan supaya Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri menjadi agensi utama bagi mengawasi dan mengendalikan program pembangunan di bawah konsep kerjasama wilayah selatan di antara Johor-Singapura dan Batam. Satu Jawatankuasa Persekutuan yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan di peringkat Persekutuan dan negeri telahpun ditubuhkan.

PERKHIDMATAN AWAM - LANTIKAN

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan beliau telah mengumumkan dalam minggu akhir bulan Mac lalu bahawa Kerajaan akan mengambilkira prestasi dan pengalaman calon untuk memasuki perkhidmatan awam ataupun bagi kakitangan yang sedang berkhidmat walaupun tidak mempunyai tujuan naik pangkat seperti mana yang sedang diamalkan oleh sektor swasta, setakat ini apakah usaha sedang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melaksanakan sistem yang menilaikan pengalaman kerja lebih tinggi daripada kelulusan akademik dan menghapuskan sistem yang ada sekarang yang menuntut syarat masuk dan naik pangkat yang sangat formal.

Tuan Othman bin Abdul: Buat makluman Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menggubal cara-cara rnengambilkira pengalaman seseorang calon bagi tujuan lantikan ke dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, JPA juga sedang menyediakan borang penilaian prestasi yang baru, bagi tujuan lantikan ke dalam perkhidmatan awatn. Di samping itu, JPA juga sedang menyediakan borang penilaian prestasi yang baru bagi tujuan memperkukuhkan lagi aspek penilaian prestasi pegawai-pegawai berikutan pelaksanaan sistem saraan baru.

MAS KE TAWAU—PEMBATALAN PENERBANGAN

8. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah MAS bercadang hendak mcnuntut gantirugi dari Kerajaan Indonesia akibat kerugian yang ditanggung berikutan pembatalan beberapa pesawat MAS ke Tawau yang disebabkan oleh asap tebal ekoran satu kebakaran di Kalimantan Indonesia baru-baru ini. Berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh MAS?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Penerbangan Malaysia (MAS) tidak bercadang menuntut ganti rugi dari Kerajaan Indonesia akibat kerugian yang ditanggung berikutan pembatalan beberapa penerbangan ke Tawau yang disebabkan oleh kebakaran di Kalimantan Indonesia oleh kerana kejadian tersebut adalah di luar dugaan. Tambahan pula, tidak ada kepastian tentang pihak manakah bertanggungjawab atas kebakaran tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah kerugian yang dialami oleh MAS akibat pembatalan-pembatalan ini adalah \$186,000.00.

AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA

15. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyalakan adakah benar Kerajaan bercadang menarik balik rancangan pembinaan Akademi Islam Universiti Malaya di daerah Bachok. Jika ya, mengapa dan jika tidak bilakah pembinaannya akan dimulakan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM) telah dirancang untuk didirikan di kawasan kampus Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Ini adalah untuk memudahkan pengurusan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar serta menggalakkan interaksi di kalangan pelajar-pelajar di antara fakulti. Oleh itu mtcgrasi di kalangari pelajar-pelajar Universiti Malaya dapat diwujudkan. Projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

PERPADUAN ANTARA KAUM

16. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah perancangan yang telah diatur untuk mewujudkan perpaduan di antara kaum di negara ini dengan jayanya Wawasan 2020.

Tuan Yong Khoon Seng: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, segala perancangan dan usaha Kerajaan untuk membangunkan negara kita dalam konteks Wawasan 2020 ialah dengan tujuan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bukan sahaja sejahtera, tetapi juga bersatu padu dan beridentiti sendiri,

Dalam hubungan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berperanan untuk mewujudkan suasana dan keadaan sosial yang diperlukan bagi meningkatkan lagi perpaduan negara. Ke arah tujuan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang dan akan merancang program-program untuk meningkatkan perhubungan, kejiiran serta kefahaman antara kaum di semua peringkat di samping memupuk nilai-nilai seperti bertoleransi, kesanggupan menyelesaikan masalah kaum secara perundingan, saling bantu membantu dan sebagainya yang diperlukan bagi negara berbilang kaum serta agama seperti negara kita.

BEKALAN ELEKTRIK KEPADA PENDUDUK BUKIT MERTAJAM

17. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan perkembangan terbaharu berkenaan dengan permohonan bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di Jalan Chow Bon Kye dan Kampung Besar, Bukit Mertajam oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam memandangkan penduduk-penduduk di kedua-dua tempat itu bukan setinggan dan sebaliknya mereka membayar sewa kepada tuan-tuan tanah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali**): Sehingga kini, Tenaga Nasional Berhad (TNB) belum lagi dapat memberi bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di Jalan Chow Bon Kye dan Kampung

Berapet Bukit Mertajam kerana tuantuan tanah tidak membenarkan TNB menanam tiang-tiang di atas lanah mereka.

Mengikut amalan biasa, bagi projek-projek bekalan elektrik luar bandar, TNB akan meminta pemohon-pemohon bekalan elektrik mendapatkan kebenaran daripada pemilik-pemilik tanah yang terlibat bagi TNB menanam tiang.

Dalam masalah rnerneri bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di kawasan yang disebutkan di atas itu, pemilik-pemilik tanah tidak membenarkan TNB menanam tiang-tiang di atas tanah mereka. Beberapa usaha telah dibuat melalui Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah Bukit Mertajam, akan tetapi masalah tersebut belum diatasi lagi.

KADAR INFLASI

18. Tuan Ahmad bin Omar minta Memeri Kewangan menyatakan:

- (a) kadar inflasi sebenar yang dihadapi dalam negara sekarang;
- (b) adakah kadar ini dijangka dapat dikurangkan menjelang akhir tahun ini; dan
- (c) untuk mengatasinya, apakah dasar Kerajaan sekarang dalam pengawasan dan pengurusan perbelanjaan negara.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Soaian yang sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab pada 22 Oktober 1991 iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

UDARA BERJERUBU

19. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah

sebenarnya faktor yang menyebabkan sekitar Lembah Klang berjerubu terus di masa tertentu pada tiap-tiap tahun. Sebelum ini 'open burning' dikatakan punca utama. Tetapi selepas pengawalan diadakan keadaan berjerubu ini makin menjadi-jadi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Pah Kui): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah udara berjerubu yang kadangkala dialami di sekitar Lembah Klang adalah disebabkan oleh kehadiran pencemar-pencemar udara di atmosfera yang stabil yang berlaku terutamanya dalam musim kemarau. Oleh kerana keadaan semulajadi muka bumi di kawasan Lembah Klang ini, pencemar-pencemar berkenaan kekal berada dalam udara pada tempoh tertentu sehinggalah terdapat arus angin yang mampu menyerakkan ke kawasan-kawasan lain ataupun terdapat hujan yang lebat yang boleh memendakkannya ke bumi.

Keadaan udara berjerubu menjadi serius pada masa-masa tertentu seperti kejadian yang berlaku pada bulan September dan Oktober 1991 baru-baru ini, sebahagian besar adalah disebabkan oleh faktor luaran, iaitu kejadian kebakaran hutan dan pokok-pokok tanaman di kawasan Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Walau bagaimanapun, punca-punca tempatan seperti pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian dan pembakaran terbuka dari tapak-tapak pelupusan sampah sarap adalah juga punca kepada masalah udara berjerubu menjadi lebih serius terutama di kawasan Lembah Klang.

Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya dengan memperketatkan lagi undang-undang terhadap aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan bermotor dan kilang-kilang.

Setain daripada itu Kerajaan juga sedang menimbang untuk mengadakan satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan terutamanya di kawasan Lembah Klang ini.

MENGESAN VIRUS AIDS DAN DARAH

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) cara bagaimana darah di'screen' untuk menentukan sama ada ia mempunyai virus seperti virus AIDS, di hospital-hospital Kerajaan dan di pusat rawatan sektor swasta. Di peringkat-peringkat pemeriksaan manakah darah yang 'kotor' boleh 'terlepas' daripada pengesanan. Apakah jenis-jenis alat yang digunakan untuk maksud tersebut;
- (b) semenjak bank darah mula di'screen', berapa banyakkah c.c. darah telah di'screen' setiap bulan berbanding dengan jumlah darah dalam simpanan semasa bank. Apakah peratusan/nisbah ideal mengikut hal pemeriksaan darah bila dibanding dengan jumlah darah dalam simpanan bank;
- (c) sebanyak manakah keupayaan 'screening' boleh berkurang atau dihadkan di antara hospital-hospital berlainan saiz di kawasan bandar dengan luar bandar. Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan lagi keupayaan hospital-hospital yang kurang cekap;
- (d) bagaimanakah Kerajaan mengawasi usaha 'blood screening' di sektor swasta. Berapa kerapkah pemeriksaan dibuat ke atas pusat-pusat

rawatan swasta untuk mengesyorkan darah ada di screen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):

- (a) Ujian saringan yang dijalankan di hospital-hospital Kerajaan dan kebanyakan hospital-hospital swasta adalah menggunakan teknik "ELISA".
Semua darah-darah yang dikumpulkan akan diuji untuk mengesan virus AIDS dan darah yang didapati positif untuk virus AIDS akan dikeluarkan dari pungutan dan tidak akan digunakan.
- (b) Semua darah-darah yang dipungut memang ditapis untuk virus AIDS dan ia dipraktikkan di semua tabung-tabung darah di semua hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (c) Semua tabung-tabung darah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia boleh menjalankan ujian untuk mengesan virus AIDS di hospital-hospital sendiri atau menjalankannya di hospital-hospital lain yang mempunyai kemudahan ujian tersebut.
- (d) Garispanduan-garispanduan yang disediakan untuk menjamin penggunaan darah yang selamat untuk pesakit di hospital-hospital Kerajaan juga diedarkan kepada pihak swasta.

PENYAKIT AIDS—ANCAMAN

21. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri kesihatan menyatakan:

- (a) sehingga setakat manakah penyakit AIDS telah menjadi ancaman kepada kehidupan rakyat di negara ini;

- (b) berapakah jumlah pengidap mengikut negeri, kaum, jantina dan umur di negara ini;
- (c) apakah punca utama yang dikenalpasti menyebabkan penyakit tersebut merebak di negara ini;
- (d) sejauh manakah Kementerian mengambil langkah untuk mengelakkan jangkitan berlaku melalui pemindahan darah di hospital; dan
- (e) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilakukan untuk mengawal dari merebaknya penyakit tersebut.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

KAD KREDIT DAN KAD CAJ— BILANGAN

22. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kad kredit yang telah dikeluarkan kepada rakyat Malaysia bagi tahun 1990 dan 1991 serta menyatakan syarikat-syarikat yang mengeluarkan kad kredit bagi tahun-tahun yang dinyatakan di atas;
- (b) berapa jumlah bebanan hutang rakyat hasil daripada penggunaan kad kredit bagi tahun 1990 dan 1991;
- (c) sejauh manakah kesan penggunaan kad kredit yang dapat dikesan terhadap peningkatan inflasi yang berlaku di negara ini; dan

- (d) jika penggunaan kad kredit ini menambahkan peningkatan inflasi, apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan bagi mengatasinya.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Setakat 30 Jun 1991, bilangan kad kredit dan kad caj yang dikeluarkan di Malaysia adalah masing-masing sebanyak 834,811 dan 191,678 berbanding dengan sebanyak 703,036 dan 190,225 pada 31 Disember 1990. Kad-kad itu dikeluarkan dengan had kredit sejumlah \$3.48 bilion pada 30 Jun 1991 berbanding dengan had kredit sejumlah \$2.87 bilion pada 31 Disember 1990.

Pada masa ini terdapat tiga jenis kad kredit dan dua jenis kad caj di Malaysia. Kad-kad kredit itu adalah terdiri daripada Visa Card, Mastercard dan Execard manakala kad caj pula terdiri daripada American Express dan Dinners Club,

Institusi-institusi kewangan yang terlibat dalam pengeluaran kad kredit termasuklah:

- (i) Bank Bumiputra Malaysia Berhad;
- (ii) Bank Simpanan Nasional Berhad;
- (iii) Citibank;
- (iv) Chung Khiaw Bank Berhad;
- (v) Hongkong & Shanghai Bank Corporation Berhad;
- (vi) Kwong Yik Bank Berhad;
- (vii) Malayan Banking Berhad (Maybank);
- (viii) Maybank Finance Berhad;
- (ix) MBf Finance Berhad;
- (x) Overseas Chinese Bank Corporation Berhad;
- (xi) Southern Bank Berhad;
- (xii) Southern Finance Berhad; dan
- (xiii) Standard Chartered Bank Berhad.

Pengeluaran kad caj pula diuruskan oleh American Express (M) Sdn. Bhd. dan Dinners Club (M) Sdn. Bhd.

Dalam setengah tahun pertama 1991 perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit dan kad caj adalah sebanyak \$2.23 bilion. Jumlah perbelanjaan yang dibuat dalam suku tahun akhir 1990 ialah sebanyak \$1.11 bilion. Jumlah perbelanjaan untuk keseluruhan tahun 1990 tidak dapat dipelolehi kerana Bank Negara hanya mengumpul rekod mulai bulan Oktober 1990. Jumlah kredit yang belum diselesaikan setakat 30 Jun 1991 adalah sebanyak \$ 1.39 bilion berbanding dengan sebanyak \$1.16 bilion pada 31 Disember 1990. Jumlah ini berubah-ubah dari masa ke semasa bergantung kepada pembayaran balik yang dibuat oleh pemegang-pemegang kad.

Setakat ini kesan penggunaan kad kredit dan kad caj ke atas kenaikan kadar inflasi negara masih belum dapat dibuktikan dengan statistik yang kukuh. Dalam kajian awal yang dibuat oleh Bank Negara, jumlah kredit yang diberi melalui penggunaan kad kredit hanyalah kira-kira 0.8% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank. Dengan itu, kesannya ke atas inflasi adalah amat kecil. Di samping itu juga perbelanjaan yang dibuat melalui kad kredit juga merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan penggunaan di negara ini di mana anggaran kasarnya bagi setengah tahun pertama 1991 adalah kira-kira 6% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan.

Pada masa ini pihak Bank Negara sedang menjalankan kajian yang lebih terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di negara ini. Oleh itu Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasnya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Pertama)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempe-
ngurusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Jadual—

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$23,151,852,890 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1992 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.56 bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$11,522,236,210 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1992 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16 hingga P.28, P.31 hingga P.37, P.39 hingga P.40 dan P.43 hingga P.57 bagi Kemementerian-kementerian dan Jabatan-

jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini, oleh kerana saya telahpun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawan pada 1hb November, 1991 yang lalu. Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam Penyata daripada Kememieran Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1991.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Jadual)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1992)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya. Tanjong.

3.38 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.7 Butiran 010000 Pentadbiran di bawah Butiran 020000 Unit Perancangan Ekonomi di mana menurut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992 adalah badan yang antaranya bertanggungjawab untuk

merancang dan melaksanakan dasar penswastaan Kerajaan melalui penubuhan Pasukan Penswastaan untuk mengkaji dan melaksanakan cadangan-cadangan penswastaan daripada pihak Kerajaan dan swasta demi menjayakan Dasar Penswastaan Kerajaan.

Pada hari Jumaat lalu saya bersama-sama dengan pemimpin DAP dan Semangat 46 di Johor telah melawat kampung-kampung Melayu di Gelang Patah yang terlibat dalam Projek Laluan Kedua Johor-Singapura yang telahpun diswastakan di bawah MOU (Memorandum of Understanding) kepada Syarikat United Engineers Malaysia (UEM). Di antara kampung-kampung yang kami lawati adalah Kampung Ladang, Tanjung Kupang, Kampung Pendas Laut, Kampung Poh, Kampung Tanjung Andang, Kampung Kejang dan Gelang Patah. Kita juga membuat lawatan ke tapak di Tanjung Kupang yang telah dipilih sebagai tapak untuk laluan kedua di Johor dengan Tuas di Singapura.

Dalarn lawatan kita adalah jelas bahawa seramai 17,000 penduduk-penduduk yang akan terjejas oleh Projek Laluan Kedua UEM itu merasa bimbang dan tidak pasti terhadap masa depan mereka dan mata pencarian mereka. Mereka juga tidak pasti sama ada mereka boleh mengekalkan cara kehidupan tradisi kampung mereka dan sebab itu saya mahu menyeru kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya memastikan nasib 17,000 penduduk-penduduk yang masa depan mereka akan terjejas oleh Projek Laluan Kedua UEM yang menelan belanja \$2.3 bilion ini dapat dibela dan bahawa mereka menjadi penerima atau beneficiary, dengan izin, keuntungan projek itu dan bukan mangsa pembangunan.

Dalam pelaksanaan Projek Laluan Kedua ini, Kerajaan Barisan Nasional dan UEM patutlah memahami dan menunjukkan kehormatan sepenuhnya

kepada hak tuntutan yang sah 17,000 penduduk-penduduk yang berada di 19 buah kampung yang akan terjejas oleh projek itu. Penduduk-penduduk di 19 buah kampung mempunyai alasan yang berasas untuk merasa bimbang bahawa mereka akan menjadi mangsa pembangunan, dan bukan beneficiary pembangunan kerana hasil-hasil pembangunan akan dibolot oleh UEM dan beberapa individu-individu di UMNO. Kebimbangan dan ketakutan mereka berasal daripada faktor-faktor berikut.

Pertama, cara memberikan penswastaaan Laluan Kedua Johor-Singapura kepada UEM tanpa tender terbuka dan memikirkan tentang latarbelakang politik UEM. Keadaan UEM hari ini adalah disebabkan oleh latarbelakang dan hubungkaitnya dengan politik, walaupun bukanlah ahli UMNO biasa yang mendapat kemanfaatan, tetapi segelintir pemimpin UMNO khas sahaja yang mendapat keuntungan daripadanya.

Kedua, pemimpin UMNO mengelirukan penduduk Gelang Patah atas keputusan UEM membina Laluan Kedua di kawasan mereka dalam Pilihanraya Umum pada tahun lepas. Keputusan membina projek Laluan Kedua di Gelang Patah adalah dibuat oleh pemimin-pemimpin UMNO dan UEM sebelum Pilihanraya Umum Oktober pada tahun lepas. Walau bagaimanapun, pemimpin UMNO sengaja mengelirukan rakyat di Gelang Patah dengan menyembunyikan keputusan mereka daripada rakyat dan sebenarnya Menteri Penerangan yang juga Setiausaha UMNO yang ingin dipilih semula sebagai Ahli Parlimen Pulaui malah memberi jaminan dalam kempen Pilihanraya Umum bahawa beliau tidak akan membenarkan tanah pusaka Melayu di Gelang Patah diambil balik. Tetapi selepas Pilihanraya umum pada bulan Oktober, pemimpin-pemimpin UMNO pun mengumumkan Laluan Kedua UEM akan dibina di Gelang Patah.

Ketiga, pemimpiri-pemimpin UMNO telah mengabaikan perasaan dan hak penduduk-penduduk untuk memberi pandangan dalam sesuatu projek yang melibatkan 19 buah kampung di Gelang Patah yang mana akan melibatkan penyerahan tanah pusaka mereka, kehilangan cara kehidupan masa kini mereka sebagai petani, pekebun-pekebun kecil, nelayan dan merosakkan cara hidup kampung tradisi mereka. Saya diberitahu oleh penduduk-penduduk di sana dalam lawatan saya pada hari Jumaat lepas bahawa setengah kampung mempunyai sejarah yang boleh dikesan sebanyak lebih kurang 200 tahun. Apabila disoal oleh setengah penduduk-penduduk kampung di Gelang Patah akan bagaimana masa depan mereka selepas tanah mereka diambilalih oleh UEM, pemimpin-pemimpin UMNO negeri memberitahu mereka bahawa itu adalah masalah mereka untuk mencari hidup yang baru selepas mereka dibayar pampasan oleh UEM.

Keempat, pampasan yang rendah yang ditawarkan untuk pengambilan 26,000 hektar yang dikehendaki oleh UEM untuk Laluan Kedua dan sebuah projek perbandaran yang baru. Penduduk-penduduk kampung telah diberitahu oleh pemimpin-pemimpin UMNO bahawa mereka akan ditawarkan \$17,000 sehektar apabila setengah tanah kampung di kawasan tersebut telah ditawarkan 10 kali harga ini pada harga pasaran. Penduduk-penduduk kampung mereka amat pahit dan membantah tawaran pampasan ini kerana ia tidak dapat membantu satu keluarga yang memiliki tanah seluas 5 ekar yang akan dibayar gantirugi sebanyak \$34,000 untuk memulakan semula kehidupan yang baru. Sebuah rumah kos rendah di Johor Bahru nilainya \$25,000 ke \$30,000 dan apa-apa yang mereka akan hilang bukan sahaja terhad kepada tanah pusaka mereka, tetapi kehidupan dan cara hidup tradisi kampung mereka.

Amatlah tidak adil kepada 19 kampung di Gelang Patah kerana Kerajaan Barisan Nasional dengan sengajanya telah meminda Akta Pengambilan Tanah di Parlimen uniuik menghalang penduduk kampung daripada mencabar tindakan pengambilan tanah bagi projek Laluan Kedua oleh UEM di mahkamah undang-undang.

DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional supaya mengumumkan jumlah keuntungan yang dijangka akan diperolehi oleh UEM daripada projek-projek Laluan Kedua dan bandar baru ini dan memastikan bahawa selain daripada membayar pampasan kepada sebarang tanah yang diambil di Gelang Patah, kesemua 17,000 penduduk-penduduk di situ akan juga sama sekali menikmati keuntungan dan kebaikan yang bakal diperolehi oleh UEM daripada program penswastan dan pembangunan di Gelang Patah itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya merujuk kepada B.11 ke atas Badan Pencegah Rasuah yang mana objektifnya ialah untuk mencegah dan menghapuskan segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh undang-undang agar hasrat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah tercapai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen harus menjadi teladan yang baik sebagai pemimpin, pentadbir yang jujur, bersih dan bermoral dengan melupuskan pegangan mereka. Tetapi kita mempunyai seorang Setiausaha Parlimen yang bukan sahaja tidak melupuskan pegangan sahamnya, tetapi lurus menjadi Pengarah sebuah syarikat pada tahun 1989-1990 dan awal tahun 1991, apabila beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen pada tahun 1987. Saya masih ingal bahawa semasa perbahasan pada bulan

Julai dalam Dewan Rakyat ke atas Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan), apabila saya menyatakan bahawa pindaan tersebut akan menjadi ibu kepada segala rasuah, penyalahgunaan kuasa, perancangan politik dan penyelewengan tidak beretika, beberapa Ahli Parlimen back bench, front bench, tctah cuba untuk mengganggu ucapan saya dengan pekikan dan malah dengan syarat tangan yang lucah. Saya menyatakan masa itu bahawa walaupun Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli Parlimen Barisan Nasional mendakwa mereka tidak akan menyalahgunakan kuasa, tetapi saya mempunyai bukti dan saya telah masa itu mengemukakan secarik kertas yang menunjukkan salah seorang daripada mereka telah terus menjadi Pengarah sebuah syarikat iaitu Kurnia Damai Sdn. Bhd. wataupun beliau adalah seorang ahli pentadbiran. Saya meminta orang tersebut supaya berani bangun dan

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Saya sudah bangun.

Tuan Lim Kit Siang: kerana

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta jalan.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah, duduklah.

Tuan Othman bin Abdul: Dia cabar saya bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, Yang Berhormat mengakui?

Tuan Othman bin Abdul: Bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Belum. Saya teruskan dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Kalau berani bagi, kalau berani jangan biadap, bagi. Jangan kurang ajar, bagi, sekarang saya hendak jawab sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak jawab sekarang. Jangan cabar, jangan cabar! Okay, saya bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan dahulu. Apa itu kelakuan yang biadap?

Tuan Othman bin Abdul: Kurang ajar, bagilah!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Othman bin Abdul: Bahasa biadap, bapak awak punyakah?

Tuan Lim Kit Siang: "Kurang ajar".

Seorang Ahli: Siapa makan cili, dia rasa pedas.

Tuan Othman bin Abdul: Bagilah, okay, bagi.

Tuan Pengerusi: Dia minta jalan, Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? Saya belum masuk apa yang saya mahu jelas?

Tuan Othman bin Abdul: Saya sudah faham, bagi. Saya hendak minta. Saya hendak menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sabar dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak cabar Ketua Pembangkang, kalau seorang yang bermaruah

Tuan Lim Kit Siang: Sabar dahulu, sabardahulu. Kenapa semacam kelakuan itu?

Tuan Othman bin Abdul: Alah, muka macam monyet!

Tuan Lim Kit Siang: Monyet? Apa itu - 'kurang ajar', 'monyet', apa bahasa yang kita ada di sini?

Tuan Othman bin Abdul: Itu bahasa Ketua Pembangkanglah.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah mendapat pelajaran tinggi.....

Tuan Pengerusi: Sudahlah, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Itu bahasa yang patut kita tujukan kepada DAP.

Tuan Lim Kit Siang:.... bermoral, beretika

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pendang, cukup. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya tanya ruling, supaya sama ada perkataan 'monyet', 'kurang ajar' parliamentary dan tidak bolehkah ini ditarik balik?

Tuan Pengerusi: Ya

Tuan Othman bin Abdul: Semalam DAP kata 'monyet'.

Tuan Lim Kit Siang: Itu hal yang lain. Saya tahu tetapi.....

Tuan Othman bin Abdul: Semalam semua kita dengar DAP kata 'monyet'. Saya kata baliklah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak tarik balik?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tujukan kepada siapa perkataan 'monyet' itu?

Tuan Othman bin Abdul: Kepada DAP. Dia sebut juga UMNO 'monyet', kita sebut DAP 'monyet'.

Tuan Pengerusi: Ya, sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Begitulah, kelakuan yang kurang ajar

Tuan Pengerusi: Sudahlah, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya meminta orang tersebut masa itu supaya berani bangun dan mengaku kerana ini adalah pelanggaran ke atas sumpah jawatan beliau.

Tuan Othman bin Abdul: Saya bangun.

Tuan Pengerusi; Dia bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut masa itu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya bangun sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya cakap dahulu.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pendang, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak berani, pengecut!

Tuan Lim Kit Siang: Tunggu, sabar

Tuan Othman bin Abdul: Tidak berani. Okay, bagilah!

Tuan Lim Kit Siang: Sabar, sabar

Tuan Othman bin Abdul: Kalau berani, bagi. Saya hendak jelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau orang yang boleh cakap 'monyet', 'kurang ajar', kenapa kita mahu layan sikap semacam itu?

Tuan Othman bin Abdul: Kalau cabar saya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh membri ucapan balik, sudahlah Yang Berbormat.

Tuan Lim Kit Siang: Keadaan menjadi senyap-sunyi dan beberapa orang yang saya sebutkan ladi tenggelam dalam kerusinya dan tidak lagi mengganggu saya atau mana-mana Ahli Parlimen DAP untuk perbahasan -yang seterusnya. Sebenarnya beliau meninggalkan Dewan ini masa itu sehingga waktu mengundi dan orang ini walau bagaimanapun, sudah kembali dengan isyarat tangan lucah, sikap sombong dan sikap bermonyet dan macam-macam itu. (*Tepuk*) Orang yang saya rujuk ialah Ahli Parlimen Pendang.....

Tuan Othman bin Abdul: Okay, bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: dan Setiausaha Parlimen. Sampai masa saya akan beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pendang

Tuan Lim Kit Siang: dan Yang Berhormat Pendang menjadi Setiausaha Parlimen, terus menjadi Pengarah Kurnia Damai Sdn. Bhd. pada tahun 1989, 1990 dan awal 1991. Walaupun beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen pada tahun 1987, ini bukanlah satu kes tentang soal kelupaan di mana beliau sebagai Setiausaha Parlimen lupa bahawa beliau adalah seorang Pengarah Kurnia Damai selepas perlantikan dalam Kerajaan.

Ini adalah kerana menurut rekod Pejabat Pendaftar Syarikat, Kurnia Damai Sdn. Bhd. telah ditubuhkan diinkorporasi pada 16 Oktober 1989 dan jenis perniagaannya dinyatakan sebagai perniagaan am, pelaburan hartanah, bangunan dan pembinaan.

Jauh selepas perlantikan beliau sebagai Setiausaha Parlimen. Mengikut rekod Pendaftar Syarikat sehingga ke 11 Mac 1991, Yang Berhormat Pendang masih lagi merupakan Pengarah dan pekerjaannya dicatat sebagai peniaga. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan pengecualian khas kepada beliau dengan melibatkan diri dalam perniagaan di samping memegang jawatan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri?

Bukan sahaja beliau tidak melupuskan sahamnya sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah memperoleh atau melaburkan sebanyak 3,000,101 saham Kurnia Damai Sdn. Bhd. di atas syarikat tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat, jika Yang Berhormat ada kesilapan Yang Berhormat, sekejap, saya hendak beri ruling. Jikalau sekiranya ucapannya itu tidak benar, Yang Berhormat berhak membawa perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jikalau hendak

Tuan Othman bin Abdul: Sebab banyak kali sangat dibangkitkan, saya hendak menjelaskan yang benar. Saya hendak ceritakan.

Tuan Pengerusi: Nantilah, mengikut Peraluran Mesyuarat sekiranya dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh memberi penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Itu saya tidak minta, Sebab dia cabar saya suruh bangun, saya bangun. Saya hendak ceritakan.

Tuan Pengerusi: Sudahlah, dia tidak beri jalan kepada Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Dia penakut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, untuk mempertahankan satu Kerajaan yang bersih, jujur dan bermoral, saya menyeru Setiausaha Parlimen itu supaya meletakkan jawatannya (*Tepuk*) sebagai Setiausaha Parlimen, kerana beliau merupakan Pengarah bagi Kurnia Damai Sdn. Bhd. pada tahun 1989, 1990 dan awal tahun 1991. Walaupun beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan Yang Berhormat Tanjong? Tidak bagi? Hendak beri dia?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi seorang yang bersikap bermonyet dan berkurang ajar

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak terima cabaran hendak meletakkan jawatan Setiausaha Parlimen. Saya ikhlas, saya bercakap. Saya hendak terima cabaran.

Beberapa Ahli: Resign, resign, resign, resign

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang.. Minla teruskan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bukan sahaja menyeru beliau untuk menjaga maruah Kerajaan untuk meletak jawatan tetapi menyeru Badan Pencegah Rasuah menjalankan penyiasatan ke atas beliau.

Tuan Othman bin Abdul: Saya rela.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat Pendang, cukuplah Yang Berhormat Pendang

Tuan Lim Kit Siang: Data-data ini bukan dicipta oleh saya tetapi maklumat-maklumat ini daripada sumber rasmi iaitu Pendaftar Syarikat-syarikat dan saya percaya bahawa Setiausaha Parlimen dalam Jabatan Perdana Menteri tidak menyoalkan kewibawaan integrity Pendaftar Syarikat-syarikat.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Yang biasa saya akan bagi tetapi seorang yang bersikap bermonyet, bersikap kurang ajar, bersikap begitu irrational, saya rasa tidak payah layan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya minta ruling yang itu. Yang itu ditujukan kepada saya tentang kurang ajar, monyet....

Tuan Lim Kit Siang: Saya kala tidak tuju kepada beliau. Kalau dia makan cili, rasa pedas (*Tepuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Itu makna kata dia tujukan kepada saya

Tuan Lim Kit Siang:.... dan sangat pedas nampaknyalah (*Ketawa*) sampai tidak boleh duduk.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya cakap cukup jelas. Kalau berani, beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pendang, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat berucap nanti. Ya, cukuplah yang itu. Dia berhak berucap apa yang dia bercakap sekarang. Kemudian lepas itu, Yang Berhormat boleh berucap balik. Ini dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, seperti yang saya katakan tadi, yang biasa saya akan beri jalan tetapi kelakuan semacam itu tidak payah, tidak layan.

Tuan Othman bin Abdul: Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan takut, bermonyet macam itu tidak apa..

Tuan Pengerusi: Cukuplah, minta teruskan Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang saya mahu balik kepada B.4, Suruhanjaya Pilihanraya. Baru

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat Pendang

Tuan Lim Kit Siang: Sangat pedaslah, saya tahu, semacam kerampat-lompat ini macam

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat. Tidak guna....

Tuan Lim Kit Siang: ... kera kena belacan. (*Ketawa*)

B.4 Suruhanjaya Ptilhanraya. Baru-baru ini ada dijalankan exercise mendaftarkan pengundi-pengundi, pemilih-pemilih dan kita semua tahu bahawa sambutan daripada mereka yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi begitu dingin.

Sambutan yang tidak memuaskan dan saya rasa Suruhanjaya Pilhanraya perlu membuat satu kajian yang luas dan mendalam untuk memastikan bahawa semua mereka yang layak untuk mengundi nama mereka ada di dalam daftar pemilih. Saya berharap bahawa Kerajaan boleh memberi satu keterangan sama ada benar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sudah membuat satu recommendation bahawa oleh kerana sistem yang sedia ada tidak begitu licin dan baik, digantikan dengan satu sistem pendaftaran sepenuh masa atau, dengan izin, all-the-year-round registration.

Saya harap sistem ini boleh diterima dan dilaksanakan supaya sistem demokrasi kita boleh lebih berkesan.

Kita semua tahu bahawa satu masalah besar yang kita menghadapi ialah kebebasan, kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam tahun lalu oleh kerana Barisan Nasional mahu mengadakan pilihanraya besar, Suruhanjaya Pilihanraya diarah mengadakan satu 'snap voters registration exercise' setama 28 hari sahaja dari bulan Februari ke bulan Mac dan masa itu Suruhanjaya Pilihanraya ada mengumumkan oleh kerana mengikut peruntukan undang-undang iaitu dalam satu tahun perlu diumumkan 42 hari untuk mendaftarkan pengundi-pengundi, bahawa untuk tahun 1990 mereka akan mengadakan dua exercise, satu exercise dalam bulan Februari/Mac selama 28 hari dan satu lagi exercise di akhir tahun supaya dalam tahun 1990, 42 hari disediakan untuk pendaftaran pengundi-pengundi. Tetapi ini tidak berlaku. Inilah satu contoh di mana kita boleh menganggap bahawa di masa itu iaitu di bulan Februari dan bulan Mac kempen untuk mendaftarkan pengundi ialah atas arahan Barisan Nasional dan saya harap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya di masa depan akan lebih bercergas untuk menjaga kebebasan, kewibawaan mereka oleh kerana mengikut Perlembagaan Suruhanjaya Pilihanraya patutlah bebas dan tidak dipengaruhi atau diarahkan oleh sesiapa termasuk Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kedua, B.1—Parlimen. Saya hendak menyebut di sini bahawa masa sudah sampai di mana satu kajian menyeluruh diadakan mengenai gaji dan lerma-terma perkhidmatan kakitangan di Parlimen. Masalah ini ada ditimbulkan dalam Parlimen 20,30 tahun tetapi tidak pernah diambil perhatian yang berat. Inilah sangat tidak adil kepada anggota kakitangan di Parlimen. Mereka bekerja tanpa over-time, mereka tidak mendapat satu tanggagaji yang munasabah dan kerana mereka ada dalam satu closed

service, mereka tidak dapat peluang untuk naik pangkat semacam kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain. Apabila dibandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatanbebas yang lain seperti Bank Negara—saya dapati bahawa kakitangan di Bank Negara mendapat gaji-gaji yang lebih tinggi daripada Parlimen iaitu 20% atau 25% lebih tinggi—gaji mereka adalah lebih tinggi daripada Parlimen apabila ditengok lain-lain perkhidmatan yang bukan dalam perkhidmatan Public Service.

Saya harap satu keputusan politik diambil oleh kerana tanpa keputusan politik masalah ini mungkin dalam lima tahun atau sepuluh tahun lagi pun akan tinggal sebagai masalah. Saya harap bahawa satu keputusan politik diambil oleh Kerajaan untuk membuat satu kajian dan memberi satu revision kepada syarat-syarat perkhidmatan, khususnya mengenai remuneration kakitangan-kakitangan dalam Parlimen khasnya memandangkan bahawa mereka adalah dalam satu closed service.

Timbalan yang di-Pertua *mempe-
ngerusikan Jawatankuasa)*

Akhirnya, saya mahu menyebut B.7—Jabatan Perdana Menteri, 010200—Urusetia Kabinet. Mengikut Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1992, aktiviti Urusetia Kabinet, objektifnya ialah untuk memberi khidmat urusetia dan khidmat sokongan kepada Kementerian, Jabatan dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cekap dan berkesan. Tetapi nampaknya bara-baru ini prestasi Urusetia Kabinet sangat-sangat rendah sehingga berlaku masalah-masalah di mana apa yang diputuskan di Kabinet tidak dilaksanakan, bukan sahaja tidak dilaksanakan, walhal disoal, dicabar oleh pegawai-pegawai tinggi dalam Perkhidmatan Awam. Mengikut Menteri-menteri MCA, keputusan 4A 2C—masalah naik pangkat mengenai murid- murid, pelajar-pelajar di Sekolah

Jenis Kebangsaan Cina daripada Darjah 6 ke Form One, keputusan telah dibuat dalam bulan Mei, tetapi sehingga Oktober selepas keputusan peperiksaan UPSR itu dibuat, pegawai-pegawai tinggi di Kementerian Pendidikan semua menyoalkan, semua mencabar, bukan dalam Kementerian tetapi secara terbuka bahawa adanya keputusan itu dan sebab itu di antara lain perkara ini dibangkitkan dalam Parlimen sehingga keputusan itu, perkara ini, perlu dirujuk balik kepada Kabinet pada 30hb Oktober untuk mengesahkan keputusan Kabinet di bulan Mei. Itu mengikut Menteri-menteri MCA. Kenapa? Kalau keputusan telah dibuat dalam Kabinet pada bulan Mei, tentu tugas Urusetia Kabinet ialah bagi menyampaikan keputusan kepada Kementerian Pendidikan dan mereka yang enggan menerima keputusan Kabinet, tidak kira mereka begitu tinggi di dalam Perkhidmatan Awam, tindakan latatertib perlu diambil supaya maruah integriti Kabinet boleh dapat dikekalkan. Kenapa tidak? Bukan sahaja tidak, sekarang dalam satu circular, surat pekeliling kepada semua sekolah-sekolah, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan mengatakan bahawa keputusan untuk membenarkan mereka yang mendapat 4A 2C naik terus secara automatik kepada Form One ialah unuik tahun ini sahaja, bukan untuk tahun depan, walhal Menteri-menteri MCA kata ini bukan keputusan dan keputusan ialah bukan untuk tahun ini sahaja tetapi selama-lamanya.

Apa yang berlaku dalam Kerajaan? Apa yang berlaku dalam Urusetia Kabinet ini? Kalau begitu, tentulah sesiapa yang mengeluarkan surat pekeliling itu tindakan tatatertib perlu diambil terhadapnya sebab ini bukan untuk tahun ini sahaja. Dasar ini tidak berhenti dan terus lanjut. Saya hairan apa aktiviti Urusetia Kabinct. Apa yang sangat memeranjatkan kita ialah dua hari dahulu kalau saya tidak silap, Ketua Pengarah Kemcnterian Pendidikan, apabila mengiringi Yang Berhormat

Menteri Pendidikan dalam satu projek, mengatakan kepada akhbar bahawa di tahun depan mungkin bukan 4A 2C, mungkin 4A 2B atau mungkin 4A 2A. Adakah kita sudah sampai kepada satu tahap di mana pegawai-pegawai tinggi dalam Kementerian Pendidikan lebih mahu berkuasa daripada Kabinet, danpada Menteri atau daripada Timbalan Menteri?

Kenapakah perkara ini boleh berlanjutan begitu lama, satu peristiwa selepas satu peristiwa. Mana ada disiplin? Mana ada disiplin dan mana ada maruah Menteri-menteri Kabinet yang membenarkan perkara semacam ini berlaku. Mana ada maruah Menteri-menteri UMNO yang baik atau menteri MCA ataupun Menteri Barisan Nasional? Rakyat ada hak untuk bertanya, apakah sistem yang kita ada mengenai Urusetia Kabinet. Adakah sekarang kita sudah sampai ke satu tahap, mungkinlah bukan Menteri UMNO atau Menteri MCA di bawah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, semua Menteri? Saya harap perkara ini bolch dapat suatu penjelasan, suatu jawapan yang jelas yang memuaskan kita supaya perkara semacam ini tidak selalu berlaku. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

4.10 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya akan merujuk kepada beberapa perkara mengenai dengan perbincangan ataupun perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini termasuklah apa yang telah disentuh oleh Ketua Pembangkang. Tetapi sebelum itu sukalah saya merujuk kepada B1—Urusan Parlimen, Butiran 01000, termasuklah butiran program dan aktivitinya sekaligus.

Tuan Pengerusi, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu Tan

Sri Zahir Ismail yang telah menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini sesudah pemergian Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail. Dan sepanjang tempoh Tuan Yang di-Pertua mengendalikan urusan Dewan Rakyat terutamanya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, kita bukan sahaja dapat melihat bagaimana kewibawaan Dewan Rakyat ini dapat diPengerusikan atau ditadbir dengan penuh sempurna dan kewibawaan.

Kalau kita lihat telatah dan gelagat yang telah ditunjuk oleh Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat terutamanya daripada Pembangkang. Sudah barang tentu, saya percaya Dewan Rakyat ini akan menjadi kecoh dan inenjadi huruhara dengan kata-kata yang unparliamentary, dengan sorakan dan ejekan dan seumpamanya. Tetapi kesabaran yang lelah ditunjuk oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Zahir Ismail cukup membanggakan saya sebagai penyujuk kepada urusan perjalanan Dewan Rakyat ini. Tetapi saya percaya kita tidak boleh mengambil kesempatan daripada kesejukan dan kewibawaan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini yang saya harap harus dimengerti oleh pihak parti Pembangkang terutamanya parti DAP.

Tuan Pengerusi, dalam sistem demokrasi berparlimen, ada tiga institusi yang berfungsi iaitu, satu pihak Executive, kedua Legislature dan ketiga, Judiciary. Ketiga-tiga institusi ini mempunyai peranan dan fungsi masing-masing. Ketua Judiciary ialah Lord President (Ketua Hakim Negara) dan simbol kepada Kehakiman ini ialah Ketua Hakim Negara dan sepanjang sesiapa sahaja yang menjadi Ketua Hakim Negara telah diberi penghormatan ataupun gelaran Tun oleh Yang di-Pertuan Agong. Itulah yang memperlihatkan betapa tingginya kedudukan institusi Kehakiman. Begitu juga dalam bidang Executive, Ketua Pentadbirnya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Manakala dari segi Legislaturennya, pembuai undang-undang ialah Dewan Rakyat

ini (Parlimen) yang diuruskan ataupun yang diPengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Maka oleh itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat seharusnya mendapat penghormatan yang tinggi dari segi kedudukannya sebagai simbol dalam sistem demokrasi berparlimen.

Saya menyebutkan perkara ini bukan sahaja menyatakan terima kasih dan penghargaan saya yang tinggi sepanjang saya berada dalam Dewan Rakyat ini, yang ditunjuk oleh kepimpinan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, tetapi saya juga ingin bertanya sejauh manakah kakitangan di Dewan Rakyat, di Parlimen ini setakal ini telah memberi kerjasama, patuh kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya ingin bertanya, sebab kebimbangan saya ialah ada pihak-pihak yang seolah-olah tidak menghormati tugas dan fungsi dan kuasa yang ada kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Saya tidak tahu sama ada perkara ini berlaku atau tidak, tetapi saya ingin minta pihak Kerajaan ataupun yang bertanggungjawab terhadap urusan perjalanan Parlimen ini supaya mengkaji, supaya kedudukan dan kuasa ataupun peranan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, wajar dan harus dihormati, sebagaimana kita Ahli-ahli Dewan Rakyat patuh dan tunduk setiap kali Yang di-Pertua Dewan Rakyat ataupun Tuan Pengerusi masuk untuk mempengerusikan sidang Dewan yang mulia ini.

Saya tidak mahu membutirkan dengan secara terperinci, tetapi sayugia kita ingalkan kepada semua kakitangan di Parlimen ini, supaya memberikan kerjasama sepenuhnya dan menghormati Yang di-Pertua Dewan Rakyat, atas apa jua arahannya sebagai simbol dan tunggak kepada institusi demokrasi berparlimen ini.

Di samping itu, saya menyokong sebagaimana pernah saya bangkitkan dalam persidangan-persidangan yang lalu iaitu kedudukan kebajikan kakitangan Parlimen ini. Bukan sahaja disebut oleh Ketua Pembangkang, malah

kita sebut awal daripada itu. Bersabit berkenaan kebajikan kakitangan Parlimen ini, pernah saya bercakap pada tahun lalu dalam sidang Dewan yang mulia ini—banyak kali—supaya dikaji semula bukan sahaja dari segi kebajikannya, tetapi sekurang-kurangnya sekarang ini kakitangan Dewan Rakyat dibayar honorarium allowance, sepatutnya mereka ini diberi elaun kerja lebih masa (overtime allowance) semasa Dewan Rakyat ini bersidang, supaya mereka mendapat ganjaran sesuai dengan tugas dan peranan yang mereka beri terhadap Dewan Rakyat ini sendiri. Bukan sahaja itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian di sini, mengenai dengan bangunan Dewan Rakyat kita ini. Kalau tidak silap saya, Dewan Rakyat kita ini dibina pada tahun 1963 dan sekali telah dibuat ubahsuai, kecuali ubahsuai kecil-kecilan di dalam Dewan ini sendiri.

Saya adalah penentang yang kuat kepada pembaziran bukan setakat pihak Pembangkang. malah di kalangan anggota Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin kita pun sedemikian. Tetapi oleh kerana Dewan ini, saya katakan satu simbol yang begitu penting, tempat yang dilawati dan seumpamanya, maka saya kira sudah sampai masanya Dewan Rakyat atau bangunan Parlimen ini diubahsuai. Kerana saya dapati bangunan-bangunan yang tumbuli di sekitar Kuala Lumpur ataupun di dalam negara kita ini yang sudah mencakar langit, begitu indah dan sebagainya, sewajarnya Dewan Rakyat kita mencerminkan keindahan yang sama sebagai pusat lawatan Ketua-ketua Negara.

Saya dapati Dewan Rakyat kita ini kalau dibanding dengan bilik Dewan Negara jauh lebih baik bilik Dewan Negara. Malah kerusi tempat duduk kita sekarang pun tidaklah begitu selesa lagi dan mungkin selepas pemecahan

kawasan pilihanraya yang akan dibuat pada tahun hadapan anggota Dewan Rakyat akan bertambah. Sudah barang tentu kalau dilihat daripada tempat duduk sekarang ini tidak lagi mencukupi. Dan kita percaya dan saya menyeru dan mencadangkan supaya kajian dibuat segera supaya Dewan kita ini bukan sahaja lebih selesa tetapi lebih indah dipandang mata sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi yang membuat undang-undang.

Dalam segala bentuk kemudahan, bukan setakat dari segi saiznya tetapi lain-lain kemudahan, saya ingin mencadangkan sekarang ini di luar Dewan Rakyat, waktu masapersidangan kita boleh dengar Ahli-ahli Dewan Rakyat berucap kalau kita duduk di Kantin ataupun tempat minuman rehat Ahli-ahli Parlimen. Tetapi oleh kerana sekarang ini minat makin ramai, pengunjung-pengunjung dan tetamu makin ramai walaupun tidak selalu, terutamanya hari Belanjawan ataupun seumpamanya, ramai tetamu-tetamu hadir. Yang pasti hadir ialah kakitangan Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri. Bererti tempat sudah tidak mencukupi, Kita lihat waktu hari pembentangan Belanjawan, ramai yang tidak boleh masuk ke dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, cadangan saya supaya diambil kira kalau boleh, dipasang close circuit di dalam Dewan Rakyat ini terutamanya di luar, di tempat rehat Ahli-ahli Parlimen ataupun di Kantin dan seumpamanya, sekurang-kurangnya dalam Dewan Rakyat ini.

Perkara yang seterusnya ialah mengenai dengan Kantin.

Tuan Pengerusi, ini hendak bercakap bab makan sedikit, iaitu kita lihat ada satu kantin sahaja di sini selain tempat minuman untuk Ahli Parlimen. Itu agak terhad dan kita kena berbaris, saya bukan tidak bersetuju berbaris, ini baik untuk kesihatan. Tetapi oleh kerana tempatnya kecil, suasananya saya kira macam

kantin di setengah-setengah kompleks. Memang saya bersetuju ianya murah tetapi ianya mesti memperlihatkan satu kantin yang setanding dengan kedudukan sebagai sebuah Dewan Rakyat yang kita lihat sekarang ini.

Jadi, elok sangat kalau boleh dikaji semula. Begitu juga di tempat rehat Ahli-ahli Parlimen supaya bukan satu ataupun dua kantin, tetapi kalau ada dua, tiga supaya bila ada pelawat-pelawat, tetamu-tetamu dapat melihat. Kalau tidak, semua sekali berbaris dan berbaris itu mengambil masa.

Tuan Pengerusi, ada waktu kalau tidak cukup kuorum, kita sedang berbaris nombor sepuluh—hendak makan, tiba-tiba tidak cukup kuorum, 'cabut' masuk dalam Dewan Rakyat. Waktu orang ramai terus-terus pergi balik duduk nombor dua puluh. Ada potong queue - tidak seronok juga, ertinya kita perlu lebih banyak kemudahan seumpama ini.

Ini hal urusan dalam Dewan Rakyat ini dan saya harap mendapat perhatian pihak Kerajaan terutamanya dalam perkara-perkara yang saya sentuh walaupun secara sepintas lalu tetapi ianya penting, sudah sampai masanya supaya Bangunan Dewan Rakyat ini diubahsuai sesuai dengan perkembangan pembangunan yang kita lihat dalam negara kita sekarang ini. Jangan orang tengok, wah! Bangunan Parlimen lebih lekeh kalau dibandingkan dengan setengah-setengah bangunan yang ada di sekitar Kuala Lumpur. Bukanlah kita hendak membazir-tidak, sekali-kali saya tidak mengatakan kita perlu kepada pembaziran, jauh sekali. Tetapi dari segi keselesaiannya, kemudahannya dan sebagainya, termasuklah bangunan di hadapan yang diperuntukkan untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat, tidak semua menggunakan bilik-bilik itu dan kecuali di waktu hari persidangan dan persidangan bermula 2.30 hingga 6.30 petang, tidak digunakan sepenuhnya. Difikirkan cara bagaimana semua ini dapat dimanfaatkan dari segi aktiviti kita di Dewan Rakyat ataupun di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya hendak sentuh, tadi saya dengar Ketua Pembangkang bercakap mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu Maksud B.4. Saya hendak merujuk 010000 mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Sepanjang masa Suruhanjaya Pilihanraya dipersoalkan dari segi kewibawaannya, dari segi kredibilitinya, berat sebelahnya dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya tunggu tadi Ketua Pembangkang menyentuh soal apa yang berlaku di Kelantan. Kita ingat dan sekarang ini masih ada di hadapan kita lagi masalah ini. Apabila ada dua Wakil Rakyat di Kelantan mengambil keputusan untuk kembali semula ke UMNO, Dewan Undangan Negeri Kelantan mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi menghalang mereka yang berhasrat untuk berpindah parti atas dasar kita negara demokrasi, atas dasar hak asasi, atas dasar keputusan, kebebasan berpersatuan yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, mereka membuat keputusan itu.

Akhir sekali undang-undang dipinda. Bila undang-undang dipinda masih ada di mahkamah, Dewan Undangan Negeri Kelantan mengisytiharkan kerusi tersebut kosong. Tetapi Suruhanjaya Pilihanraya atas dasar kebebasannya membuat keputusan akibat daripada notis yang diterima bahawa dua kerusi itu kosong maka diadakan pilihanraya kecil, walhal perkara itu masih ada dalam mahkamah. Kalau Suruhanjaya Pilihanraya benar memihak kepada UMNO, memihak kepada Kerajaan, berat sebelah, tidak berwibawa sebagaimana kata Ketua Pembangkang, sudah barang tentu Suruhanjaya Pilihanraya boleh tidak mengadakan pilihanraya untuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri. Tetapi pilihanraya terus berjalan walaupun kes itu dalam mahkamah. Sebelum itu macam-macam tuduhan ada dalam akhbar, sepatutnya

tidak berlaku sedemikian rupa. Dan hari ini Mahkamah Tinggi membuat keputusan bahawasanya pindaan itu bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, *ultra vires* with the Federal Constitution, atas dasar hak kebebasan untuk berpersatuan.

Apa sudah jadi sekarang ini, tidak tahulah, mungkin sudah ada rayuan ke Mahkamah Agung, kita belum mahu menyentuh sebab tidak mahu menyentuh perkara yang ada di dalam Mahkamah Agung. Tetapi andai kata selepas ini bererti ada dua Wakil Rakyat, mereka mengatakan mereka hormat mahkamah, pada satu masa mereka mengatakan ini mandat rakyat, pada satu masa mereka katakan Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada kewibawaan. Mana satu yang betul, mana satu yang hendak dipakai?

Saya bangkitkan perkara ini kerana disentuh soal kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya. Waktu saya berada dalam Pembangkang, sebelum Pilihanraya Umum, saya pernah menghadiri mesyuarat dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang diatur oleh pihak-pihak parti Pembangkang sebagai anggota penyokong kepada mereka ini sebelum Pilihanraya Umum.

Saya mengakui dan bertemu dengan pihak Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Setiausaha Pilihanraya dilayan, dijelas, dibentang, segala-galanya diberi kerjasama sehingga tidak ada apa lagi hendak bangkit, mereka membuktikan keupayaan dan kewibawaan mereka. Tetapi di luar mereka bercakap soal ketidakwibawaan Suruhanjaya Pilihanraya, manakala kita lihat apa yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya pun kadang-kadang memang kita mempersoalkan apa yang berlaku di Kelantan sekarang ini.

Katakanlah kalau Mahkamah Agung mendapati keputusan yang ada di hadapan kita sekarang ini bererti satu kawasan di Kelantan ada dua Wakil Rakyat, berlaku krisis Perlembagaan, macam mana? Kata Presiden Semangat 46: "Hormatlah kepada keputusan

mandat rakyat." Tidak payahlah bawa pergi ke mahkamah, saya hendak beritahu walaupun pemimpin saya dahulu dalam soal prinsip, soal perkara yang benar, saya mesti bercakap benar. Kalau mandat rakyat yang dikatakan perlu dihormati di Kelantan, sepatutnya Presiden Sernangat 46 sudahpun menghormati keputusan mandat UMNO, keputusan tahun 1987, tidaklah teruk saya begini. Sama juga mematuhi mandat rakyat dalam pilihanraya 1990 sesudah UMNO asal tidak boleh dipulihkan lagi, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan pilihanraya di Kelantan.

Kalau dikatakan mereka ini tidak berwibawa, jadi nyata sekali Suruhanjaya Pilihanraya memang badan yang bebas tetapi oleh kerana sudah ada masatah di hadapan kita sekarang ini, krisis yang berlaku sekarang ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula Akta Pilihanraya. Dahulu tidak ada, kita tidak fikir perkara ini boleh berlaku, tidak terfikir, sudah berlaku krisis Perlembagaan seumpama ini. Maka perlulah Akta Pilihanraya dikaji semula supaya sebarang kes yang membabitkan kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli Dewan Rakyat yang masih ada dalam mahkamah atas apa jua masalah, sewajarnya kerusi tersebut tidak patut diisytiharkan kosong. Kalau ianya diisytiharkan kosong, berlaku pilihanraya dan keputusan mahkamah membuat keputusan di sebaliknya, maka bererti berlaku krisis seperti yang ada di Kelantan sekarang ini.

Buruk, malah mereka buat keputusan pun menghukum orang di waktu undang-undang itu belum ada, *backdated*, *retrospective* menghukum orang waktu undang-undang belum wujud.

Sekarang ini mereka mengatakan mereka patuh kepada keputusan mahkamah, tetapi pada perbuatannya tidak patuh, tidak hormat kepada keputusan mahkamah. Saya hendak lunggu Ketua Pembangkang bercakap

tadi kalau dia betul-betul ikhlas, dia betul-betul champion kepada demokrasi, dia betul-betul meragui apa yang beliau sendiri bercakap, saya hendak dengar dia sentuh atau tidak masalah isu yang berlaku di negeri Kelantan sekarang ini. Nyata sekali double standard, tidak ikhlas, politik semata-mata.

Sepertimana di waktu beliau berucap menyentuh soal Badan Pencegah Rasuah, B.11 tadi, membabitkan Setiausaha Parlimen daripada Pendang. Saya penentang rasuah number one, Tuan Pengerusi, Kalau Ketua Pembangkang kata dia penentang rasuah, kita lebih daripada dia lagi. Mungkin dia number one thousand, saya pun tak tahu. Jangan dianggap kita ini duduk dalam Barisan Nasional ataupun menyertai semula UMNO tidak lagi menentang perkara-perkara rasuah.

Kita menentang, tetapi soalnya yang dibangkitkan tadi. Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Parlimen dari Pendang, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sekurang-kurangnya berani bangun minta jalan dengan penuh terhonnat sewaktu dicabar dan dia sanggup meletak jawatan kalau luduhan itu benar, tetapi tak diberi dan tuduhan pula samar-samar, insinuation semata-mata. Mudah-mudahan dengan sebutan itu di Dewan Rakyat, ucapan Ketua Pembangkang itu masuk dalam Rocket DAP ataupun ditumpang sama oleh Harakah siar nanti seorang Setiausaha Parlimen dituduh rasuah, lepas itu seolah-olahnya dia sudah rasuah, bukti tidak ada, Maknanya moral character assassination dan ini memang sudah berlaku lama. Sekurang-kurangnya saya ucap tahniah kepada Setiausaha Parlimen sekurang-kurangnya berani berdepan secara terbuka dalam Dewan yang mulia ini, tetapi tak diberi oleh Ketua Pembangkang. Ini sepatutnya, tetapi sudah berucap cabut. Tetapi saya percaya ucapan itu akan masuk dalam Rocket, saya percaya ucapan itu akan masuk dalam Harakah ataupun surat-surat khabar harian.

Saya bukanlah bermusuhan dengan mana-mana suratkhobar, tetapi satu dua suratkhobar Tionghua ataupun sebagainya akan scoop besok sebagai satu berita. Bererti moral Setiausaha Parlimen sudah tercabar. Walaupun belum tahu buktinya, tetapi sekurang-kurangnya orang bercakap, 'Eh, betulkah Setiausaha Parlimen itu rasuah? Inilah tujuan pihak DAP. Satu perbuatan dan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab, disambunganya perkara yang dahulu. Tetapi dia kata hendak ben bukti, saya dengar tadi tak ada pun bukti. Dan Setiausaha Parlimen bangkit dengan lantang hendak beri penjelasan, lerima cabaran. Walau macam manapun, saya ucapkan tahniah dan syabas kerana berani. Kalau sikap seumpama itu, saya beri sokongan, maknanya secara spontan dia bangun.

Tuan Pengerusi, contoh-contoh yang saya bangkitkan ini terutamanya hendak menyentuh soal apa yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebentar tadi.

Saya ingin merujuk kepada B.3— Auditian Badan-badan Berkanun dan Berbagai Kumpulan Wang, Butiran 01000 dan 03000, mukasurat 25, sekaligus bersabit dengan audit. Ini satu jabatan yang penting. Di sinilah pengesan kepada kecekapan dari segi bersih pengurusan kewangan, lidak ada cara lain, iaitu Bahagian Audit. Kita dapati selama ini ada agensi Kerajaan dan seumpamanya tertanggung dari segi auditnya beberapa tahun. Mungkin kerja-kerjanya yang banyak, bukan senang. Tetapi dari segi audit dalam ini, saya hendak menggesa pihak Kerajaan supaya mengkaji dari segi jumlah kakitangan juruaudit yang ada sekarang cukup atau tidak, dan mereka ini hendaklah lebih agresif, lebih cekap mengesan perkara-perkara yang mungkin berlaku dari segi yang tidak sihat umpamanya, dari segi apa jua pelaksanaan urusan kewangan negara oleh pihak audit ini.

Dalam laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), kita lihat banyak komen-komen oleh pihak Audit bersabit dengan perjalanan sesuatu urusan agensi dan sebagainya, timbul tandatanya dan ini semua berbangkit kerana audit. Maka sebab itu saya harap supaya pihak Audit ini diperkemaskinikan lagi, ditambah kakitangan, diberi latihan ataupun kalau perlu dari segi fungsi mereka, dari segi perlindungan undang-undang patut diperluaskan lagi supaya mereka mempunyai cukup kemudahan, baik dari segi fizikalnya ataupun dari segi peruntukan undang-undangnya untuk membuat audit, membuat penyemakan, membuat penyiasatan terhadap pengurusan kewangan dalam mana-mana agensi dan Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh B.8—Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). JPA ini satu agensi yang bertanggungjawab dalam soal-soal perlantikan urusan kakitangan awam. Di sini sedikit sahaja saya hendak sebut. Saya hendak minta pihak Kerajaan semak balik mengenai dengan perlantikan kakitangan awam ini. Urusan-urusan semua ini dilakukan oleh pihak Kerajaan, umumnya Kerajaan. Siapa itu Kerajaan? Kerajaan ialah Barisan Nasional dan UMNO. Siapa yang mentadbir? Kabinet. Siapa itu Kabinet? Mereka inilah yang diberi mandat oleh rakyat. Tetapi ada satu kekeliruan mengenai dengan perlantikan Ketua Pengarah MARA. Bila timbul soal Ketua Pengarah MARA baru-baru ini ada dalam suratkhbar saya baca, di mana kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, dia tidak tahu-menahu, saya tidak tahu soal detailnya. Tapi seorang kakitangan Kerajaan bercakap secara terbuka umum.

Saya hendak bertanya sama ada beliau telah merujuk kepada Menteri yang bertanggungjawab, sekurang-kurangnya kalau perkara itu sampai kepada beliau ataupun sekurang-kurangnya beliau boleh mengatakan, saya belum

menyemak, sebab jawatan ini penting, boleh timbul kontroversi. Yang mentadbir negara ini ialah parti yang mendapat mandat rakyat. Jadi kalaulah ada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ketua Jabatan Kerajaan lebih besardaripada Menteri, jadi saya hendak tanya siapa yang berkuasa?

Di sini mesti diperbetulkan sebab timbul banyak kekeliruan. Betullah kita tidak mahu melihat mana-mana pihak melanggar peraturan JPA. Itu kita bersetuju dan saya menyokong dasar itu, tetapi soalnya dari segi membuat keputusan dan mengumumkan sesuatu keputusan, siapa yang berhak, siapa yang bertanggungjawab?

Saya percaya Menteri-menteri yang bertanggungjawab kepada agensi Kerajaan ataupun badan-badan berkanun, dia lebih tahu, dia yang memadbir. Kalau tak betul dari segi undang-undang, betulkan undang-undang itu supaya keputusan Menteri adalah keputusan muktamad. Siapa sahaja kakitangan yang hendak diletak, hendak dipilih, itu soal urusan pentadbir. Jangan salah mengerti dengan pandangan saya ini, cuma saya tak hendak berkecamuk di antara kakitangan Kerajaan dengan orang politik. Kalau undang-undang tak jelas, saya hendak cadang supaya dipindahkan undang-undang, tetapi sepatutnya Menteri diberi kuasa, diberi hak, sebab dia yang mentadbir Kementerian, agensi dan badan berkanun yang demikian. Kalau dia dapati Ketua Pengarah tidak lagi berfungsi, tidak boleh menjalankan kerja sepenuhnya, dia hendak tukar, itu hak Menteri, sebab dia yang bertanggungjawab kepada Kementerian itu.

Saya tidak hendak memperkecilkan mana-mana pihak, saya tidak menyebelahi mana-mana pihak, saya bercakap atas dasar dan prinsip. Jadi scolah-olah timbul kalau MARA contohnya, MARA di bawah Menteri

Perusahaan Awatn yang bertanggungjawab kepada MARA. Lepas itu JPA buat keputusan, Ketua Pengarah buat komen, bertentangan apa yang orang baca. Jadi, orang bercakap Ketua Pengarah JPA lebih besar daripada Menteri. Apa cerita ini? Menteri tetap Menteri dengan kuasanya sebagai Menteri.

Jadi, saya minta kalau ada kekurangan dari segi undang-undang, betulkan dari segi kekurangan undang-undang. Kalau hanya tersilap cakap, cakap tersilap cakap, jangan lepas cakap suratkhbar, diam langsung, timbul macam-macam kontroversi, macam-macam spekulasi. Pihak yang menanggung di air keruh, apa lagi, pukul gendang. Jadi, ini saya harap pihak Kerajaan memberi perhatian mengenai dengan perkara ini.

Kemudian saya ingin merujuk kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, mukasurat 32, B.7, Butiran 030000. Ini saya hendak rujuk mengenai dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan di bawah pentadbiran UPP ataupun ICU ini. Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ini telah diwujudkan bagi memudahkan penyaluran dan peranan Kerajaan Pusat bagi kepentingan pembangunan di Kelantan.

Saya ingin tahu sejauh mana setakat ini, apakah JPP ini sekarang ini sudah mempunyai kakitangan yang cukup? Saya difahamkan sehingga hari ini kakitangannya belum cukup, sebab di setiap daerah akan dilantik pegawai pembangunan JPP (Jabatan Pembangunan Persekutuan) bagi tiap-tiap daerah. Di kawasan Parlimen saya sampai hari ini pun saya difahamkan belum ada lagi, memang ada pegawai yang bertanggungjawab tetapi perlantikan secara rasmi belum ada. Jadi, saya harap supaya perkara ini dipercepatkan, itu satu.

Yang kedua, JPP inilah bertanggungjawab atas segala-galanya dari segi penyaluran pembangunan di Kelantan, apa jua bantuan daripada

pihak Pusat. Saya berharap, satu sahaja saya hendak sebut secara umum tetapi khusus supaya apa jua keputusan yang dibuat dari segi soal penyaluran pembangunan, bukan sahaja hendaklah berhati-hati dan di luar daripada sentimen politik supaya rakyat Kelantan akan sedar balik tentang apa yang berlaku sebelum ini.

Saya berharap rakyat Kelantan ataupun pihak-pihak tertentu di Kelantan pula tidak mengambil kesempatan di atas cadangan ini, kerana rakyat Kelantan adalah rakyat yang miskin. Saya mengakui kalau pihak PAS hendak bantah ataupun tak bersetuju dengan pandangan saya, itu hak PAS, tetapi nyata sekali rakyat Kelantan akan ketinggalan dari segi pembangunan kerana Kerajaan Kelantan sekarang ini tidak berupaya untuk melaksanakan pembangunan. Tak mungkin, tak mungkin Kerajaan dari segi ekonominya! Dahulu rakyat Kelantan-saya cakap terang-terang, Tuan Pengcrusi, dahulu rakyat Kelantan menyokong mereka yang memimpin Kelantan sekarang ini kerana sentimen Ahli Parlimen Gua Musang, dok fikir supaya kononnya Ahli Parlimen Gua Musang akan menang pulihkan UMNO asal dan menguasai Kerajaan Pusat. Itu kira-kira dahulu. Kira-kira ini tak menjadi.

Yang sebenarnya yang dapat faedahnya ialah parti PAS kembali berkuasa. Saya tidak anti PAS dari segi PAS dan saya tidak anti dasar PAS, cuma saya mengatakan mereka tidak berupaya mentadbir negeri dan mentadbir negara, itu sahaja. Sebab itu kita lihat di Kelantan sekarang ini dari segi pembangunan tidak ada kalau Pusat tidak tolong. Sebab itu dibesarkan perkara-perkara kecil. Perkara-perkara kecil dijadikan perkara utama sebagai hendak divcrt, alih pandangan. Bukan main tepuk dada Tuan Pengerusi. Saya pun terkejut bila balik, nah! tengok Kelantan sekarang ini sudah ada

pembangunan sebab sejak kita memerintah sudah ada papantanda menunjukkan 100 meter dihadapan ada Masjid. Itu buat papantanda kecil sebesar ini, pasang di tepi jalan, 100 meter di hadapan ada masjid, hendak beritahu kepada rakyat inilah penerapan nilai-nilai Islam di Kelantan—punya hebat pembangunan di Kelantan.

Saya bukanlah tidak setuju, eloklah buat itu, tetapi orang sudah tahu memang ada masjid di tepi jalan, memang orang nampak. Yang hendak sembahyang, ke mana pun dia cari tempat hendak sembahyang. Tetapi itu dibesarkan, samalah juga dengan papantanda iklan benda-benda yang remeh-temeh sudah dijadikan pokok sekarang ini oleh kerana mereka hendak tunjuk inilah kejayaan yang mereka perolehi sekarang ini.

Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mohd. Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat dari Pasir Mas, tadi saya dengar juga kisah papantanda di Kota Bahru Kelantan. Jadi, saya hendak tahu masjid di Kota Bahru itu PAS buatkah? Itu yang pertama. Yang kedua, mana banyak pahala, buat masjidkah atau buat papantanda? (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang pahala banyak ini duduk pada niat, keikhlasan-bukan modal politik ataupun publisiti politik. Yang masjid banyak di Kelantan sekarang ini saya tidak tahulah rekod satu persatu tetapi yang banyak masjid di Kelantan sekarang termasuk kawasan saya, kalau Barisan (UMNO) tidak buat, teruklah, tidak ada.

Hendak baiki serambi boleh, setakat hendak buat kolah, hendak buat tempat mengambil air sembahyang boleh, tetapi

kalau hendak tengok masjid yang indah, dicat baru, kalau yang lama diperbesarkan, tak mungkin. Itu yang Barisan buat, yang UMNO buat sejak memerintah tahun 1978. Itulah, Tuan Pengerusi, saya pun ikut depa ini menyesal tak sudah! (*Ketawa*) Betul, saya bukan jenis orang pemalu. Saya kata tak betul- tak betul, kalau saya salah -saya salah, saya bukan hipokrit! Saya gentleman, cara terbuka.

Dahulu bukan perhitungkan kerana ini semua, kerana dok fikirkan Ahli Parlimen Gua Musang. Dia bawa saya masuk hutan, sesat terus! Nasibbaik saya sempat keluar cepat, walaupun dituduh macam-macam, tetapi ini saya bercakap dalam konteks dari segi pembangunan rakyat Kelantan, dari segi kepentingan pembangunan rakyat Kelantan.

Jadi, walaupun mereka akan tuduh selepas ini, mungkin mereka akan bercakap, mungkin mereka akan bantai saya dengan bermacam-macam label pula. Biasalah, sebab depa bantai macam-macam pun tak lot Tuan Pengerusi, saya kebal, insya Allah. Kalau bab kata mengata ini, katalah kepada saya, tujuh gunung pun tidak ada benda, dengan macam-macam label, saya tak kisah. Cuma bila saya kata dekat orang, orang itu tidak boleh tahan pula saya kata dia. Dia kata dekat saya tak apa, itu yang tak tahan, kita tidak apa -hendak kata apa-apa, katalah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita dengar macam-macam label dikata-pelacur politiklah, tidak ada prinsip dan macam-macam. Saya tidak tahulah pelacurkah atau tidak pelacur. Saya hendak beritahu pada Tuan Pengerusi, sudah dua kali. . . .

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, semasa bertanding Ketua Cawangan di Pasir Mas dahulu, Yang Berhormat dapat berapa undi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tak kira, saya dapat berapa undi, saya menang atau kalah, itu tak menjadi urusan. Satu undi pun apa saya kisah? Kalau Ibrahim Ali itu hebat, dia tetap hebat-dia tak payah kira undi. Kalau kita dok bercakap berdegar-degar, bersyarah untuk bela rakyat tetapi tengok Polis pun lari, dengar ISA pun takut, hendak suruh pinda ISA, kita demokrasi - takut! Saya ada 10 ISA pun saya tak peduli, kalau kita berjuang, kita lawanlah, berani! Ini hendak suruh pinda, penakut, pengecut! Itu double pelacur politik, Itu saya malas hendak jawab. (*Tepuk*)

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Soalan yang kedua, apakah Yang Berhormat tahu ada beberapa buah masjid di negeri Kelantan itu di mana peruntukannya telahpun dikeluarkan semasa pemerintahan Barisan Nasional, tetapi ternyata sehingga hari ini masjid tidak ada, duit sudah habis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini saya hendak jawab cara jelas, saya pun baru dengar, tetapi setahu saya tidak ada, itu tuduhan bahaya itu! Itu besar tuduhan, tambah-tambah ini yang memperjuangkan Islam ini. Kalau tak betul, saya rasa putus lidah nanti. (*Ketawa*) Putus lidah nanti! (*Ketawa*) Makan angkat sumpah nanti.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak tahu Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan ini berkaitan dengan butiran tertentu. Ya, teruskan Pasir Mas. Berkenaan butiran tertentu ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, saya pun hendak balik kepada tajuk. Dia lanya, saya jawablah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan melarat ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tadi Ketua Pembangkang bercakap bab dasar merapu tak tentu arah. Tuan Pengerusi tiada halangan, tidak ada apa-apa teguran, saya pun diberi chancelah, sekurang-kurangnya seorang daripada Pembangkang dan seorang daripada penyokong Barisan. Kalau Tuan Pengerusi hendak hadkan lepas ini, okaylah, tidak ada hal sebab saya sudah bercakap. Pengerusi Backbencher seorang lagi, Berilah seorang lagi Pembangkang, dia hendak merapu, merapulah, alaskan beri peluang yang sama.

Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk pula kepada Butiran 040000 Keselamatan Negara. Keselamatan negara ini penting. Saya semalam baru dok baca beberapa akhbar. Pagi tadi pun saya dok tengok lagi. Masalah keselamatan negara kita alhamdulillah sekarang ini stabil, sebab itu pembangunan berjalan lancar. Dari segi kestabilan politik, ini bergantung kepada keselamatan negara dan tidak ada ancaman-ancaman besar. Kita ucapkan tahniah kepada pihak Majlis Keselamatan Negara, anggota polis, tentera dan seurnpamanya.

Tetapi satu peristiwa yang saya cukup bimbang, yang diperbesarakan tiap-tiap tahun, yang sedang berlaku di Kedah sekarang ini, iaitu perayaan hari Syuhada di Memali yang dianjurkan oleh PAS sekarang ini.

Majlis Agama Islam Kedah sudah mengeluarkan fatwa mengarah Polis mengambil tindakan, dan PAS menganjurkan Majlis ini setiap tahun dengan poster yang besar. Apa lujuan PAS? Itu tafsiran mereka, fatwa mereka mengatakan mereka itu mati syahid, itu hak mereka, hendak sedekah al-Fatihah, hendak bertahlil, hendak berwirid apapun - itu hak mereka. Dan kita sebagai orang Islam, kita hendak sedekah dan hendak bertahlil pun itu kita boleh buat, tetapi mengadakan perayaan seumpama itu, apakah niat di sebaliknya? Dengan poster yang besar-besar. Kalau di segi majlis untuk kepentingan agama Islam, banyak seperti majlis Maulidur-Rasul, majlis Israk-Mikraj, kenapa tidak dianjurkan sampai 3-4 hari? 5-6 hari kenapa tidak buat? Kenapa ini sampai 2-3 hari dan membuat publisiti yang besar-besar, buat di Kampung Memali pula? Saya rasa ini tidak lebih daripada provokasi. Saya alhamdulillah dan insya Allah akan terus memberi sedekah kepada mereka yang mati di Memali, baik anggota Polis, baik yang saudara Islam kita yang terlibat, tetapi soalnya kenapa mereka lurus mengadakan majlis seumpama ini? Dan saya bimbang undang-undang kita jadi mockery nanti, Tuan Pengerusi. Majlis Agama Islam kata tidak boleh buat, sudah keluar fatwa, Polis sudah beri nasihat, mereka buat juga. Kalau buat juga Polis bertindak berlaku pertempuran, kalau berlaku pertempuran, Polis pula dikatakan zalim, Kerajaan zalim, UMNO zalim, tetapi undang-undang ada di depan kita hendak buat macam mana? Hendak laksanakan macam mana ini?

Saya minta orang PAS tolong sedar, tolong bertanggungjawab, kerana keamanan yang ada pada hari ini, yang membolehkan PAS buat perhimpunan, bersyarah ke sana, kemari ini ialah kerana keamanan yang ada. Tetapi kalau duduk buat incitement ataupun provokasi, tahun demi tahun bersabit dengan apa yang berlaku di Memali, saya kira seolah-olah sekarang ini seperti minyak yang dicurah dalam sekam,

terutamanya bagi generasi-generasi muda, yang tidak tahu erti fundamentalist Islam ini, yang seronok dengan kebangkitan Iran, yang beremosi, yang pergi berhimpun di Memali dengar syarahan sebagainya.

Apabila bersyarah di hadapan ramai, cakap bukan main sedaplah, hendak cakap apa—cakaplah, letak 10,000, 20,000 orang bertempik 'Allahu Akbar' hendak cakap apa - cakap pada masa itu, seronok sebab ada sokongan, di bawah, aku pejuang, aku jihad. Apabila kena ISA, tanya bila Kerajaan hendak lepas? Ini adalah hak dan kebebasan, duduklah dalam, kalau berani sangat. Apa peduli pada ISA, tetapi soalnya yang berlaku di Kedah sekarang ini, dan akan dibuat tiap-tiap tahun. Ini satu provokasi yang boleh mengancam keselamatan negara,

Saya hendak minta Majlis Keselamatan Negara, pihak Ketua Polis Negara, bukan sahaja dari segi kepentingan keselamatan negara, tetapi kita tidak mahu undang-undang kita jadi mockery. Kalau kita ada undang-undang tidak boleh laksana, macam mana pula? Tetapi saya tahu kerumitan Polis, kerumitan Kerajaan. Kalau bertindak kasar, bertindak keras ataupun tegas, mereka hendak buat juga, nanti mereka kata kita ini zalim, tetapi mereka buat juga, mereka langgar undang-undang. Mereka kata mereka hormat Kehakiman, mereka patuh kepada undang-undang tetapi buat juga benda yang bertentangan dengan undang-undang. Ini yang sedang berlaku sekarang ini, saya percaya ucapan berapi-apilah nanti. Jadi kalau ini jadi nucleus nanti, jadi rosak, jadi sarang yang boleh membangkitkan emosi. Saya rasa memang ianya boleh membahayakan dari segi keselamatan negara pada masa akan datang.

Oleh itu, saya menggesa pihak Kerajaan supaya tegas dalam perkara ini, tetapi macam mana tegas saya pun tidak tahu macam mana hendak buat. Sebab kalau Kerajaan guna ISA, Kerajaan

mengambil tindakan, dia kata tengok Kerajaan anti Islam, tangkap pemimpin PAS - anti Islam. Kalau ditangkap Ahli Parlimen Nilam Puri, ah! anti Islam, yang ditangkap ini Mohamad Sabu—tidak ada kena-mengena dengan Islam, atau yang ditangkapnya Ibrahim Ali—tidak ada kena-mengena dengan Islam. Kalau mati—syahid, jadi perkara-perkara semacam ini, saya tidak hendak perkara ini dibiarkan, oleh kerana kita take it for granted, Tuan Pengerusi. Bila take it for granted, jika terjadi nanti 'nasi sudah menjadi bubur', kita tidak hendak lagilah peristiwa bunuh-membunuh ini berlaku, yang boleh merugi dan memudaratkan negara. Tetapi yang membuat provokasi sekarang ini ialah PAS. Peristiwa sudah berlaku bertahun-tahun lamanya, hendak merayakan uni uk perkembangan syiar Islam banyak boleh buat. Saya percaya mereka merayakan Maulidur-Rasul, Israk-Mikraj tidak sebesar mereka merayakan peristiwa yang berlaku di Memali. Mana lebih besar Junjungan Besar Muhammad s.a.w Penghulu kita dengan mereka ini? Kalau dari segi bentuk perayaan, saya berharap mereka betulkanlah konsep pandangan ini.

Kita menyokong apa jua perjuangan Islam, untuk kebaikan ummah, untuk kebaikan Islam, tetapi kita tidak mahu apa jua tindakan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut di sini muka surat 34, Projek-projek Kecil Pembangunan Luar Bandar, Butiran 00400.

Tajuk ini saya tidak pernah miss tiap-tiap kali persidangan Dewan Rakyat, sama ada waktu perbincangan dasar atau di peringkat Jawatankasa, muka surat 34, Tuan Pengerusi. Saya cukup ambil berat, sebab saya datang dari luar bandar, kawasan yang saya wakili adalah kawasan luar bandar, saya sentiasa minta peruntukan lebih untuk projek-projek seumpama ini.

Yang saya hendak minta peruntukan tahun ini \$9 juta, untuk peruntukan Projek-projek Kecil Pembangunan supaya ianya diagih-agihkan di lempat-tempat yang perlu, yang betul-betul perlu dari segi pilihan prioritynya. Betul semua tempat hendak kepada pembangunan, semua tempat mahu kepada kemudahan, tetapi saya haraplah kalau kita hendak lulus projek-projek kecil ini, kita lihat bebul-betul supaya tempat itu perlu sangat, jangan tempat yang dirasakan kalau baiki jalan, jalan itu masih elok, tetapi tempat ini teruk, hendak masuk pun tidak boleh, budak-budak hendak pergi sekolah pun susah, tetapi tempat lain itu walaupun jalan tidak elok, boleh lagi lalu, tetapi dibuat juga tempat itu, tempat ini diketepikan ataupun dilambat-lambatkan, Maknanya priority dari segi projek-projek kecil ini mestilah kena pada sasaran yang diperlukan betul-betul untuk kemudahan, penggunaan rakyat dari segi pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Tuan Pengerusi, banyak lagi saya hendak sebut, tetapi saya sudah letih, jadi yang akhir sekali mengenai masalah HICOM, banyak sangat, tetapi penat, cuma saya hendak sebut di sini Butiran 04000 muka surat 35 iaitu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang berjumlah \$53,330,035.

Saya ucapkan tahniahlah, maknanya keperihatinan Kerajaan Pusat membantu untuk meningkatkan bumiputera Pulau Pinang dalam bidang perniagaan. Maknanya agak istimewa ada peruntukan khas khusus \$53 juta. Jadi saya hendak tahu secara detail peruntukan ini untuk projek apa? Bagaimana penyalurannya dan sejauh mana pencapaian prestasi, usahawan ataupun peniaga-peniaga bumiputera di Pulau Pinang sekarang ini. Yayasan Petaburan Bumiputera Pulau Pinang ada, dan ada lagi lain-lain syarikat dan mereka harus menggunakan sepenuhnya, tetapi janganlah pula "ambil kesempatan".

Sekarang ini Menteri Kewangan daripada Pulau Pinang, jadi Menteri Kewangan kalau dia tidak luluspun orang Pulau Pinang nanti kata apa guna jadi Menteri peringkat Pusat mewakili Pulau Pinang, susah juga dia. Tetapi walau macamanapun kita bukan kira dari segi jumlah berapa hendak beri, soalnya sejauhmana prestasi yang dicapai setakat ini dan kemudahan ini digunakan dengan sebaik-baiknya dan segi kepentingan bumiputera di Pulau Pinang.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak sebut di sini, kalau tidak, tidak sempurna pada saya mengambil bahagian pada hari ini. Muka surat 36, 05300 Program Khas Bina Semangat \$24 juta. Sekarang ini banyak kem-kem pusat bina semangat, di bina seluruh negara. Ini penting, dan saya menyokong penuh kem bina semangat ini untuk memberi kursus latihan bina semangat di kalangan semua rakyat, semua peringkat rakyat, yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan melalui berbagai agensi termasuk Biro Tata Negara dan seumpamanya, lebih-lebih lagi dari segi untuk merealisasikan kesedaran generasi muda ke arah Wawasan 2020. Tetapi saya harap supaya kurikulum latihan itu biarlah tepat kena pada sasaran, tepat betul-betul. Bukan sahaja dari segi kesedaran ke arah Wawasan 2020, tetapi kalau dia keluar daripada kursus itu nanti dia tengok pembangkang tidak betul, DAP tidak betulkah, 46 atau PAS, rembat betul-betul tak apa asalkan lekat betul-betul dalam kepala.

Terus-terang saya cakap, cara terbukalah kursus ini supaya semangat betul-betul. Nama sahaja bina semangat, balik lembek macam pisang. Bila masuk bina semangat, keluar itu semangat patriotik sungguh-sungguh. Pisang muda keras. Pisang yang masak maksud saya, supaya apabila keluar, biar semangat betul-betul. Dan pegawai jurulatih pula betul-betul bersemangat. Jangan pula jurulatih jalan macam ini.

Bila jumpa di mana-mana, bukan sahaja dalam kem, di luar kem pun jurulatih kem bina semangat keluar di mana-mana, jumpa di tepi jalan, kita nampak semangat dia tegak badan, baru boleh jadi contoh. Semangat betul-betul dari segi patriotik, kesedaran terhadap pembinaan negara kita Malaysia ini. Patriotik, semangat ke arah Wawasan 2020 ini. Berani dalam segala bentuk tindakan yang membina.

Tuan Pengerusi, dan yang akhir sekali. Ini akhir betul. Sistem Maklumat Islam, 06700, \$1,800,680-Muzium Islam. Ini saya haraplah dapat dipercepatkan, dan kalau boleh peruntukan ditambah lagi. Saya harap Muzium Islam ini jadi muzium yang terkemuka. Begitu juga dari segi Sistem Maklumat Islam. Kita mendapat maklumat yang updated dari segi teknologi baru. Jadi, muzium ini saya haraplah satu muzium yang boleh mencerminkan identiti perkembangan Islam di negara kita ini untuk masuk cerita-cerita sumbangan orang PAS, Ahli Parlimen Tumpat pun bolehlah sedikit-sedikit, boleh lepaslah dekat tepi-tepi itu. Sumbangan mereka bukan kata tidak ada. Ada juga, kita kena hargai. Memali tidak boleh, itu saya tidak setuju, Larut cakap.

Tetapi yang lain macam Arqam. Kita sebut Arqam salah dari segi ajaran Aurad Muhamadiyah dan seumpamanya. Orang-orang PAS pun bantai. Sebab saya tengok pertubuhan Islam ini kalau banyak, dia bersaing pula sesama dia. Kalau saya hendak bercakap bab ini panjang pula. Sudah cukup tahu bab ini. Fasal Arqam ini maju dari segi ekonomi dan sebagainya, mungkin dia salah dari segi ajaran Aurad Muhamadiyah, tetapi dari segi kegiatan ekonomi saya cukup bangga dengan kumpulan Arqam. Jual suratkhabar di tepi jalan, buat mee ke sana kemari siang malam, saya puji bab ini. Bab ini saya puji,? Orang PAS tidak boleh lawan mereka ini.

Dari segi Islam, bab ini mereka lebih baik. Dari segi program ekonomi, nyata. Cuma dari segi ajaran kefahaman Aurad

Muhamadiyah itu salah, bertentangan dengan aqidah. Bab itu kena ambil tindakan. Tetapi jangan kita menghukumkan; ada setengah pihak cakap Arqam ini buruk 100%, sebab di kalangan pergerakan Islam, pengalaman saya dahulu, banyak saya pernah terlibat waktu pelajar dahulu, belia dahulu sama dengan ABIM dan sebagainya pernah jugalah ke seminar antarabangsa, bukan sekali, tetapi berbelas-belas kali, saya dapati memang dari segi persaingan itu ada, sifat tidak senang hati itu, sebab gerakan ini lebih, ini kurang, ini peleceh yang ini. Ini sudah labiat. Sebab itu Islam hancur lebur di Timur Tengah. Yang hancur, yang kalah pada Yahudi, inilah puncunya. Jadi, sebab itu kita harap Muzium Islam ini dijadikan muzium yang indah. Saya hendak cadanglah kalau boleh PAS dalam ceramah-ceramah tolonglah bantu Kerajaan sama. Kalau boleh sama kutip derma itu tolonglah bantu sama pada Muzium Islam. Berikanlah, jadi kutip derma untuk Muzium Islam supaya sama-sama kita bina ini kepunyaan bersama untuk perkembangan Islam. Pakat-pakat kita bantu. Begitu juga DAP kalau dia tidak anti Islam, dia juga kena tolong bantu Muzium Islam, tolong bantu mendirikan Muzium Islam ini sebagai salah satu lambang dan identiti negara. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru.

5.05 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh perkara Bekalan B.1 Urusan Parlimen—Butiran 010000, termasuk Butiran 010100 berhubung dengan Pentadbiran Am.

Kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh tentang perkara ini dan saya ingin mengulangi lagi sebab perkara ini telah juga dibincang dengan meluas di dalam Belanjawan tahun yang

lalu, dan saya tidak nampak ada apa-apa perubahan walaupun berbagai syor dan cadangan telah dikemukakan. Saya rasa cara untuk membuat penyelesaian masalah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengembalikan imej Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi di negara ini maka pertama, kedudukan institusi ini sebagai sebuah badan bebas, Akta Perkhidmatan Parlimen perlu disemak kembali dan dipinda bagi mewujudkan identiti dan gambaran sebenar instilusi Parlimen sebagai sebuah institusi yang unik dan pentadbiran bebas yang tidak perlu lagi diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri,

Kita ingin melihat dan mencontohi model pentadbiran dan pengurusan Parlimen yang terbaik di dunia harus dijadikan contoh untuk Parlimen di Malaysia. Kedua mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa Dewan bagi mengkaji dan menilai perjalanan dan prestasi pihak eksekutif dan membuat syor-syor yang sesuai kepada Parlimen. Keanggotan Jawatankuasa ini perlu dipengerusikan oleh pemimpin Pembangkang.

Tuan Pengerusi, kesan pelaksanaan tanggungaji di bawah Sistem Saraan Baru ataupun dengan ringkas (SSB) yang akan bermula tahun hadapan. Skim perkhidmatan sekarang dianggap sudah lapuk dan tidak pernah dipinda sejak berpuluh tahun perlu disemak semula menyeluruh dan dipinda sesuai dengan cabaran abad 21. Semua jawatan-jawatan yang ada di dalam Parlimen sudah diketahui umum bahawa mereka telahpun menikmati skim-skim yang begitu lama dan tidak pernah disemak semula,

Bagi mengelakkan closed service ataupun perkhidmatan tertutup menjadi sebuah penjara semur hidup bagi pegawai dan kakitangan di dalam Parlimen maka sistem kenaikan pangkat perlu dikaji semula dan diperluaskan dan ini pun tidak pernah dibuat. Pakaian

seragam yang sesuai bagi semua pegawai dan kakitangan perlu difikirkan bagi mewujudkan lambang tenaga kerja yang mendokong identiti institusi perundangan lertinggi di negara ini.

Bayaran kerja lebih masa bagi semua pihak yang terlibat hendaklah dilaksanakan bagi menggantikan elaun honorarium yang sebanyak \$4.50 dibayar sekarang yang sangat rendah yang boleh dianggap sebagai upah untuk membeli kacang putih. Kemungkinan Parlimen akan diubah daripada self accounting kepada pentadbiran di bawah Jabatan Akauntan Negara sepenuhnya. Perkara ini patut dikaji ke atas unsur-unsur negatif yang mungkin akan timbul dari segi kelewatan pembayaran elaun dan sebagainya.

Kesan dari kemungkinan perubahan waktu mesyuarat mungkin akan berlaku iaitu akan mulai dari sesi pagi. Maka kita perlu mengkaji tentang tambahan pegawai dan kakitangan serta peralatan yang lebih canggih seperti komputer secara yang menyeluruh. Mengkaji kemungkinan bagi mewujudkan Jabatan Percetakan yang lengkap sehingga tidak perlu lagi Parlimen bergantung kepada Jabatan Percetakan Negara.

Masalah kemudahan sosial dan kebajikan dan rekreasi yang lebih luas patut dipertimbangkan. Jika perlu, kemudahan-kemudahan yang dimulakan oleh lain-lain Badan seperti PETRONAS patut dijadikan panduan.

Tuan Pengerusi, masalah perhubungan perusahaan juga saya telah bangkitkan di dalam perbincangan Belanjawan tahun lalu. Communication gap antara pihak pentadbiran dan kakitangan juga perlu diatasi dengan mewujudkan Badan-badan ataupun Kesatuan Sekerja dalam sebarang bentuk yang benar-benar diiktirafkan oleh pihak pentadbiran Parlimen.

Masalah mendekatkan institusi Parlimen dengan orang ramai, saya ingin mencadangkan supaya Parlimen mengeluarkan Majalah Dewan. Ahli-

ahli Dewan Rakyat dari semua golongan patut dibenarkan memberi sumbangan menulis dalam Majalah berkenaan. Ketnudahan lawatan timbal-balas antara pegawai, kakitangan Parlimen dengan orang ramai perlu diadakan dan cenderamata lawatan mungkin perlu diberi dengan harga kos dan inilah saya berharap walaupun perkara ini telah dibangkitkan dalam perbincangan Belanjawan tahun lalu, saya berharap kali ini pihak Parlimen ataupun Kerajaan akan memberi satu pertimbangan yang serius jika sekiranya cadangan-cadangan itu adalah satu cadangan yang baik.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh kepada perkara maksud Bekalan 7, Jabatan Perdana Menteri, Butiran 010000, Butiran 010300 iaitu berhubung dengan Lembaga Penasihat.

Lembaga Penasihat didapati tidak menunjukkan dalam Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992, berhubung dengan siapakah anggota Lembaga Penasihat ini? Kita tidak tahu bagaimanakah mereka ini dipilih unluik menjadi Ahli Lembaga Penasihat di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Kemudian juga di dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi ini tidak mencatat tentang prestasi aktiviti kursus-kursus berhubung dengan jumlah rayuan-rayuan yang telah dipertimbangkan oleh Lembaga ini.

Penahanan di bawah kes-kes Akta Keselamatan Dalam Negeri kian bertambah. Kalau kita lihat pada tahun 1990, 1,750 orang. Kemudian pada tahun 1991, dianggarkan seramai 1,800 orang. Kita ingin tahu apakah jenis-jenis kes yang telah dikaitkan dengan tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ataupun yang telah ditahan di bawah Ordinan Darurat ataupun Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah. Ini semua tidak ditunjukkan di dalam Anggaran yang telah dibentangkan.

Kita tidak ingin melihat Lembaga Penasihat ini digunakan untuk kepentingan orang-orang tertentu semata-mata untuk menekan dan menahan secara arbitrary ke atas musuh-musuh politik terhadap mereka. Saya ingin meminta penjelasan yang lanjut kepada Menteri yang berkenaan berhubung yang pertama, sila jelaskan siapakah anggota Lembaga Penasihat ini? Kemudian yang kedua, saya juga ingin tahu, apakah kedudukan prestasi aktiviti Lembaga ini sepanjang tahun 1990, 1991 dan apakah bentuk aktiviti yang akan dijalankan bagi tahun 1992. Yang ketiga, saya minta diperjelaskan tentang jenis-jenis kes yang terlibat yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga Ordinan Darurat.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Butiran 10500 Biro Pengaduan Awam.

Saya berpendapat Biro Pengaduan Awam perlu diperluaskan hingga ke peringkat Negeri. Bukan seperti mana yang wujud sekarang ini hanya tertumpu kepada peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur kerana langkah bagi memperluaskan Biro Pengaduan Awam ini akan memberi kemudahan yang lebih luas kepada orang ramai dalam mendapatkan pertolongan ataupun bantuan dari Biro ini. Kebanyakan orang ramai masih belum menyedari kewujudan Biro Pengaduan Awam dan bagaimana untuk mendapat pertolongan melalui Biro ini.

Orang ramai banyak menghadapi berbagai kesulitan berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan dan tindak-tanduk pentadbiran awam yang dirasai tidak adil atau memuakkan tetapi mereka ini tidak tahu tentang kewujudan Biro Pengaduan Awam dan bagaimana hendak menyalurkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh sebab tidak sedar dengan peranan Biro Pengaduan Awam, orang ramai telah menyalurkan masalah-masalah mereka kepada lain-lain pihak termasuk pihak-pihak politik.

Tuan Pengerusi, saya rasa masanya sudah sampai bagi Kerajaan mengambil tindakan untuk meluaskan khidmat Biro Pengaduan Awam ini sehingga di peringkat Negeri. Di samping itu, Kerajaan juga perlu memberi lebih banyak publisiti berhubung dengan peranan Biro Pengaduan Awam untuk pengetahuan orang ramai. Di samping itu, jumlah bilangan jawatan atau pegawai dan kakitangan Biro Pengaduan Awam juga perlu ditambah untuk memberi keberkesanan ke atas peranan yang dimainkan oleh Biro ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 040000 berkaitan dengan Keselamatan Negara. Walaupun perbelanjaan mengurus sebanyak \$3,728,000 tidak menunjukkan Belanjawan yang sebenar bagi mengendalikan keseluruhan Pasukan Petugas Anti-dadah.

Saya difahamkan bahawa Pasukan Petugas Anti-dadah ini dianggotai secara bersama antara agensi-agensi Kerajaan yang terdiri daripada anggota Polis, Kastam, Imigresen dan Lembaga Padi dan Beras Negara yang digelar sebagai Unit Pencegah Penyeludupan dan diletak di bawah naungan Majlis Keselamatan Negara.

Apa yang kita tahu, aktiviti pengedaran dan penagihan dadah masih berkeadaan runcing walaupun negara mempunyai undang-undang yang ketat terhadap masalah bersabit dengan penyalahgunaan dadah. Ini bermakna penyeludupan dadah ke Malaysia masih berleluasa dan ia juga menunjukkan kurang kemampuan ataupun kurang keberkesanan Pasukan Petugas Anti-dadah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Bagi menjalankan peranan mereka secara yang lebih berkesan, oleh sebab dadah merupakan gejala yang amat berbahaya, tidakkah Majlis Keselamatan Negara perlu mengkaji serta menyusun semula Pasukan Petugas Anti-dadah supaya dapat bertindak

secara yang lebih berkesan untuk mencegah segala bentuk penyeludupan dadah sama ada melalui darat, laut mahupun udara.

Tuan Pengerusi, kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan kawasan Tiga Segi Emas ataupun pengeluar utama dadah merbahaya di negara ini telah juga menjadikan negara kita sebagai pengkalan pengedaran dadah untuk dibawa ke luar negeri. Oleh yang demikian kita memerlukan Pasukan Petugas Anti Dadah yang lebih dinamik dan berprofesional dalam menjalankan tugas mereka. Saya berharap Majlis Keselamatan Negara akan dapat mengkaji semula segala aspek dan peranan yang dimainkan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah ini.

Merujuk kepada P.7, Butiran 05300

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun. Kota Setar bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Member, tidak apa.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit sahabat saya dari Bayan Baru berhubung dengan pengedaran dadah di Malaysia. Yang Berhormat dari Bayan Baru itu tidak bolehkah nasihatkan kepada sahabat Yang Berhormat dari Jelutong supaya jangan hendak bela sangat pengedar-pengedar dadah yang kena tangkap di Malaysia ini. Ini yang menggalakkan pengedar-pengedar itu datang ke Malaysia sebab mereka ada seorang lawyer yang handal tolong bela mereka.

Tuan Ahmad bin Nor: Setiap yang didakwa perlukan pembelaan. Kita mengamalkan demokrasi. Jadi tidak salahlah Yang Berhormat dari Jelutong sebagai seorang lawyer ataupun peguam memberi khidmatnya untuk membela,

untuk menentukan orang itu salah atau tidak salah. Kalau salah - masuk dalam, kalau tidak salah dia dibebaskan. Itu sahaja tugas Yang Berhormat Jelutong, tidak lebih daripada itu. Dia tidak berpakat atau menyebelahi mana-mana orang yang terlibat dengan dadah.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang P.7, Butiran 05300, Program Khas Bina Semangat yang disebutkan tadi begitu hangat, begitu merangsang oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Peruntukan sebanyak \$24 juta, iaitu sebahagian daripada \$100 juta bagi Rancangan Malaysia Keenam telah diperuntukkan tahun ini untuk membina beberapa projek atau tempat bagi mengadakan kem bina semangat. Saya berharap perkara ini perlu dikaji semula. Saya minta perkara ini dikaji semula supaya peruntukan yang begitu banyak dapat disalurkan kepada projek-projek yang lebih manfaat kepada rakyat seperti hendak membuat parit, jalan dan sebagainya di kampung-kampung.

Kita tidak perlukan wang yang begitu banyak untuk dibelanjakan kerana semata-mata hendak membina semangat hanya beberapa kelompok manusia di dalam negara ini. Saya rasa lain-lain program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, agensi-agensi Kerajaan yang lain sudah cukup untuk kita hendak membina semangat, hendak mendidik rakyat kita ini supaya mencintai negara ini dan menjadikan apa rupa manusia yang kita mahu pada Wawasan 2020 nanti.

Kita tidak perlu hendak menghabiskan wang yang begitu banyak untuk hendak mengadakan tempat bina semangat. Hendak bina semangat siapa? Bina semangat orang UMNO? Ini yang saya nampak. Tidak ada hendak bina semangat siapa pun. Saya rasa kalau saya minta hendak pergi ke sana pun, mereka tidak beri, nanti saya tahu apa yang berlaku dalam kem-kem bina semangat ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat telah menyebut bahawa Yang Berhormat kata kalau Yang Berhormat minta untuk masuk pergi kursus, Yang Berhormat mungkin tidak diterima. Bolehkah kita jawab bagi pihak Kerajaan, bahawa Yang Berhormat akan diterima. Tetapi yang menghadapi masalah sekarang . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Arau, minta penjelasan sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak boleh jawab? Saya bukan Kerajaan, okay. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya kursus ini dipanjangkan juga kepada orang-orang DAP, PAS, 46 dan sebagainya? Yang menjadi masalah Kerajaan sekarang ialah orang-orang yang diberi tawaran itu tidak mahu menghadiri kursus. Boleh atau tidak kita mencadangkan kepada Kerajaan supaya orang yang pertama kita beri kursus ialah semua Wakil-wakil Rakyat DAP, 46 dan PAS supaya semangat cinta dan faham apa yang Kerajaan hendak buat itu dan dengan itu mereka tidaklah pergi ke tempat-tempat lain membohongi rakyat, bercakap tidak betul tentang apa yang telah Kerajaan rancangan. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya kita cadangkan kepada Kerajaan bahawa Backbenchers dan kawan-kawannya hendak menyokong supaya semua Wakil Rakyat Pembangkang ini diberi peluang untuk menghadiri kursus dan diberi latihan yang secukupnya untuk cinta kepada negara.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Kota Setar bangun hendak minta apa?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Bayan Baru belum jawab lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Nanti dahulu, kita jawab satu-satu dahulu. Kita rasa kalau hendak diadakan program bina semangat ini tidak perlu ada kem bina semangat. Kalau hendak beri kursus kepada DAP -boleh, dengan Semangat 46 dan PAS boleh diadakan di mana-mana tempat, dalam Parlimen pun boleh, dengan tidak perlu membelanjakan \$24 juta setahun. Ini yang saya maksudkan. Saya bersetuju kalau kita hendak adakan kursus bina semangat dan saya menyatakan bahawa program seumpama ini jika ianya baik boleh disalurkan melalui Kementerian-kementerian yang ada menjalankan kursus dan berbagai latihan. Tidak perlu hendak adakah kem bina semangat, hendak belanja \$24 juta, kemudian dalam Rancangan Malaysia Keenam \$100 juta. Wang ini boleh dibelanjakan untuk parit, buat jalan di kampung-kampung. Orang kampung perlukan wang ini daripada membina kem semangat. Saya rasa ini satu perkara yang perlu diberi perhatian dan saya berharap pihak Kerajaan . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Bayan Baru, jadi tujuan kita mengadakan kem bina semangat ini adalah oleh sebab terutama sekali pihak-pihak

Pembangkok daripada DAP dan lain-lain ini banyak menghasut rakyat. Kalau tidak ada hasutan-hasutan ini, saya ingat kita tidak perlu kem bina semangat ini. Kalau pihak DAP itu kurangkan sedikit, hasutan di dalam Rokat, di dalam Harakah yang saya rasa tidak ada kebaikan kepada masyarakat muda kita. Kalau DAP tidak menghasut, saya rasa tidak perlu kem bina semangat ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya rasa pandangan itu menunjukkan dengan jelas memang kem bina semangat itu hendak digunakan oleh UMNO untuk hendak menjahanamkan DAP. Itu kita nampak dengan jelas. Kalau tidak, Yang Berhormat dari Kota Setar tidak akan memberi pandangan itu.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya bukan Kerajaan, saya daripada Backbencher, saya mendapati bahawa tujuan Kerajaan untuk membina kem bina semangat ini oleh sebab masyarakat kita telah dihasut, telah diputar-belitkan oleh parti-parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diperingatkan Yang Berhormat cuma boleh kemukakan soalan ataupun minta penjelasan, bukan hendak beri penjelasan. *(Ketawa)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa itulah barangkali Yang Berhormat ini kurang faham tentang ini. Saya mempertikaikan soal Belanjawan \$24 juta ini yang sebahagian daripada \$100 juta. Saya tidak mempertikaikan soal program bina semangat. Kita hendak adakan bina semangat kalau bagus, di sekolah boleh buat, dan di bawah program berbagai-bagai Kementerian boleh dibuat. Saya tidak

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Faham atau tidak apa yang saya cakapkan tadi? Saya tidak bersetuju dengan perbelanjaan kem itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasihlah. Saya cuma hendak tanya kalau DAP memerintah besok, berapa juta dia hendak belanja untuk kem bina semangat? *(Ketawa)*

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, terlalu awal hendak jawab soalan itu. *(Ketawa)* Kalau kita perinlah, kita tahu buat, kita tidak akan bersikap macam orang-orang UMNO, malahan kita akan hapuskan ISA. Orang UMNO pun kita tidak tahan. Itu kita punya pendirian. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya katakan, saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan mengkaji semula tentang peruntukan \$24 juta ini bagi membina kem-kem bina semangat. Adalah lebih berfaedah jika sekiranya wang peruntukan yang begini banyak disalurkan kepada projek-projek yang lebih manfaat bagi rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Bangun lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta penjelasan. Kita di sini bercakap hal yang pertama, membina semangat untuk meningkatkan perasaan patriotisme di kalangan rakyat dan kita juga bercakap berhubung dengan wang peruntukan \$24 juta. Adakah pada pandangan Yang Berhormat itu wang \$24 juta itu tak berguna kalau untuk meningkatkan semangat cintakan bangsa dan negara kita sendiri?

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, itu jelas melambangkan seorang lagi orang-orang yang tak faham dengan apa yang saya maksudkan. Saya tidak menghalang sebarang program untuk meningkatkan semangat supaya rakyat menjadi seseorang yang patriotik. Saya tidak soalkan itu. Yang saya soal ini adalah tentang hendak binakan kem pupuk semangat yang sekarang diperuntukkan \$24 juta. Hendak buat program untuk bina semangat supaya rakyat lebih berpatriotik, kita boleh buat di sekolah, di lain-lain pusat latihan ataupun program yang dianjurkan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf sedikit, bukan saya tak faham, tetapi Yang Berhormat sendiri yang tak faham soalan saya ini. Jawapannya itu salah. Soalan saya, kalau kita hendak membinakan ataupun hendak meninggikan perasaan semangat cintakan bangsa dan negara ini, \$24 juta itu kecil sahaja dibandingkan dengan kebendak-kehendak dan tujuan negara itu. Jadi itulah soalan saya. Jadi, kenapa pula kita katakan \$24 juta itu tak berguna dibelanjakan ke sana? Itu sahaja.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, sebenarnya Kerajaan telah belanja beratus-ratus juta untuk membina semangat rakyat di negara ini. Cuma yang Kerajaan tidak senang hati

bila melihat ada rakyat yang tidak bersetuju dengan UMNO dan Barisan Nasional. Itu sahaja. (*Tepuk*) Kerajaan akan bersetuju kalau semua orang menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Jadi itulah ceritanya. (*Disampuk*) Jadi, kem bina semangat ini akan dipersalahkan oleh Kerajaan semata-mata untuk tujuan politik UMNO dan Barisan Nasional. Inilah yang saya tak bersetuju dan saya berharap perkara ini akan dapat dikaji semula.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi saya bersama-sama kawan-kawan hendak minta supaya Kerajaan benarkan Wakil Rakyat DAP dan semua orang DAP hadir—ini program, bukan sebut membina kem, tetapi program membina semangat. Program dengan bangunan, lain. Jadi, sekarang ini kita hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju? Kalau Yang Berhormat sudah bersetuju, jadi maknanya apa yang Kerajaan hendak buat ini bukan untuk UMNO, untuk Barisan Nasional atau sesiapa tetapi untuk rakyat Malaysia. Yang Berhormat tahukah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat faham atau tidak peruntukan di bawah Kementerian Belia, di bawah lain-lain institusi latihan adalah dikhaskan kepada latihan masing-masing. Belia yang cuci rambut dilatih bahagian cuci rambut, dia tidak dibina semangat untuk patriotik—tidak. Dia cuma bahagian cuci rambut. Bahagian tampal kasut dilatih tampal kasut. Ini adalah hendak bina semangat. Cuba tengok semangat kami, itu sebab kami tak pernah kalah pilihanraya (*Disampuk*) dan DAP boleh belajar bagaimana hendak bina semangat. Boleh dan saya ingat tidak ada

masalah, kita cuma hendak berikan cinta kepada negara, bukan cinta kepada Barisan Nasional. Barisan Nasional tanpa biro ini pun, tanpa kem bina semangat ini pun, menang daripada tahun 1957 sampai sekarang tak pernah kalah. (*Tepuk*) Kita tak perlu pun kem bina semangat untuk menang sebab kami tahu bahawa rakyat Malaysia akan terus menyokong Barisan Nasional sampai kiamat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap ya. Cuma boleh minta penjelasan, jangan berucap.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, sebenarnya semangat yang berkobar-kobar itu bukan semangat macam orang DAP. Kalau orang DAP ini, dia berkobar-kobar betul. Dia berjuang untuk rakyat. Tetapi yang di sebelah sana berjuang untuk poket sendiri, berjuang untuk kepentingan diri—jangan bercakap hendak bandingkan dengan pihak DAP. Tak boleh. (*Tepuk*) Tak boleh kerana orang DAP sanggup berkorban apa sahaja, jangan cuba bandingkan orang UMNO dengan orang DAP, nanti saya lebih marah. (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

Seorang Ahli: Second last.

Tuan Ahmad bin Nor: Sudah banyak gangguan, sudah ramai Ahli minta jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong mintajalan. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingat tak perlu lagi kerana sudah dua kali saya beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak, saya cuma hendak tahu .. .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingat tak payahlah kerana saya telah beri peluang lebih sekali.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini peringkat Jawatankuasa, saya boleh tanya.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya bukan hendak berdialog di sini. Saya boleh beri penjelasan, tetapi kalau berkali-kali hendak berdialog, saya ada banyak perkara hendak bincang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia ini fikirannya 'bias' sangat terhadap Kerajaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Yang Berhormat diingatkan jangan berucap tanpa keizinan. Yang Berhormat Bayan Baru teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada Maksud Bekalan B.8 iaitu berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan saya ingin menyentuh secara menyeluruh berkenaan dengan Butiran 020000—Urusan Gaji dan Elaun, 030000—Perjawatan; 040000—Perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, ketiga-tiga Bahagian yang saya sebutkan ini adalah amat penting di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Jika sekiranya Bahagian-bahagian ini lemah, tidak berdaya maju, maka lemahlah Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Malahan saya mengangap ketiga-tiga Bahagian ini sebagai nadi penggerak yang menguatkan kedudukan Jabatana-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Tetapi malangnya, ramai pegawai dan

kakitangan dalam Perkhidmatan Awam tidak senang hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga Bahagian ini. Masalah-masalah yang ada bukan perkara baru. Masalah yang ada di dalam ketiga-tiga Bahagian ini semuanya adalah masalah yang lama. Saya sebagai Wakil Rakyat di sini, bekas kakitangan Kerajaan, bekas kakitangan Perkhidmatan Awam, bekas pegawai kesatuan sekerja dalam Perkhidmatan Awam, saya tahu dan saya lihat sehingga hari ini kelemahan ini masih wujud. Berbagai Jabatan melalui pegawai-pegawai dan kakitangan mereka telah membuat aduan kepada saya berhubung dengan apa yang berlaku di dalam ketiga-tiga Bahagian ini.

Pada hari ini, saya rasa, saya perlu dedahkan kelemahan-kelemahan ini kerana tujuan kita adalah baik iaitu untuk memperbaiki prestasi yang ada terdapat di dalam ketiga-tiga Bahagian, iaitu Bahagian Urusan Gaji dan Elaun, Bahagian Perjawatan dan juga dalam Bahagian Perkhidmatan.

Banyak masalah atau isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam yang terlibat secara langsung dengan ketiga-tiga Bahagian ini. Contohnya, Tuan Pengerusi, jika kita lihat masalah berhubung dengan urusan gaji dan elaun. Pertama sekali, Bahagian ini saya rasa lemah serta lambat dalam menyelesaikan isu-isu berhubung dengan pertikaian gaji dan elaun. Berbagai jabatan, sama ada secara terus ataupun melalui kesatuan-kesatuan sekerja mereka yang ada di dalam sesebuah jabatan sentiasa merasai begitu tidak senang hati dengan tindak-tanduk Bahagian Urusan Gaji dan Elaun yang melambat-lambatkan bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang berlarutan hingga bertahun-tahun.

Kita dapati bahagian ini tidak cekap menjalankan kajian ke atas apa yang disebut "kos saraan" dalam sektor awam bagi menentukan kadar upah yang lebih adil. Sebab itu, sehingga hari ini, sebanyak mana Kerajaan menimbang untuk memberi kenaikan gaji ataupun penyelarasan gaji, sampai bila pun

kakitangan awam tidak akan berpuas hati dan merasai bahawa pendapatan yang diberi kepada mereka tidak cukup, oleh kerana Bahagian ini tidak sebenar-benar menjalankan tugas sepertimana yang sepatutnya membuat rekomendasi ataupun cadangan kepada Kerajaan supaya memberi perimbangan dalam menentukan gaji, elaun yang sebenarnya, yang sepatutnya dibayar kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Bahagian ini mengambil sikap yang sambil lewa ataupun begitu dingin dalam menjalankan peranan mereka sepertimana yang dipertanggungjawabkan. Sebab itu, masalah gaji dan elaun telah berlarutan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Bahagian Perjawatan, Bahagian ini juga didapati lemah dan lambat bertindak untuk mengisi jawatan-jawatanaa kosong ataupun menambahkan kakitangan baru yang diperlukan oleh berbagai jabatan dan agensi Kerajaan. Kita dapati berbagai jabatan menghadapi kekurangan tenaga, sama ada untuk mewujudkan jawatan baru ataupun disebabkan kekosongan kerana pencen ataupun yang berhenti. Tetapi jabatan-jabatan ini tidak dilayani dengan satu tindakan segera oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana Bahagian Perjawatan ini dipertanggungjawabkan bagi mengatasi masalah ini. Masalah ini telah melibatkan kemampuan dan kecekapan sesebuah jabatan dan agensi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka kepada rakyat. Inilah yang menjadi kesulitan kepada berbagai jabatan dan agensi di dalam sektor awam. Saya berharap Bahagian Perjawatan ini akan diperkemas dan juga mengatasi masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi.

Yang kedua, kita juga mendapati mereka di Bahagian ini tidak cekap menggubal skim-skim perkhidmatan yang bersesuaian dengan jenis kerja yang dijalankan. Sebab itu, banyak kes-kes telah dibawa kepada Tribunal. Bagi

perkara-perkara yang masih lagi dalam pertimbangan JPA sendiri, Bahagian Perjawatan, kerana pegawai dan kakitangan tidak merasa puas hati dengan skim-skim yang telah ditetapkan bagi jawatan yang mereka jalankan kerana jawatan skim-skim ini tidak secocok dengan kerja dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai dan kakitangan. Dan ini satu masalah yang lama, yang berlarutan, yang tidak pernah diambil berat untuk menyelesaikan secara yang lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, disebabkan kelemahan dalam Bahagian Perjawatan ini, maka timbullah berbagai masalah antara skim-skim perkhidmatan yang digubalkan seperti kumpulan perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, ringkasnya (PTD) dan Pegawai Tadbir Awam ataupun PTA dan lain-lain kategori dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional sehingga hari ini tidak boleh diselesaikan, kerana Bahagian Perjawatan ini tidak memainkan peranan secara berkesan. Oleh sebab itu, perkara yang saya sebulkan ini perkara lama dan sehingga hari ini tidak dapat diselesaikan, Apa puncanya, apa kelemahannya sebab dalam Bahagian Pentadbiran di Jabatan Perkhidmatan Awam, saya pun tidak tahu. Tetapi apa yang saya difahamkan kebanyakan pegawai yang diletakkan di Bahagian Perjawatan mahupun di Bahagian Urusan Gaji ataupun Bahagian Perkhidmatan, mereka ini datang dan pergi. Bila naik pangkat, pindah ke Jabatan lain. Bila naik pangkat, pindah. Yang datang ke situ, macam tempat untuk transit. Bila orang datang ke tempat itu sebagai transit, mereka tidak menjalankan tugas dengan sepenuh daya-usaha dan tidak ada cara untuk memajukan Bahagian itu.

Tuan Pengerusi, kemudian kita lihat contoh tentang Bahagian Perkhidmatan. Masalah pengurusan kenaikan pangkat. Ah! Ini urusan, hal yang dikendalikan dengan Bahagian Perkhidmatan. Mana

sahaja Jabatan, kalau bercakap tentang urusan kenaikan pangkat, proses kenaikan pangkat, memang semuanya tidak puashati dan mereka komplek ataupun membuat aduan. Umpamanya, hendak adakan urusan kenaikan pangkat dilewatkan. Patut diadakan dalam satu tahun tetapi ditangguhkan 2-3 tahun, barulah ada urusan kenaikan pangkat. Kemudian, bila ada urusan kenaikan pangkat, tunggu pula 2-3 tahun lagi hendak mendapat keputusan sama ada berjaya atau tidak dalam proses ataupun urusan kenaikan pangkat. Dan ini semua melemahkan pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya saudara saya dari Bayan Baru. Berapa lama sudah Yang Berhormat meninggalkan Jabatan Kerajaan? Jangan di bawakan cerita-cerita lama di Dewan yang mulia ini, saya berharap.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya meninggalkan Perkhidmatan Awam pada tahun 1986. Walaupun demikian, saya masih berhubung rapat dengan rakan-rakan saya di dalam Perkhidmatan Awam dan saya sentiasa mendapat aduan-aduan daripada mereka tentang masalah-masalah ini. Ini bukan satu perkara baru kepada saya. Sudah lama dan berterusan. Saya masih menerima aduan-aduan ini. Sebab itu saya bangkitkan. Saya hendak lihat Bahagian Perkhidmatan pun maju dan bergerak maju. Jangan berharap untuk duduk di situ kerana hendak wujudkan satu jawatan kenaikan pangkat. Pergi duduk di situ-transit, lepas itu naik pangkat lagi, pindah ke Kementerian lain, tinggal Bahagian Perkhidmatan terkulai-kulai. Jadi,

Jabatan lain, agensi lain merasa begitu kesal, merasa begitu tidak puas hati tentang peranan yang dimainkan oleh Bahagian Perkhidmatan. Dan saya berharap dengan perkara yang saya buat teguran ini, teguran yang membina ini, tidak lagi akan berlaku kelewatan untuk mengadakan urusan kenaikan pangkat....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Ahmad bin Nor:dan apabila ada urusan naik pangkat maka secepat mungkin keputusan kenaikan pangkat itu harus diberitahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terimakasihlah kerana jadi juara kepada kakitangan Kerajaan, tetapi kita lebih juara. Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat, saya berharap bawalah bukti-bukti sedikit. Kalau hendak bercakap itu jangan melulu sahaja. Beri bukti kepada kami - satu, dua atau tiga. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, dia hendak bercakap macam dia Menteri (*Ketawa*) tetapi dia belum lagi. Nanti esok, saya bagi bukti. Saya hendak bercakap ini bukan untuk membuktikan secara khusus atau mana-mana Jabatan tertentu. Memang semua Jabatan, termasuk di Parlimen ini, kalau hendak tahu. Memang saya bercakap perkara ini adalah satu perkara umum yang melibatkan semua Jabatan dan Agensi. Semua Jabatan dan Agensi tidak puashati kerana Bahagian Perkhidmatan berpusat di Jabatan Perkhidmatan Awam. Dia menjadi nadi seperti yang saya sebutkan tadi.

Toan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Seremban, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Arau bangun dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri dia cakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, Yang Berhormat dari Arau. Itu terpulang kepada saya, bukan kepada Yang Berhormat sendiri. (*Ketawa*) Yang Berhormat dari Arau, hendak minta sesuatu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak minta penjelasan sedikit, Saya hendak bertanya Yang Berhormat. Yang Berhormat sebutkan tadi secara umum, macam soal PTD dan PTA dan juga jawatan-jawatan profesional yang lain. Saya hendak minta contoh, satu contoh. Itu yang Pertama.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dahulu dalam kategori apa? Yang Berhormat yang boleh bercakap secara terperinci berhubung dengan PTD dan PTA, saya hendak bertanya Yang Berhormat, sebab benar-benar itu sensitif. Beri contoh. Contohnya macam ini, kerana Yang Berhormat juga sebutkan tadi fasal pengisian jawatan. Pengisian jawatan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bukan di bawah JPA. Ini soalan yang ketiga.

Yang keempat, Yang Berhormat sebutkan fasal Parlimen. Saya rasa saya yang patut bercakap fasal itu, sebab saya lebih tahu, kerana saya dalam Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen. Yang Berhormat tidak tahu soal perjawatan Parlimen ini. Yang Berhormat dengar satu orang bercakap Parlimen ini mempunyai masalah. Tidak! Tentang mana yang kurang di

Parlimen, Yang Berhormat kena sebut. Kurang Hansard, dapat lambatkah, cerialah. Beri contoh supaya semua orang faham. Sebab Jawatankuasa ini perlu cakap dengan khusus. Yang Berhormat dari Kepong pandai cakap tajuk-tajuk ini. Orang lain kurang sedikit. *(Ketawa)*

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya tidak perlu contoh. Apa yang saya sebutkan tadi, saya menyebutkan perkara ini, bukan satu perkara yang orang ini tidak tahu. Kalau saya cakap tentang masalah PTD, PTA dan lain-lain Kumpulan Bahagian Pengurusan dan Bahagian Profesional, semua orang faham. Dan masalah ini semua diketahui umum, cuma yang saya mempertikaikan perkara ini tidak diselesaikan dengan secepat mungkin. Ini yang saya sebutkan. Kalau hendak bercerita tentang pegawai PTA tidak puashati dengan PTD, saya tidak ingin hendak melagakan sesiapa. Bukan tugas saya soal itu. Kita tahu apa masalah PTD, apa masalah PTA, apa masalah lain-lain Kumpulan Pengurusan dan Profesional, memang kita tahu. Semua orang tahu. Tetapi bukan tugas saya ini hendak melagakan, hendak memihak mana-mana pihak. Cuma saya mahu Bahagian Perjawatan dalam JPA perlu mengatasi perkara ini. Jangan biar perkara ini berlarutan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Ahmad bin Nor: Begitu juga saya sebutkan tadi tentang Bahagian Perkhidmatan Urusan Naik Pangkat. Semua orang tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Ahmad bin Nor: Bukan perkara yang boleh disembunyi. Tidak payah saya bagi contoh. Semua Jabatan pun sama.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya akan ..

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalankah?

Tuan Ahmad bin Nor: Yang Berhormat, saya rasa cukuplah,

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja. Okay? Last, last. Confirm last. *(Ketawa)* Yang pertama, Yang Berhormat saya minta jangan panjang sangat. Saya pun hendak cakap juga.

Yang kedua, saya minta Yang Berhormat bagi contoh khusus. Saya akan menyokong Yang Berhormat. Ini tajuk saya akan sokong. Saya bekas pegawai PTD dan saya duduk dalam PTA selama 10 tahun. Saya pun tidak puashati. Tetapi saya hendak diberi contoh yang khusus. Sebut PTA, PTD, tentang mana Yang Berhormat tak puas hati, saya akan sokong di sini. Ini bagus. Tajuk ini bagus. Saya akan sokong. Tetapi jangan pukul secara umum. Jangan takut hendak pelaga orang. Memang tugas DAP pelaga orang pun. Memang pioneer DAP pelaga orang. Jangan hendak bersembunyi. Pelaga, kita hendak dengar. Kalau betul, kita sokong. Tidak betul, kita kena lawanlah.

Dalam hal ini, kita tidak akan mengatakan kalau Kerajaan membuat salah, kita kata Kerajaan tidak salah. Salah, kita pukul. Peduli siapa? Tetapi jangan cakap pakai rambang kosong. Kita akan bantai balik Yang Berhormat. Ini betul cakap. Betul! You pun tak berani. You pun bohong. You kalau berani, cakaplah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah guna perkataan yang tidak seronok.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap bukan di hadapan Yang Berhormat dari Arau sahaja. Orang lain pun ada mendengar. Kalau kosong, orang pun tahu sama ada kosong ataupun berisi. Kalau Yang

Berhormat dari Arau cuba hendak mengelirukan ataupun memesongkan apa yang saya sebutkan tadi, itu soalan lain. Saya tidak perlu memberi satu bukti yang khusus. Apa yang saya cakap ini berbagai masalah yang terdapat dalam semua Jabatan dan Agensi berpunca dari kelemahan Bahagian Urusan Gaji dan Elaun, Eahagian Perjawatan dan Bahagian Perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Awam. Tetapi tidak payah bukti. Tidak payah! Ini memperbetulkan.

Tuan Pengerusi, kelemahan dalam Bahagian Urusan Gaji dan Elaun, Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam turut menjejaskan prestasi kepada keseluruhannya sektor awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam perlu memandang serius

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya rasa tidak payahlah. Yang Berhormat Seremban tidak tahu apa hal ini. (*Ketawa*) Yang tidak tahupun hendak tanya. Kalau tahu, saya terima.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tidak beri. Teruskan!

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih. Jabatan Perkhidmatan Awam perlu memandang serius di atas kelemahan-kelemahan dan kepincangan yang ada di dalam ketiga-tiga bahagian yang saya sebutkan tadi. Tindakan perlu diambil untuk mengatasi segala masalah dan kelemahan yang ada dan jika Kerajaan mahu semua jabatan dan agensi dalam sektor awam berjalan dengan cekap dan produktif.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang maksud Bekalan 11 berhubung dengan Badan Pencegah Rasuah. Pada keseluruhannya saya ingin menyentuh Butiran 020000 sehingga 060000 iaitu berhubung dengan pendakwaan, penyiasaan, pencegahan, latihan dan perisikan.

Mengikut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992 menyatakan objektif program pencegahan rasuah adalah untuk menghapuskan segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh undang-utidang agar hasrat Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah tercapai. Itu objektif yang begitu jelas. Tetapi apa yang kita lihat pada hari ini, Badan Pencegah Rasuah lebih memberi penekanan ke atas kes-kes rasuah yang melibatkan pemberian ataupun penerimaan wang sogokan. Badan Pencegah Rasuah kurang bertindak atau tidak mengambil berat ke atas perbuatan-perbuatan atau amalan-amalan seperti penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Kalau ada kita baca dalam akhbar hari-hari tentang rasuah yang melibatkan sogokan wang, lain daripada itu Yang Berhormat dari Arau buat macam-macam penyelewengan pun BPR tidak pernah lihat, tidak pernah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ini bahaya, dia kena tarik balik perkataan penyelewengan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. ..

Tuan Ahmad bin Nor: Saya kata kalau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak ada sebut kalau.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat, bertenang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya akan merujuk Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang, Yang Berhormat. Yang Berhormat bangun atas dasar apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Ahmad bin Nor: Apa tarik balik, saya tidak tuduh dia pun. Saya tuduh apa? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak ada tali hendak suruh tarik, tidak ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: You tuduh saya menyeleweng.

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau Yang Berhormat dari Arau buat penyelewengan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Buka balik tape, kita dengar, Yang Berhormat kata tadi saya menyeleweng. Tarik balik perkataan itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak merujuk di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan berlaku di mana sahaja dalam sektor awam dari yang kecil sehingga yang besar. Walaupun ada pihak yang cuba hendak menidak atau menafikannya. Kita sedar bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak mampu melawan atau membanteras amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara yang berkesan walaupun diberi kuasa yang luas.

Tuan Pengerusi, antara sebab-sebab yang menjadikan Badan Pencegah Rasuah begitu lemah ialah:

- (1) kekurangan tenaga kerja dalam aktiviti pendakwaan, penyiasatan, pencegahan, latihan dan perisikan.
- (2) Badan Pencegah Rasuah sukar mendapat maklumat-maklumat dengan terang secara mendalam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang ke berapa, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36(6).

Tuan Ahmad bin Nor: Ini hendak kacaukah atau hendak tanya secara ikhlas.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun atas point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sangkaan jahat.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun atas point of order yang ke berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(6).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sangkaan jahat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sangkaan jahat, dia kata saya menyeleweng. Saya menyeleweng, saya bukan Menteri. Kalau saya Menteri esok, boleh tuduh menyeleweng. Dia kena tarik balik. Kalau tidak, saya akan rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah! Saya akan buat keputusan. Sila dudukEYang

Berhormat, sebenarnya apa yang dibangkitkan itu, saya rasa kurang tepat. Yang Berhormat teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Okay.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36(6). Yang Berhormat kena minta dia tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Memang yang saya sebutkan ...

Tuan Shahidan bin Kassim: Keputusan Yang Berhormat, tetapi dia tidak tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar. Saya telah buat keputusan tadi. Sebenarnya sangkaan jahat terhadap seseorang itu, saya rasa itu tidak timbul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia kata saya menyeleweng. Saya menyeleweng apa? Itu Speaker kata. Dia tidak kata.

Tuan Lim Guan Eng: Dia kata tak ada.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka, jangan cakap dengan sewenang-wenangnya. Itu tidak baik. Yang Berhormat Bayan Baru tadi ada menyebutkan perkataan seperti yang didakwa.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya menyebutkan kalau Yang Berhormat dari Arau buat penyelewengan, BPR tidak ambil tindakan. Saya dok bercakap dalam konteks rasuah. BPR cuma mengambil tindakan kerana melibatkan sogokan wang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia kata contohnya, macam Yang Berhormat Arau menyeleweng, BPR tidak ambil tindakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, sabar! Yang Berhormat Bayan Baru kalau ada sebut perkataan itu yang khusus kepada Yang Berhormat Arau, saya rasa....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tak boleh, sebab saya tak pernah

Tuan Ahmad bin Nor: Kalau tidak ada penyelewengan, apa yang saya hendak ambil. Apa bentuk penyelewengan yang saya sebutkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak boleh. Saya kata dia digunakan oleh DAPPun, DAP buat keputusan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, dahulu DAP, saya kata dia paria dan sebagainya, dia ambil tindakan. Saya tidak mahu guna, sebab saya orang lerhormat, yang paria mereka. Tetapi kalau

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya tidak izinkan Yang Berhormat berucap tanpa kebenaran, sebab keputusan telahpun dibuat dan sekiranya Yang Berhormat Bayan Baru ada sebut apa yang didakwa itu tadi, saya rasa elok juga dielakkan dan tarik balik. Kalau tidak, teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak ada buat tuduhan terhadap Yang Berhormat ada menyeleweng tentang apa-apa perkara—tidak ada! Saya cuma cakap contoh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau begitu, teruskan. Yang Berhormat Arau, sila dudak!

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia kena minta maaf, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . sebab dia kala saya menyeleweng. Saya tidak mahu.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, menyambung ...

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36(6).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya telah buat keputusan. Itu adalah muktamad dan sekiranya Yang Berhormat masih ragu-ragu lagi tentang apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Bayan Baru, saya rasa kita boleh semak Hansard pada keesokan hari.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak buat tuduhan apa-apa yang tenentu berhubung dengan penyelewengan, saya bercakap contoh penyelewengan. Saya tidak ada sebut dia buat apa-apa yang menyeleweng. Tidak ada! Apa sebab dia mengatakan saya tuduh dia buat penyelewengan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, Badan Pencegah Rasuah (BPR) selalu sukar mendapat maklumat-maklumat dengan terang secara mendalam.

Yang ketiga, kita lihat BPR tidak dapat menjalankan tugas mereka secara yang berkesan, kemungkinan ada campur tangan ataupun pengaruh daripada orang atasan dalam mereka menjalankan tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah yang dihadapi oleh Badan Pencegah Rasuah perlu diatasi jika kita mahu Badan ini bergerak secara yang progresif, bertanggungjawab dan lagi

berkesan. Saya mencadangkan pegawai-pegawai BPR ditambah supaya dapat kita meletakkan sekurang-kurangnya seorang pegawai di setiap jabatan dan agensi Kerajaan. Pegawai ini dapat memerhati secara lebih dekat segala aktiviti jabatan atau agensi supaya tidak berlaku amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Bukan hanya sekadar bila ada aduan, baru mahu buat penyiasatan. Pihak Badan Pencegah Rasuah kerap kali tidak pernah mendapat kerjasama untuk mendapatkan maklumat yang terang dengan lebih mendalam. Oleh itu cadangan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai daripada Badan Pencegah Rasuah di setiap jabatan dan agensi Kerajaan amat memerlukan. Segala maklumat berhubung dengan aktiviti sesebuah jabatan dan agensi mudah diperolehi dan difahami jika jabatan atau agensi Kerajaan telah memahami dengan sepenuhnya perjalanan aktiviti biasa harian jabatan dan agensi berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya mencadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah hendaklah diletak terus dan bertanggungjawab kepada Parlimen ataupun kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidak di bawah Jabatan Perdana Menteri sepertimana yang ada sekarang.

Ini adalah untuk mengambil langkah yang positif bagi menentukan Badan Pencegah Rasuah tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang tertentu terutamanya pihak-pihak atasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

6.01 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dengan ringkasnya mengenai B.7

Program 040200 iaitu mengenai Pasukan Petugas Anti Dadah yang menerima peruntukan sebanyak \$3,728,000 dalam peruntukan Belanjawan tahun yang akan datang.

Saya mendapat tahu bahawa sehingga bulan Jun tahun ini pihak Pasukan Petugas Anti Dadah telah mencatatkan statistik lebih kurang 156,000 orang penagih dadah di seluruh negara. Dan penagih-penagih ini merangkumi kategori umur di antara 14 sehingga 40 tahun iaitu mereka adalah umur golongan belia. Skiranya kayu ukur oleh World Health Organisation (WHO) ataupun Badan Pertubuhan Kesihatan Se-dunia boleh digunakan di sini bahawa di belakang setiap seorang penagih dadah yang terdaftar itu terdapat 7 orang lagi yang belum dikesan, maka ini tidak meleset kalau dikatakan bahawa kemungkinan negara ini sekarang mendaftarkan lebih 1 juta orang penagih dadah yang terdiri dari kalangan umur belia dan remaja. Dan saya berasa amat berbangga dengan Pasukan Petugas Anti Dadah yang penubuhannya sejak beberapa tahun yang lalu telah memberi kesan kepada peperangan memusuhi dadah di negara ini.

Tuan Pengerusi, bagaimanapun saya harap perkara ini adalah perkara emphasis, perkara keanggotaan Pasukan Petugas Anti Dadah harus dikaji semula dengan adanya Wawasan 2020 di mana kita menitik beratkan generasi akan datang yang kita sama-sama tatang dan akan sama-sama mewarisi kesejahteraan negara di masa akan datang. Oleh kerana sebilangan besar ataupun keseluruhan penagih dadah yang terdaftar di negara ini adalah belia, saya harapkan diadakan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai dadah yang diselaraskan dengan Jawatankuasa Anti Dadah di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara supaya perkara ini dapat diselaraskan dan supaya aktiviti-aktiviti Kementerian-kementerian yang berkaitan dengan

pembangunan sumber manusia khususnya pembangunan belia dan tenaga buruh supaya mereka juga dapat memainkan peranan-peranan anti dadah dan peperangan menentang dadah di kalangan generasi Malaysia di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya berasa amat gerun, saya amat takut apabila membaca laporan-laporan akhbar Lembah Kelang seperti umpamanya akhbar Metro yang memaparkan bagaimanakah penagih-penagih dadah sangat-sangat mencabar authority Kerajaan. Bagaimanakah penagih-penagih dadah berkeliaran di Pasar Chow Kit, bagaimanakah penagih dadah berkeliaran di Pasar Borong, mereka sangat-sangat mencabar authority pihak-pihak penguatkuasa. Dan apabila terdapat bantahan-bantahan dan suara-suara bangkangan daripada rakyat umum dikatakan bahawa mereka ini tidak boleh dibuat apa-apa. Mereka ini telah umpama macam sampah.

Saya rasa ini adalah satu approach, satu pendekatan yang perlu dibetulkan. Kita harus memandang mereka sebagai generasi Malaysia. Kita harus memandang mereka sebagai warga-negara Malaysia. Dan sekiranya program-program pemulihan penagih-penagih dadah adalah tidak berkesan, setelah kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina kem pemulihan, pusat serenti, setelah mengambil pekerja-pekerja, setelah membelanjakan wang ringgit untuk memberi makan dan minum, dia keluar menagih dadah lagi.

Jadi, saya rasa ada yang tidak kena di sini. Dan setelah saya berinteraksi dengan rakyat peringkat bawah yang terlalu prihatin dengan masyarakat dengan masalah dadah, oleh kerana dadah ini bukan sahajadi Kuala Lumpur, di kampung-kampung terpencil juga adalah sedang dicengkam oleh bahaya dadah. Jadi, diharapkan akan dapat diadakan satu kajian yang menyeluruh

terhadap keberkesanan fungsi-fungsi pencegahan anti dadah dan juga fungsi-fungsi pemulihan penagih-penagih dadah secara menyeluruh supaya dapat dikesan sama ada telah berjaya, kalau berjaya perlu diperbaiki lagi dan kalau kurang berjaya kita harus mencari jalan apakah kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, sila bilang.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahti-ahli dikira, lebih 26 Ahli Hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Cukup bilang, Yang Berhormat dari Parit Sulong, teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, saya telah mengatakan bahawa penagihan dadah bukan sahaja penyakit bandar, bukan lagi penyakit urban, ini adalah penyakit di seluruh negara dan adalah sedang mencengkam seluruh rupa-bentuk rakyat jelata di negara ini. Dan walaupun di peringkat kampung-kampung umpamanya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Anti Dadah, walaupun mungkin di peringkat-peringkat kampung ada juga PEMADAM yang menjalankan kerja-kerja sukarela

mengenai pencegahan dadah, saya rasa ini kurang berkesan oleh kerana mereka menjalankan tugas dengan sukarela tanpa bimbingan dan juga tanpa bantuan dari segi kewangannya.

Jadi, diharapkanlah oleh kerana Jawatankuasa Pasukan Petugas Anti Dadah ini adalah di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara, masalah dadah adalah masalah keselamatan negara, apalah lagi apabila penagihan dadah juga yang menggunakan suntikan jarum secara ramai dan bergilir-gilir telah menjadi salah satu sebab yang menyebabkan bencana penyakit AIDS yang belum ada ubat. Saya harap pihak Kerajaan akan melihat perkara ini dengan lebih serius di masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai B.7, Butiran 05300 mengenai Program Khas Bina Semangat. Pihak sahabat saya daripada DAP—"Depa Ahli Pukul", tadi mempertikaikan mengapa Kerajaan harus membelanjakan ataupun memperuntukkan \$24 juta untuk membina semangat. Dia kata kalau hendak bina semangat, pergi sekolah. Semangat rakyat yang hendak dibina adalah bukan semangat rakyat ataupun pembinaan semangat bukan sahaja menggunakan buku-buku. Pembinaan semangat adalah menerusi penanaman sifai-sifat keinsafan, sifat-sifat mengenal diri, sifat insaf kepada Tuhan, sifat untuk mengenal siapakah Ruhanie. *(Ketawa)* Kalau Ahli Parlimen Kepong tak kenal, Ahli Parit yang Sulong. Perkara-perkara ini tidak ada diajar di bangku sekolah.

Perkara-perkara ini amat ketara kekurangan sekarang ini di mana keruntuhan moral rakyat, di mana kejatuhan moral rakyat amat-amat dikesan. Sebab itulah mungkin di dalam merencanakan Wawasan 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak mahu mencontohi mana-mana

acuan negara maju sekalipun. Saya rasa kem bina semangat ini akan memainkan satu peranan yang amat penting di dalam kita menjayakan program dan di dalam kita mencapai matlamat Wawasan 2020 membina dan melahirkan generasi Malaysia yang seimbang, yang bermoral, yang beretika, yang berilmu, yang berpendidikan tinggi, yang mempunyai kesetiaan yang luhur kepada pemerintah, bukan macam orang-orang DAP. Jadi saya harap Kerajaan akan meneruskan program ini dan mereka yang akan dipilih untuk menghadiri kursus-kursus ini jangan muka biasa sahaja, jangan panggil ketua-ketua kampung sahaja. Kalau

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Parit yang Sulong bolehkah beritahu, 'rohani' ini 'r-u' ataupun 'r-o' kerana saya pun tak tahu semangat dia kelelakian ataupun keperempuanan. (*Ketawa*) Itu saya tak tahu. 'Rohani' atau 'Ruhanie', itulah masalah sekarang semangatnya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat dari Parit Sulong menjawab, saya rasa 'Parit' itu biasanya tak boleh jawab. (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, kalau saya jawab, saya sebenarnya tak hendak beri jawab kerana saya tidak mahu jadi agen penyakit AIDS, kerana 'rohani' yang ini adalah 'rohani laki-laki'. Saya tak boleh berbaik dengan lelaki macam Kepong.

Tuan Pengerusi, saya harap mereka yang akan dihantar ke kem bina semangat ini adalah anak-anak yang baru lepas dari sekolah, anak-anak yang melalui zaman perantaraan, di aniera

zaman baru keluar dari sekolah dan zaman melangkah ke alam pekerjaan ataupun ke alam pengangguran. Anak-anak ini selalunya adalah generasi yang selalu saya katakan generasi yang terapung-apung (*Hoating generation*) yang kalau tidak diberi pembelaan, mereka akan menjadi faceless citizen dan akan menjadi orang-orang yang akan menempah hidup seumpama penagih-penagih dadah

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, saya suka Ahli dari Parit Sulong memberitahu apakah rancangan Ahli dari Parit Sulong untuk membetulkan semangat-semangat DAP yang tua-tua itu? (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya sebenarnya kalau boleh semangat DAP yang tua-tua itu, kita cari Kepong, kita kepongkan dia ramai-ramai.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pada saya Program Khas Bina Semangat yang diperuntukkan \$24 juta ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membina generasi yang seimbang, untuk memberi kesejahteraan yang seimbang oleh kerana kita telah tahu dan kita telah melihat contohnya bagaimanakah keruntuhan moral, bagaimanakah perpecahan institusi kekeluargaan yang terlalu amal prominent, yang terlalu amat ketara di negara-negara maju, oleh kerana saya yakin negara-negara maju itu kurang melihat dan kurang memberi emphasis kepada aspek pembinaan semangat dan pemupukan semangat di dalam usaha mereka mengejar kemajuan di masa yang lalu.

Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai B.8, Butiran 030000 mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Di dalam Kerajaan mahu melaksanakan Wawasan 2020, Wawasan 2020 bukan

sahaja memerlukan perancangan yang bagus, perencanaan, idea dan strategi yang bagus, tetapi juga memerlukan tenaga kerja pelaksana yang dedikasi, pelaksana yang terlatih, yang cncup dan sebagainya.

Saya ditahamkan beberapa Kementerian khususnya Kementerian yang non-revenue earner, Kementerian yang tidak menjanakan hasil untuk dana negara selalunya menghadapi kesukaran untuk menambahkan kakitangan, untuk memenuhi program-program sosial, program-program yang mempunyai kesan yang jauh kepada masyarakat akar umbi. Contohnya, setengah-setengah Kementerian sangat merasa susah untuk mendapat pertambahan kakitangan peringkat pertengahan yang akan dimobilisasikan ke peringkat-peringkat kampung sebagai pegawai extension, sebagai pegawai pembangun, sebagai pegawai yang akan menjadi rujukan kepada masyarakat kampung.

Saya harap emphasis ini akan diberi satu perspektif yang baru di dalam kita menjeritkan, di dalam kita melaungkan Wawasan 2020. Saya harap ada satu re-alignment of attitude, re-alignment of policies daripada JPA yang selama ini memang pun telah memainkan peranan yang amat berkesan di dalam memberi sumbangan tenaga pelaksana kepada program-program Kerajaan.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

6.17 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana diberi peluang untuk membahaskan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga di bawah Maksud Bekalan-bekalan yang tidak dimasukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang pertamanya saya hendak sentuh ialah Maksud Bekalan 1—Parlimen Malaysia. Tuan Pengerusi, di bawah

Pentadbiran dan juga lain-lain di bawah Parlimen, yang pertamanya berhubung dengan kakitangan Parlimen. Saya bersetuju dengan beberapa orang rakan-rakan tadi yang menyebutkan sudah sampai masanya pegawai-pegawai dan juga kakitangan Parlimen ini tidak lagi dimasukkan di bawah Jabatan Tertutup. Makna kata, kita masuk sebagai Jabatan Terbuka untuk membolehkan pertukaran berlaku dan sebagainya.

Hal ini perlu dibuat oleh kerana walaupun Jabatan Parlimen ini adalah merupakan Jabatan penting dan Jabatan khusus kerana ianya merupakan pengkhususan yang penting dan amat kita perlukan pegawai-pegawai yang berpengalaman, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu adalah wajar bahawa jawatan-jawatan ini dibuka. Kita dapati kedudukan Parlimen kita ini walaupun Lidak ada Ahli-ahli daripada DAP yang memberi contoh, tadi Ahli dari Bayan Baru telah menyebutkan contoh Parlimen yang baik, kita tidak tahu di mana ada contoh Parlimen yang baik. Bagi saya, Parlimen yang paling baik ialah Parlimen Malaysia. Kalau tidak, saya tidak duduk di Malaysia, saya akan pergi ke Russia, Tashkent dan sebagainya. Tetapi bagi saya, Parlimen yang baik adalah Parlimen Malaysia. Malah kalau hendak bandingkan dengan Parlimen di Britain sendiri pun, saya rasa Parlimen Malaysia adalah Parlimen yang terbaik. Di Britain hendak duduk menulis pun tak boleh. Macam Ahli dari Kepong ini kerjanya menulis, tak boleh, duduk rneja depan pun tak ada. Jadi, Parlimen kita adalah Parlimen yang terbaik, cumanya perlu diperbaiki dari masa ke semasa.

Saya hendak sentuh ini ialah berhubung dengan peraturan yang diterimapakai untuk kakitangan Parlimen ini diambil daripada peraturan Parlimen Great Britain, British. Jadinya banyak jawatan-jawatan ini dijadikan 'jawatan tertutup' oleh kerana kita mengikut Parlimen British, tetapi malangnya dari segi gaji kita tak ikut

Parlimen Britain, kita tidak ikut. Kita cuma ikut gaji yang ditetapkan ataupun diterimapakai daripada gaji-gaji bersamaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Demikian juga perlantikan jawaan-jawatan penting, seperti jawatan Setiausaha bagi Parlimen juga kita ikut Parlimen Britain. Kita tidak ikut cara perlantikan yang dibuat mengikut ala-Parlimen Malaysia.

Jadi, kalau sekiranya perkara ini kita hendak buat sebagai jawatan terbuka, dan ini penting untuk membolehkan sekurang-kurangnya pegawai ini bertukar dan dapat merasai pengalaman-pengalaman baru di tempat yang baru dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara. Maka, peraturan ini telah dicadang diubahkan termasuk perlantikan-perlantikan penting seperti perlantikan Setiausaha bagi Parlimen dan lain-lain lagi. Dan dalam keadaan kita sekarang, adalah diminta supaya ditentukan garis arah, garis pandu, kuasa di antara pihak pentadbiran Parlimen dan juga Ketua Pentadbiran Parlimen. Di antara Speaker dengan Setiausaha, jadi kita kena tentukan arah ini, sebab kita mengikut peraturan daripada Britain.

Dalam masa yang sama kita terpaksa disesuaikan dengan keadaan di Malaysia, ia ada sedikit kelam kabut. Ini perlu diterjemahkan dan diterangkan dan difahamkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Ia ada sedikit masalah perundangan ini yang kita minta supaya kita ubahsuai mengikut kehendak Malaysia. Jadi saya harap mesej saya ini clear dan sampai, sebab semua orang tahu, tetapi semua orang tidak mahu bercakap. Saya bercakap dalam perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, fasal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, jadi dia sudah tahu, sebenarnya dia sudah tahu backbencher sudah buat keputusan. Kita backbencher ini kita hendak cakap, kita buat perlahan-lahan kita minta Kerajaan tetapi kalau backbencher minta pun DAP untung sama, semua orang untung. Jadi, apa

yang dia cakap itu backbencher sudah pun minta pohon kepada Kerajaan dan kita minta Kerajaan timbangkan termasuk masa Parlimen dan sebagainya.

Saya terpaksa sebut perkara ini, nanti DAP kata bila Kerajaan terima ini, dia kata DAP yang cadang. Bukan DAP cadang, kita yang sama-sama berbincang sesama backbencher ini dan kita telah forward kepada Kerajaan dan DAP pun bersetuju dengan saya, Kepong pun bersetuju, semua DAP bersetuju dengan saya terutamanya berhubung dengan soal-soal kebajikan Wakil Rakyat, semua bersetuju. Saya percaya kalau sekiranya diumumkan oleh Kerajaan, mereka tidak akan menolak. Inilah satu-satunya cadangan Kerajaan yang mereka tidak akan tolak, saya percaya.

Kemudian, saya cuma hendak sentuh sedikit fasal perbincangan Parlimen, Tuan Pengerusi. Kita lihat backbencher ini terdiri dari dua setengah blok, kita ramai, tetapi dalam cara kita berbincang kita lihat diberi peluang 1:1. Ini bukan kita hendak mengengkar kuasa Tuan Pengerusi. Kita akan patuh, buat apa pun kita patuh, sebab kita jenis manusia patuh, tetapi kita hendak beritahu peraturan 1:1 saya ingat kurang sesuai pada pandangan saya. Kalau mujur Kepong tidak dapat tadi, kalau Kepong dapat, lagi tidak adil, fasal dia seorang sahaja, orang lain tidak minat untuk berbahas. Tetapi dalam bentuk 1:1 tidak sesuai. Saya ingat lebih baik 2:1, dua di sini, satu di sana. Kadang-kadang kalau 1:1, sebab kita tengok Ahli-ahli daripada backbencher juga kita pun bukan bercakap menyokong Kerajaan, yang tidak betul kita kata, yang betul kita katakan betul, jadi kita lebih rasional. Orang yang rasional yang patut diketengahkan oleh akhbar-akhbar dan juga media walaupun ada suratkhbar yang boikot saya sudah tidak hendak langsung terima ucapan saya, itu terpulang kepadanya. Kalau dia orang Islam, dia berdosa, sebab saya bercakap

perkara yang rasional dia tidak timbulkan, tetapi yang tidak rasional yang DAP bawa, semua ditimbulkan. Itu lagi berdosa, sebab memecah-belahkan rakyat dan sebagainya.

Jadi saya minta perkara-perkara yang rasional yang kita timbulkan ini diberi peluang dalam bentuk 2:1, itu lebih tepat dan Kepong setuju dengan saya, dengan penyuman yang diberi itu dia bersetuju. (*Ketawa*) Jadi bagi saya apa yang telah ada di Parlimen ini terbaik, cumanya kita tambahkan dari masa ke masa kita akan menyokong supaya perkara ini dibetulkan untuk kebaikan kita bersama, tetapi kita hendak sebutkan Parlimen yang terbaik bagi rakyat Malaysia adalah Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, tadi Bayan Baru telah menyebutkan satu perkataan yang cukup sensitif. Dia kata kalau Wakil Rakyat DAP kalau berjuang, berjuang habis-habisan, tetapi kalau Barisan Nasional ini berjuang kerana poket. Ini lagi satu kenyataan-kenyataan yang berbentuk tohmah, yang berbentuk orang yang tidak rasional bercakap, termasuk dia tuduh kita menyeleweng dan sebagainya. Soal perjuangan ini nombor dualah, tetapi kalau saya hendak kata dia berjuang dalam Kesatuan Sekerja itu lagi teruk, dia gunakan duit Kesatuan Sekerja untuk pergi luar negeri, lagi teruk. Kita tidak mahu sebut, adakah itu tidak dikira perjuangan poket? Kalau hendak kira itu macam-macam lagi kita boleh pertikaikan, malah pakar doktor kulit di sini pun, dia pun berjuang kerana orang terkenal nama dia mungkin orang ramai pergi klinik kulit dia, adalah sedikit perkara-perkara yang ada hubungan dengan poket. Jangan sebut soal itu, berjuang, masing-masing ada perjuangannya. Oleh kerana saya berjuang baik di bahagian Arau, siapa pun tidak boleh lawan dengan saya, saya menang. (*Tepuk*) Di bahagian Kepong, walaupun dia kurang baik, sebab dia pandai main tohmah-tohmah, dia menang! (*Ketawa*)

Jadi, ini soal perjuangan, tidak boleh kata saya yang terbaik. Macam DAP jangan kata saya yang terbaik, peribadi saya tahu, jangan bohong. Saya berkawan dengan semua orang, penyangak saya kawan, penyamun saya kawan, tok imam pun saya kawan. Saya tahu semua

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim: Jangan sebut kata dia terbaik, tak baik.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila bercakap tentang Butiran yang ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila bercakap tentang Butiran yang ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Inifasal Wakil Rakyat di Parlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jangan pergi jauh sangat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi beri Kepong bercakap fasal Wakil Rakyat, saya hendak bercakap fasal Wakil Rakyat. Bayan Baru tadi, Bayan Baru bercakap fasal Wakil Rakyat, dia menuduh mengatakan Barisan Nasional memperjuangkan fasal poket. Kita, walaupun kita berjuang fasal poket, kita keluarkan banyak mana kita dapat, banyak itu kita keluarkan. Kita tidak pernah kedekut, kenduri \$50, depa \$10 sahaja. Mati \$100, dia tidak beri langsung kadang-kadang, dia pergi makan lagi. Jadi, ini ada perbezaan. Kita walaupun kadang-kadang dapat banyak, keluar pun banyak, kita kirakan kumpulan pemurah. Ini yang dikehendaki oleh Islam, tetapi orang PAS tidak hendak baca hal ini. Kita tidak pernah kutip derma untuk

diberikan kepada orang lain, tiap-tiap kali kita buat ceramah kita tidak pernah kutip derma. Ada duit kita beri, kita tidak pernah minta balik kepada orang yang datang mendengar ceramah.

Jadi, saya hendak beritahu soal perjuangan ini ialah soal masing-masing. Ini yang ada di sini mereka berjuanglah disukai rakyat, sebab itu mereka menang. Yang setengahnya DAP itu walaupun dia pandai-pandai tohmah sedikit, tetapi apabila rakyat sudah faham nanti, saya percaya mereka tidak akan ada tempat dalam negara ini. Kepong sendiri pun saya rasa terpaksa masuk MCA, itu terpulung kepada MCA lah untuk membolehkan dia terus berjuang sebagai Wakil Rakyat. Kalau tidak dia tidak ada tempat lagi dalam DAP. Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, sepanjang perbincangan ini kita tengok apa isu yang dibawa? Ketua Pembangkang sendiri bawa isu fasal wakil dari Pendang yang tidak ada langsung ini kalau hendak peraturan berbahas ini, tidak boleh tahu Kepong? Tidak boleh, dia kena rujuk bahagian mana, Butiran mana dia rujuk tadi, tidak ada, dia bercakap secara umum. Kemudian dia beri tuduhan secara umum dan melepasi sahaja. Selepas itu dia cuma cabar suruh letak jawatan, kalau dia berani, dia buat tuduhan di luar

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau. Tadi beliau sebut kisah Parlimen kita ini the best Parliament, selepas itu beliau beri contoh British Parliament. Saya hendak tanya beliau adakah sifat-sifat, macam sifat-sifat Pembangkang ini, bangun cekak

pinggang bercakap, tidak menghormati Pengerusi atau Yang di-Pertua, adakah perkara ini wujud di British Parliament, saya lihat Pembangkang ini cukup teruk betul, terutama sekali Yang Berhormat dari Kuching, bila bangun selalu cekak pinggang. Ini bukan tempat samseng. Saya minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak ada, tidak ada! Tidak pernah orang buat kerja macam itu, di Malaysia yang kita tengok macam ini, (*Ketawa*) dan mungkin sedikit-sedikit ada di negeri-negeri di sebelah Afrika yang kira bila bercakap bawa keluar pistol, itu ada sedikitlah. Mereka itu ada gara-gara itu, nasib baik kita kontrol dengan elok. (*Ketawa*) Minta maaf, saya tidak boleh sebut negeri-negeri, tetapi saya hendak sebutkan adalah di negara-negara lain yang berperangai macam itu. Tetapi saya bersyukur, sebab Ahli Parlimen Barisan Nasional sentiasa tertib, bercakap pun bagus cuma sekali sekala keluar perkataan, itu pun berbalas balik. Bukan kata kerana orang kata macam kawan saya kaia 'kurang ajar', dia sebut, sebab orang kata dekat dia, Apa pilihannya, dia terpaksa kata balik. Jadi, dari segi yang lain, kita kira bagus, terhormat dan Kepong, you seorang sahaja bagus, orang lain tidak ada! (*Ketawa*)

Jadi kita hendak tunjukkan di sini perbahasan sepanjang Belanjawan sampai peringkat Jawatankuasa tidak ada isu—tidak ada isu hendak dibincangkan. Cuma dibincangkan perkara-perkara yang remeh-temeh untuk hendak dapat publisiti, Soal budget, soal Belanjawan negara yang terbaik ini tidak ada lagilah, tidak ada lagilah. Dan cuma dibangkitkan isu-isu yang lama termasuk tuduhan kepada BPR dan sebagainya, saya rasa kalau hendak tuduh, tuduh cara terperinci, buat laporan, jangan buat rambang di situ mengatakan semua orang ini rasuah. Apa pula saya kata semua orang ini rasuah, kutip duit untuk derma Bukit China itu saya kata rasuah. Saya juga

boleh buat tuduhan macam itu, tetapi saya tidak buat tuduhan, saya kata saya pun boleh buat, kalau saya hendak. Tetapi saya tidak mahu buat rambang begitu, sebab saya tidak ada bukti, dengar cerita itu adalah macam-macam, yang kutip duit dan sebagainya

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah sunluk. Yang Berhormat diminta menyambung besok.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.